AKIDAH AHLIS SUNNAH WAL JAMAAH

Siapa dan kenapa menurut ahli hadis

Imam-Imam Al-Arba'ah dan Al-Salaf Al-Solih

PROSIDING SEMINAR

Badan Perkhidmatan Penerangan Islam
Selangor dan Wilayah Persekutuan (BPPI)
Dan Persatuan Ulamak Pulau Pinang &
Seberang Perai

Prosiding Seminar

AKIDAH AHLI SUNNAH WA AL-JAMA'AH

Siapa dan kenapa menurut ahli hadis, Imam-Imam Al-Arba'ah dan Al-Salaf Al-Soleh

Di sunting oleh
Dr. Sulaiman Noordin Dr. Mohd Zawawi Abdullah
Ahmad Rafizi Salleh

25 Disember 1996
Di Dewan Kuliah 1, Fakulti Kejuruteraan Elektrik
Universiti Teknologi Malaysia
Jalan Semarak, Kuala Lumpur

Anjuran:
Badan Perkhidmatan Penerangan Islam, Selangor dan Wilayah Persekutuan, Malaysia dan Persatuan Ulamak Pulau Pinang & Seberang Perai

Cetakan Pertama : September 1997

Kebenaran Untuk Mencetak Boleh Didapati
Daripada Penerbit atau Penyunting.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalog-dalam-Penerbitan

Akidah Ahli Sunnah Wal-Jama'ah:
Siapa dan kenapa menurut al-hadis, Imam-Imam
Al-Arba'ah dan Al-Salaf Al-Soleh

ISBN 983-9147-00-5

1. Islam--Doctrine--Congress. 2. Sunnites--Congresses.
I. Sulaiman Noordin. II. Mohd Zawawi Abdullah III. Ahmad
Rafizi Salleh. IV. Judul.
297.2041

Dicetak oleh:
Fulson Trading Company

Diterbitkan oleh:
Badan Perkhidmatan Penerangan Islam
Selangor dan Wilayah Persekutuan (BPPI)
43000 Kajang, Selangor

KANDUNGAN **MUKASURAT**

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين
وعلى آله وصحبه أجمعين ، ومن تبعهم بإحسان إلى يوم الدين .

PRAKATA

Segala pujian hanya bagi Allah, Pencipta seluruh alam, selawat dan salam atas junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. dan ahli keluarga serta sahabat dan pengikutnya.

Buku ini adalah hasil daripada kertas-kertas kerja yang dibincangkan di seminar yang diadakan pada 25hb Disember 1996 di Univesiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur. Tajuk-tajuk yang dibincangkan menyentuh isu-isu semasa yang sangat penting berkaitan dengan asas-asas akidah kaum muslimin dan muslimat.

Siapakah ahli Sunnah wal-Jamaah dan mengapakah timbul perbezaan pendapat atas perkara yang asas dalam fahaman akidah? Betulkah pemikiran falsafah Yunani dalam bentuk Ilmu Kalam yang menyebabkan umat Islam berpecah-belah dalam masalah akidah?

Perlukah kita bermula dengan memurnikan akidah sebagai asas untuk kesatuan ummah yang diredhai oleh Allah s.w.t.? Rasulullah s.a.w. sebagai teladan terbaik untuk kita telah menumpukan perhatian dalam masalah akidah selama 13 tahun di Mekkah sebelum berhijrah ke Madinah.

Persoalan-persoalan tersebut adalah penting dan perlu dijelaskan demi untuk menegakkan yang hak dan mengenepikan yang batil khasnya dari segi akidah.

Antara masalah-masalah yang terpenting yang perlu dijelaskan adalah mengenai:

(a) akidah menurut as-Salaf as-Soleh.
(b) sifat-sifat dan nama-nama Allah 'al-mutashabihat'.
(c) sumber-sumber untuk berdalil dalam hukum Islam.
(d) masalah Ilmu Kalam daripada pemikiran Yunani yang meresapi masuk ke dalam pemikiran umat Islam.
(e) amalan-amalan adat dan budaya yang bercampur aduk dengan amalan ibadah dalam Agama.

Ulamak-ulamak as-Salaf as-Soleh telah mengutarakan dua prinsip yang kukuh untuk diikuti seperti berikut:

الأصل فى العبادة الاتباع والأصل في الأمور الدنيوية الابتداع أو الابتكار.

Bermaksud:
Asal usul dalam ibadah adalah mengikut perintah dan asal usul dalam perkara duniawi adalah untuk mereka perkara yang baru. Dalam ibadah kita kembali kepada pejuang-pejuang Islam yang terawal, as-Salaf as-Soleh seperti ar-Rasulullah s.a.w., para sahabat, at-Tabiin dan Imam-Imam masyhur yang empat seperti Imam Malik, Shafie, Hanafi, Imam Hambali dan Imam Ash'ari.

Kertas-kertas kerja di dalam buku ini membincangkan isu-isu berkaitan dengan:

(i) asas-asas akidah ahlis Sunnah wal-Jamaah menurut ahli Hadis.
(ii) asas-asas akidah Imam-Imam Empat yang muktabar.
(iii) perbezaan antara akidah Imam Abu Hassan al-Ash'ari dan akidah pengikutnya (al-Asha'irah).
(iv) penilaian terhadap fahaman bahawa akidah golongan al-Khalaf iaitu mereka yang datang terkemudian adalah lebih bijak dan mantap.

Ulamak-ulamak Nusantara banyak memberi perhatian kepada perkara-perkara berkaitan dengan syariat Islam. Jika sekiranya perhatian

yang lebih mendalam diberi kepada masalah akidah ini, tentu sekali ia boleh membantu untuk memperbaiki dan memantapkan ilmu dan amalan kita.

Untuk mengakhirkan kata, kita perlu ambil iktibar daripada sepotong hadis yang berbunyi:

عن أبي هريرة قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: افترقت اليهود على إحدى وسبعين فرقة، وتفرقت النصارى على اثنين وسبعين فرقة، وتفترق أمتي على ثلاث وسبعين فرقة كلها في النار إلا واحدة. (رواه أبو داود والترمذي) زاد الترميذي:- قالوا: من هي يا رسول الله؟ قال ما أنا عليه وأصحابي.

Bermaksud:
Diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Yahudi berpecah menjadi 71 golongan, Nashara berpecah belah menjadi 72 golongan dan umatku akan berpecah-belah menjadi 73 golongan. Semuanya di neraka kecuali satu." Diriwayatkan oleh Abu Daud dan at-Termizi. At-Termizi menambah. "Para sahabat bertanya: " Apa yang satu itu ya, Rasulullah?" Beliau menjawab: "Apa-apa (baca sunnah) yang aku berada di atasnya dan juga para sahabatku." Menurut at-Termizi hadis Abu Hurairah ini hadis hasan-sahih. (Dipetik dari Sunan Abu Daud.As-Sunnah-1).

Bagi pihak urusetia seminar, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua individu dan institusi yang telah memberi kerjasama untuk mengadakan seminar sehari ini.

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Dr. Mohd Zawawi Abdullah (Fakulti Pengajian Islam, UKM) dan Ustaz Ahmad Rafizi Salleh (Pusat Pengajian Umum, UKM) yang membantu dari segi menyunting. Juga kepada Mohd Yassin Sulaiman dan Idris Sulaiman yang menyediakan transkrip daripada pita-pita audio dan akhir sekali isteri saya Puan Suzanah yang memberi pelbagai bantuan bagi

menjayakan seminar tersebut.

Semoga buku ini dapat dimenfaatkan oleh semua pembaca dari kalangan penuntut, tenaga pengajar dan para pembaca umum. Daripada Allah Taala sahajalah kita dapat taufik dan hidayah.

Sulaiman Noordin
Setiausaha BPPI
Ogos 1997

1 DR. JOHARI MAT (AKADEMI ISLAM UM)

ASAS-ASAS AKIDAH AHL SUNNAH WALJAMAAH (ASWJ) DAN KHALAF

MUQADIMMAH

Takrif/Definisi Ahli al Sunah Wa al Jamaah (ASWJ)

Sebelum kita pergi lebih jauh berhubung dengan perbincangan kita ini, ada baiknya kita mengetahui dulu definisi *ASWJ dan Khalaf* agar dapat kita memahami dan mengenali mereka dengan jelas dan tepat. Dari pengenalan ini nanti kita akan dapat membuat ukuran dan penilain yang tepat siapakah ASWJ dan Khalaf itu dan bagaimana pula manhaj mereka di dalam Akidah dan dapat mengetahui persamaan atau perbezaan di antara satu sama lain. Dengan demikian kita dapat mengenali mereka dengan baik dan tepat dan dapat kita membuat pertimbangan yang adil tentang mereka .

1 . Definisi Ahl Sunnah Wal -Jamaah

Secara umum perkataan Ahl (Ahli) membawa beberapa maksud, antaranya ialah;

1. Orang yang paling pandai, pakar, mahir dan bijak di dalam sesuatu perkara, kerjaya dan bidang yang diceburinya atau di pelajarinya atau mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi di dalam sesuatu bidang atau pengkhususan. Kalau sekiranya di katakan Ahli falak, bererti seseorang itu pakar di dalam ilmu falak. Ahli ekonomi bererti seseorang itu pakar di dalam ekonomi, dan begitulah seterusnya kalau dikatakan Ahli sihir, Ahli Nujum dan sebagainya.

2. Ahli juga digunakan kepada pengikut kepada seseorang, satu-satu kumpulan atau satu-satu aliran pemikiran tertentu, di mana ia menjadi salah seorang anggotanya. Di antara ungkapan yang sering digunakan ialah seperti berikut:

Ahli keluarga:	bermaksud anggota keluarga yang terdiri dari suami isteri, anak-anak dan juga ibubapa dan saudara mara.
Ahli persatuan:	bermaksud orang yang menganggotai persatuan sama ada yang memegang jawatan atau pun tidak.
Ahli mazhab:	bererti orang yang mengikut satu satu mazhab tertentu.
Ahli Islam:	bererti orang yang menganut agama Islam.
Ahli Sunah:	bererti orang yang mengikut Sunah Rasulullah (s.a.w.).

(B) <u>Sunnah</u>

Sunnah menurut bahasa[1] ialah; Tariqah atau Sirah, bermaksud, jalan atau cara yang di lalui atau di ikuti, sama ada baik atau pun buruk, atau adat yang biasa di lakukan sama ada baik atau buruk.

Dalam hubungan ini Rasulullah (s.a.w.) telah bersabda:

(من سن سنة حسنة فله أجرها و أجر من عمل بها إلى يوم القيامة ،
و من سن سنة سيئة فعليه وزرها و وزر من عمل بها إلى يوم القيامة)[2]

Maksudnya:

"Barang siapa yang melakukan sesuatu Sunnah (jalan atau cara) yang baik, maka baginya pahala Sunnah itu dan pahala orang yang mengerjakan dengannya hingga hari kiamat, dan barang siapa yang melakukan sesuatu Sunnah yang jahat (buruk), maka dia akan mendapat dosa, dan dosa orang yang mengerjakannya hingga hari kiamat."

Dan sabdanya lagi:

(لتتبعن سنن من قبلكم شبرا بشبر و ذراعا بذراع
حتى لو دخلوا جحر ضب لدخلوه)[3]

Maksudnya:

"Sesungguhnya kamu akan mengikut Sunnah (jalan atau cara) orang orang yang sebelum dari kamu sejengkal demi sejengkal, sehasta demi sehasta sehingga sekiranya mereka masuk lubang Dhab sekalipun nescaya kamu akan memasukinya."

Kedua-dua hadis di atas membawa pengertian Sunnah menurut bahasa ialah jalan dan cara sama ada baik atau pun buruk. Untuk mengetahui apakah sunnah itu digunakan kepada baik atau pun buruk, dapat di lihat kepada pengunaan ayat atau hadis di dalam konteks yang dimaksudkan. Sunnah yang baik biasanya disandarkan kepada Allah dan RasulNya, manakala Sunnah yang buruk disandarkan bukan kepada Allah dan RasulNya. Walau bagaimana pun pada kebiasaannya al-Sunnah digunakan kepada perkara yang baik saja.

<u>Al-Sunnah menurut Istilah</u>

Di dalam memperkatakan al-Sunnah dari sudut istilah ada berbagai definisi yang telah dikemukakan oleh para Ulama mengikut bidang ilmu dan jurusan masing-masing. Justeru itu kita dapati di antara definisi-definisi tersebut ada persamaan dan ada pula perbezaan . Ini berlaku kerana fokas yang diberikan oleh satu-satu bidang itu berbeza

dengan yang lain . Di antara bidang bidang ilmu di dalam Islam yang memberikan definisi kepada al-Sunnah adalah seperti berikut:

1. **Ahl al- Hadis**

Mereka mentakrifkan al-Sunnah sebagai: Semua perkara yang dipindahkan dari Nabi (s.a.w.) sama ada perkataan, perbuatan dan Taqrir, pengajaran dan kelakuan, sejarah hidup, sama ada yang berlaku sebelum baginda di utus sebagai Nabi atau pun sesudahnya.

Ulama' Hadis melihat Rasulullah s.a.w segagai Imam dan pemimpin yang membawa hidayah dan sebagai contoh teladan kepada seluruh umat manusia. Kerana itu mereka pindahkan segala perkara yang berhubung dengan Rasulullah s.a.w. seperti sirah, syama'il, akhbar, perkataan, perbuatan sama ada memberi ketentuan hukum atau pun tidak.

2. **Ahl Usul al- fiqh**

Mereka mendefinisikan al-Sunnah sebagai: Semua perkara yang dipindahkan dari Nabi (s.a.w.) sama ada perkataan perbuatan dan taqrir yang bersangkutan dengan hukum.

Ahli Usul menumpukan perbahasan mereka kepada al-Sunnah/ Hadis dari sudut ia sebagai dalil syara', kerana Rasulullah s.a.w. di utus membawa syariat dari Allah, dan menjelaskan konsep perundangan dan perlembagaan hidup untuk seluruh manusia, di samping menjelaskan dan menggariskan kaedah mengambil hukum kepada para mujtahidin. Kerana itu ahli usul menumpukan dan perbincangan mereka kepada Sunnah yang ada hubungkait dengan hukum saja.

3. **Ulama Fiqh**

Sementara itu 'Ulama fiqh pula mentakrifkan al-Sunnah sebagai: Sesuatu perkara yang di terima dari Rasulullah s.a.w.

yang tidak menunjukkan fardhu atau Wajib.

Para 'Ulama' fiqh menumpukan perhatian dan kajian mereka kepada hadis-hadis Rasulullah s.a.w. yang bersangkaut paut dengan Hukum Syara', iaitu hukum-hukum yang berhubung dengan perbuatan mukallafin, sama ada wajib, haram, sunat, makruh dan harus. Jadi al-Sunnah dalam konteks perbincangan Ahli fiqh ialah perkara yang tidak wajib atau pun fardhu.[4]

4. **'Ulama Aqidah**

Ulama Akidah pula mentakrifkan al-Sunnah sebagai : Hidayah yang di bawa oleh Rasulullah (s.a.w.), dan di ikuti oleh para sahabatnya, sama ada 'Ilmu atau pun 'Itiqad, perbuatan atau pun perkataan, sebagai sunnah yang wajib di ikut dan di amal, orang yang mengikutinya di puji sebaliknya orang yang menyalahinya di benci dan di keji.[5]

'Ulama Akidah melihat al-Sunnah sebagai semua perkara yang di bawa oleh Rasulullah s.a.w. sama ada bersumberkan al-Quran atau pun Hadis, dan termasuk juga Ijtihad para Sahabat, sama ada ia menyangkut dengan hukum-hakam atau pun tidak, asal saja ia dibawa oleh Rasulullah s.a.w dan di minta supaya diikuti oleh umat Islam sama ada al-sunah itu: sunnah pi'liyyah atau Tarkiyah.

Selain dari pengertian Sunnah menurut definisi para 'Ulama di dalam bidang masing-masing Sunnah juga digunakan di dalam beberapa pengertian yang lain, antaranya ialah:

1. Setiap perkara yang disampaikan oleh Rasululllah s.a.w. bukan dari al-Quran, dikenal sebagai sunnah. Sabda Rasulullah s.a.w. :

(تركت فيكم أمرين لن تضلوا ما إن تمسكتم بهما، كتاب الله و سنة نبيه)٦

Maksudnya :
"Aku tinggal kepada kamu dua perkara kamu tidak akan sesat selamanya, selama mana kamu berpegang dengan kedua-duanya : kitab Allah dan Sunnah RasulNya."

Maksud Sunnah di sini sama dengan (Al-Hikmah) yang di sebut di dalam al-Quran (ويعلمهم الكتاب و الحكمة)٥ [al-Baqarah :29]

2. Setiap perkara yang mempunyai dalil syarak, sama ada dari al Quran atau pun sunnah Rasul s.a.w. dan Ijtihad para Sahabat. Ijtihad sahabat termasuk di dalam sunnah juga berdasarkan kepada sabda Rasulullah s.a.w. :

(عليكم بسنتي و سنة الخلفاء الراشدين المهديين من بعدي)٧

Maksudnya :
"Hendaklah kamu mengikut Sunnah ku dan sunnah Khulafa al Rasidin al Mahdiyyian."

Sayydina Ali bin Abi Talib berkata di dalam hubungan hukum sebat kepada peminum arak:

(جلد النبي صلى الله عليه وسلم أربعين، وجلد أبو بكر أربعين، وجلد عمر ثمانين، و كل سنة)٧

Maksudnya:
"Rasulullah telah sebat (peminum arak) sebanyak empat puluh sebatan, Abu Bakar sebat empat puluh sebatan dan 'Umar sebat lapan puluh sebatan, semuanya adalah Sunnah."

3. **Sunnah juga di sebut sebagai lawan kepada Bid'ah**.

Seseorang itu di katakan Sunni, apabila ia melakukan perbuatan atau pun amalan yang bertepatan dengan Islam sama ada dalilnya dari al-Quran atau pun sunnah, sebaliknya seseorang itu disebut sebagai Bidie', apabila melakukan perbuatan yang bertentangan dengan al-Quran atau pun sunnah Rasulullah s.a.w.

4. **Al Sunnah juga digunakan kepada usul al Din dan masaalah akidah sahaja.** Penggunaan ini berlaku pada kurun ketiga hijrah. Para ulama al-Sunnah telah menulis kitab-kitab akidah dengan menggunakan nama al-Sunnah untuk membezakan akidah daripada istilah yang digunakan oleh golongan lain, seperti *Mu'tazilah, Rafidah dan Ahl al Kalam*. Ibn Rejab berkata : ramai kalangan ulama mutaakhirin mengkhususkan nama al-Sunnah kepada masalah akidah sahaja kerana ia adalah asal agama sebaliknya orang yang menyalahinya berada di dalam bahaya. Dengan itu kalau disebut Mazhab Ahl al-Sunnah maka maksudnya ialah perjalanan mengenai akidah dan usuluddin sahaja.
Sunnah yang dimaksudkan di dalam perbincangan di sini ialah di dalam konteks Ahli Sunnah di mana mereka mengikut semua tariqah, jalan yang di bawa oleh Rasulullah (s. a.w.) sama ada di dalam 'Itikad, perbuatan, amalan 'Ibadah dan perkataan, sebagaimana yang di fahami dan dilaksanakan oleh para sahabat yang berpegang teguh kepada kitab Allah dan sunnah RasulNya.

Definisi Ahl al - Sunnah wal Jamaah .

Setelah kita mengetahui pengertian sunnah dari sudut bahasa dan istilah, kita akan lihat pula definisi yang telah diberikan oleh para

ulama' tentang ASWJ. Antaranya ialah:

1. Ibn Hazm mentakrifkan Ahl al-Sunnah ialah: mereka yang kita sebut sebagai Ahl al Haq dan selain dari mereka ialah Ahl al Bid'ah, mereka adalah terdiri dari para sahabat (r.a), dan semua orang yang mengikut manhaj mereka, iaitu para tabi'en (r.a.), Ashab al Ahadith dan pengikut mereka dari kalangan ulama' Fiqh, generasi demi generasi sampai kehari ini dan pengikut mereka yang terdiri dari orang-orang awan di Timur dan di Barat.[9]

2. Ibn al Jauzi mentakrifkan: Ahl al Sunnah ialah Ahl al Naql dan Al-Athar yang mengikut hadis-hadis Rasulullah (s.a.w.) dan athar sahabat-sahabatnya, kerana mereka berada di atas jalan yang tidak berlaku perkara-perkara baru (bid'ah). Perkara-perkara bid'ah hanya berlaku selepas Rasulullah s.a.w. dan sahabat- sahabatnya.[10]

3. Al Safarini pula berkata: Ahl al Sunnah wal Jamaah adalah Ahl al-Islam dan Al Tauhid yang berpegang dengan Sunnah yang thabit dari Rasulullah s.a.w. di dalam 'Aqaid, Nihal, Ibadah batin dan zahir yang tidak di kotori oleh bid'ah Ahl al Ahwa' dan ahl al Kalam dalam bidang ilmu dan 'Itiqadat.[11]

4. Muhammad Sadiq Khan pula berkata: Ahl al-Sunnah Wal Jamaah ialah Ahl al Hadis yang mengikut (Rasulullah s.a.w.) bertauhid dan berpegang dengan kitab Allah dan Sunnah RasulNya yang suci.[12]

Dari definisi-definisi di atas dapat disimpulkan bahawa Ahl al-Sunnah itu ialah: **Orang orang yang berpegang teguh dengan kitab Allah, Sunnah RasulNya dan apa yang para Sahabat, Tabien dan pengikut mereka sampai ke hari ini, beriltizam dengan keduanya, samada perkataan, perbuatan mahu pun iktikad dan bertepatan dengan sumber sumber tersebut sebagaimana yang di fahami dan di amalkan oleh para al salaf al solih.**

Dengan itu kita dapat merumuskan bahawa Ahl al Sunnah itu adalah:

1. Para sahabat Nabi s.a.w.. Mereka merupakan generasi pertama yang menerima ajaran Rasulullah s.a.w. secara langsung, merangkumi 'Itiqad, Ibadah, Akhlak, syariat dan sebagainya. Mereka merupakan orang yang lebih mengetahui tentang sunnah Rasul dari orang lain dan beramal serta berpegang teguh dengannya.

2. Para Tabi'en, Atba' al-Tabi'en dan Imam-imam mujtahid yang mengikut jejak langkah para sahabat pada setiap masa dan tempat, terutamanya **Ahl al-Hadith dan Al-Athar** yang telah menyampaikan sunnah Rasulullah s.a.w. kepada kita, mereka berkerja keras di dalam mengumpul dan mengklasifikasikan hadis-hadis yang sahih dan dhaif serta beramal dengan hadis-hadis yang sahih sebagaimana datang dari Rasulullah s.a.w.

3. Orang-orang awam di seluruh pelusuk dunia yang mengikut al-Quran dan Sunnah dan memahaminya sebagaimana yang di fahami oleh golongan para Salaf al-Solih pada setiap masa dan tempat dan tidak melakukan perkara perkara bid'ah di dalam agama.

Kenapa mereka di pangil dengan Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah?

Mereka dipanggil sebagai ASWJ kerana mereka mengikut Sunnah Rasulullah s.a.w., di mana tidak ada golongan umat yang lebih kuat berpegang kepada sunnah Rasul s.a.w. selain dari mereka.[13] Asas yang membezakan di antara ASWJ, dengan golongan lain ialah Ittiba' tidak Ibtida' dan mengikit hawa nafsu di dalam asas-asas dan prinsip-prinsip agama, sebagaimana dijelaskan oleh hadith Rasulullah s.a.w.:

(وستفترق هذه الأمة علي ثلاث و سبعين

فرقة في اهواء)١٤

Maksudnya:
"Umat ini akan berpecah kepada tujuh puluh tiga golongan di dalam menurut hawa nafsu".

Adapun perbezaan di dalam Furu' atau cabang agama yang boleh di-Ijtihad tidak dijadikan sebagai sebab kepada perpecahan di dalam agama. Para sahabat r.a. pernah berbeza pendapat di dalam masalah hukum-hakam, tetapi tidak mengeluarkan mereka dari jamaah, kerana perpecahan yang di sebut di dalam hadith adalah yang dikaitkan dengan hawa nafsu.

<u>Nama-nama Ahl al Sunnah yang lain</u>

Selain dari nama Ahl al-Sunnah, mereka juga dikenali dengan nama-nama lain yang telah diguna sepanjang sejarah umat Islam, antaranya ialah seperti berikut:

1. <u>Ahl al Jamaah</u>

Nama al-Jamaah adalah di antara nama yang terkenal dan masyhur di kalangan umat Islam. Biasanya ia digandingkan dengan Sunnah dan disebut bersama iaitu (Ahl al-Sunah wal Jamaah) dan kadang-kadang di sebut secara berasingan (Ahl al-Jamaah).

Nama Ahl- al-Jamaah ini di ambil dari hadith Rasulullah s.a.w. yang menjelaskan sifat-sifat dan ciri-ciri Firqah al-Najiah, sabdanya:

إن بني إسرائيل افترقت على إحدى و سبعين فرقة، وأن أمتي

ستفترق على اثنين و سبعين فرقة، كلها في النار إلا واحدة

وهي الجماعة)١٥

Maksudnya ;
"Bani Israil berpecah kepada tujuh puluh satu golongan, dan ummat aku akan berpecah kepada tujuh puluh dua golongan, semunya masuk neraka, hanya yang selamat satu sahaja iaiti: Al - Jamaah."

Para ulama' telah berusaha untuk mencari golongan manakah yang di maksudkan dengan al- Jamaah, iaitu golongan yang terselamat sebagaimana dijelaskan di dalam hadith tersebut . Secara umumnya pendapat para ulama' berhubung dengan al-Jamaah di dalam hadith di atas adalah seperti berikut iaitu:

1. Golongan teramai (Al Sawad al-A^{c}zam) dari kalangan ummat Islam.
2. Kumpulan ulama Mujtahidin.
3. Jamaah Sahabat Rasulullah s.a.w. secara khusus.
4. Jamaah Ahl al-Islam apabila mereka telah bermuwafakat di atas satu-satu perkara.
5. Jamaah Umat Islam apabila mereka mengikut seseorang Amir.
6. Jamaah ahl al Haq.

Setelah al-Syatibiyy menyebut pendapat-pendapat tersebut akhirnya beliau telah membuat kesimpulan: Yang dimaksudkan dengan al-Jamaah itu semunya kembali kepada bersatu (al-Ijtima') berada di bawah pimpinan (imam) yang mengikut kitab Allah dan sunnah RasulNya. Ini adalah jelas,kerana bersatu di atas yang lain dari Sunnah adalah terkeluar dari pengertian al-Jamaah yang di sebut di dalam hadith seperti golongan Khawarij dan lain-lain.

Secara umumnya dapat di simpulkan yang dimaksudkan dengan al-Jamaah atau ASWJ, atau Firqah al Najiah adalah para sahabat, Tabien dan orang yang mengikut mereka dengan baik dari kalangan ulama' mujtahidin yang mengikut manhaj kitab Allah dan Sunnah RasulNya, dan orang yang mengikut

mereka sampai hari kiamat. Antara sifatnya ialah mereka sentiasa beriltizam dengan Jamaah Umat Islam dan Imam mereka, kerana mengikut sunnah itu hendaklah berada di dalam jamaah, kecuali apabila didapati jemaah itu sudah kufur yang terang, pada ketika itu perlu menjauhi jamaah dan Imam tersebut, kerana takrif jamaah ialah apabila ia berada di atas kebenaran.

2. **Ahl al Hadis**

Di antara nama ahl al-Sunnah juga ialah ahl al-Hadith . Istilah ini di berikan kepada orang yang mengikut mazhab al-Salaf al- Soleh kerana amalan, perbuatan dan i'tikad mereka diambil dari hadith Rasulullah s.a.w. dan para sahabat r.a. Abdul al-Qadir al-Jailani pernah berkata : Ahl al-Sunah Wal Jamaah hanyalah satu nama saja iaitu ahl al- Hadith.[16]

Ahl al-Hadith adalah orang yang paling mengetahui berhubung dengan ucapan, kata-kata Rasulullah s.a.w., dan orang yang dapat membezakan di antara hadith-hadith sahih dengan da'if. Imam-imam Hadis adalah orang-orang yang paling memahami Hadith, mengerti makna dan maksudnya dan sangat kuat berpegang dan mengamalnya, sangat kasih terhadap orang yang beramal dengan sunnah dan benci terhadap orang tidak melaksanakannya.

3. **Ahl al Athar**

Ahl al- Sunnah juga dikenal dengan nama ahl al-Athar, kerana akidah dan 'itiqad berdasarkan kepada ma'thur, sama ada dari Allah s.w.t. sebagaimana di sebut di dalam kitabNya dan dari Sunnah Rasulullah s.a.w. atau yang thabit dari al-Salaf al-Soleh iaitu para sahabat, tabi'en dan pengikut-pengikut mereka.

Al-Khatib al-Baghdaidy telah meriwayatkan di dalam kitabnya (sharaf Ashab al-Hadith) dari Sufian al-Thauri, beliau berkata:

(إنما الدين بالآثار، ليس بالرأي إنما الدين بالآثار
ليس بالرأي)١٧

Maksudnya;
"Sesunguhnya agama itu adalah dengan athar bukan dengan fikiran, sesungguhnya agama itu ialah dengan athar bukan dengan fikiran.[17]"

Beliau juga meriwayatkan kata-kata Imam al-Auza'i:

(و عليك بآثار من سلف و إن رفضك الناس،

و إياك و رأي الرجال و إن زخرفوا لك القول،

فإن الأمر ينجلي و أنت على صراط مستقيم)

Maksudnya:
"Hendaklah kamu berpegang dengan Athar orang sebelum kamu, walaupun di tolak oleh manusia, dan Jauhilah kamu dari fikiran orang, walaupun mereka hiasinya dengan kata-kata (baik) kerana sesungguhnya perkara ini sangat terang dan engkau berada di atas jalan yang lurus."

4. **Al Firqah al Najiah**

Nama ini di ambil dari sabda Rasulullah s.a.w. yang diriyawatkan oleh Anas bin Malik r.a, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

(إن أمتي ستفترق على اثنتين و سبعين ملة كلها
في النار إلا واحدة و هي الجماعة)

Dan di dalam hadis lain baginda bersabda:

(ما أنا عليه و أصحابي)

Sementara itu Imam Ahmad berkata :

(إن لم يكونوا أصحاب الحديث فلا أدري من هم)١٨

Maksudnya:
"Kalau sekiranya mereka (firqah al-Najiah) aku tidak tahu lagi siapa mereka.[18]"

Manakala Syaikh Abdul al-Qadir al-Jailani pula berkata:

(و أما الفرقة الناجية فهم أهل السنة و الجماعة)١٩

Maksudnya:
"Adapun firqah al-Najiah itu ialah Ahl al-sunnah Wal Jamaah.[19]"

Justeru itu kita dapati para ulama dulu dan sekarang menamakan Firqah al- Najiah sebagai salah satu nama ahl al- Sunah.

5. **Al -Tai'fah al-Mansurah**

Nama ini di ambil dari sabda Rasulullah s.a.w. sebagaimana diriwayatkan oleh Al-Mughirah bin Shu'bah r.a.:

لا تزال طائفة من أمتي ظاهرين على الحق حتى يأتي أمر الله و هو ظاهرون)٢٠

Maksudnya:
"Sentiasa ada dari kalangan umatku golongan yang mempertahankan kebenaran sehingga datang kiamat.[20]"

Sementara itu para ulama' juga telah memberi pandangan masing-masing berhubung dengan al- Tai'fah al-Mansurah ini, antaranya ialah:

Abdullah bin al-Mubarak berkata:

(هم عندي أهل الحديث)٢١

Maksudnya:
"Pada saya mereka (taif'ah al-Mansurah) adalah Ahl al-Hadith.[21]"

Yazid bin Harun juga berkata:

(إن لم يكونوا أصحاب الحديث فلا أدري من هم)٢٢

Maksudnya:
"Sekiranya (tai'fah al-Mansurah) itu bukan ahl al-Hadith saya tidak tahu lagi siapa mereka.[22]"

Ali al- Madinyy juga turut berkata:

(هم أصحاب الحديث)٢٣

Maksudnya:
"Mereka (tai'fah al-Mansurah) adalah ahl al-Hadith.[23]"

Imam Ahmad bin Hanbal berkata:

(إن لم تكن هذه الطائفة المنصورة أصحاب الحديث فلا أدري من هم)٢٤

Maksudnya:
"Sekiranya tai'fah mansorah ini bukan ahi al-Hadith saya tidak tahu lagi siapa mereka.[24]"

6. **Al Salaf al Solih**

Di dalam al Quran perkataan salaf di sebut beberapa kali . Ia merujuk kepada masa dahulu atau sesuatu perkara itu berlaku sebelum di turunkan al -Quran
Diantara firman Allah (s.w.t.) ialah :

(فمن جاءه موعظة من ربه فانتهى فله ما سلف و أمره إلى الله)

Maksudnya :
"Orang-orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Tuhannya, lalu mereka berhenti (dari mengambi riba) dan baginya apa yang telah diambilnya dulu dan urusannya terserah kepada Allah."

(ولا تنكحوا ما نكح آباؤكم من النساء إلا ما قد سلف)

Maksudnya :
"Dan janganlah kamu mengahwini wanita-wanita yang telah di kahwini oleh bapa kamu, kecuali pada masa yang telah lampau."

(عفا الله عما سلف و من عاد فينتقم الله منه و الله عزيز ذو انتقام)

Maksudnya:
"Allah telah memaafkan apa yang telah lalu, dan barang siapa yang kembali mengerjakanya nescaya Allah akan menyiksanya. Allah maha kuasa lagi mempunyai kekuasaan untuk menyiksa."

Yang di maksudkan dengan al-salaf al -Soleh di sini ialah para sahabat, Tabien dan atba'al-Tabien, dan para Imam yang adil, seperti Imam mujtahidin yang tidak dituduh melakukan bidah dan diberi gelaran yang tidak baik, seperti khawarij, Rafidah, Mu'tazilah, Jabariah, dan semua golongan yang menyimpang dari landasan yang sebenar.

Pada kebiasaanya perkataan salaf disebut merujuk kepada dua perkara:

1. **Merujuk kepada sejarah**

Dalam hubungan ini apabila di sebut salaf, biasanya di rujuk kepada tiga kurun pertama hijrah, sebagaimana disebut di dalam hadis Rasulullah s.a.w. berbunyi:

(خير القرون قرني ثم الذين يلونهم ثم الذين يلونهم)٢٥

Maksudnya:
"Sebaik-baik kurun adalah kurun aku, kamudian kurun selepas aku dan kamudian kurun berikutnya."

2. **Merujuk kepada manhaj**

Manhaj yang dimaksudkan disini ialah jalan dan cara yang diikuti oleh para sahabat r.a. tabien dan atba' al Tabien dan orang yang mengikut jalan mereka iaitu berpegang dengan kitab Allah dan sunnah RasulNya, meletakkan kedua-dua sumber tersebut di tempat tertinggi dan mendahulukan keduanya dari sumber-sumber lain, sebagaimana di fahami oleh para sahabat dan al- Salaf al-Soleh.

Pengunaan Salaf di dalam pengertian pertama merupakan satu period masa tertentu. Ia telah berakhir setelah generasi tersebut telah meninggal dunia, sementara pengunaan kedua iaitu manhaj ia masih ada dan akan terus kekal sampai bila-bila, di mana sesiapa saja dapat menisbahkan dirinya kepada salaf asal saja mereka mengikut manhaj mereka di dalam ilmu, iman dan amal .

Menghubung jalin pengertian salaf di segi masa dan manhaj dapat menjelaskan pengertian sebenar maksud *al Salaf al Soleh*. Kerana bukan semua orang yang hidup di dalam tiga kurun pertama tersebut mengikut manhaj

kitabullah dan Sunah RasulNya. Boleh dikatakan banyak golongan Umat Islam yang muncul dalam kurun-kurun tersebut seperti Syiah, Khawarij, Jahmiah, Mu'tazilah, Murjiah, Jabariah dan Qadariah. Kerana itu perlu dibataskan masa itu dengan manhaj supaya golongan-golongan tersebut tidak termasuk di dalam pengertian Al-Salaf, kerana salaf adalah salah satu nama Ahl al Sunnah wal-Jamaah .

Khalaf

Perkataan atau kalimah khalaf di dalam al-Quran membawa pengertian mengganti orang dahulu atau generasi dahulu. Secara ringkas khalaf ialah generasi yang datang kamudian sebagai pengganti kepada generasi terdahulu atau sebelumnya .

Di antara ayat al-Quran yang menerangkan perkataan khalaf itu adalah seperti berikut :

(فخلف من بعدهم خلف أضاعوا الصلوة و اتبعوا الشهوات) (مريم: ٥٩)

Maksudnya:
"Maka datanglah sesudah mereka generasi yang meninggalkan salat dan menurut hawa nafsu, maka kelak mereka akan menemui kesesatan."

فخلف من بعدهم خلف ورثوا الكتاب يأخذون عرض هذا الأدنى و يقولون سيغفر لنا) (الأعراف:١٦٧)

Maksudnya
"Maka datanglah sesudah mereka generasi yang mewarisi Taurat yang mengambil harta benda dunia yang rendah ini dan berkata; kami akan di beri ampun."

(و قال موسى لأخيه هارون اخلفني في قومي و أصلح و لا تتبع سبيل المفسدين) (آل عمران:١٧٠)

Maksudnya:
"Dan berkata Musa kepada saudaranya Harun : gantikanlah aku dalam (memimpin) kaumku dan perbaikilah dan janganlah kamu mengikut jalan orang-orang yang membuat kesalahan.

(و ليخش الذين لو تركوا من خلفهم ذرية ضعافا خافوا عليهم فليتقوا الله و ليقولوا قولا سديدا) (النساء: ٩)

Maksudnya:
"Dan hendaklah takut kepada Allah orang-orang yang seandainya meninggalkan di belakang mereka anak-anak yang lemah, yang mereka khuatir terhadap mereka . Oleh sebab itu hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang benar."

Dari ayat-ayat di atas dapatlah difahamkan bahawa perkataan khalaf membawa erti generasi, pengikut yang datang kemudian atau sesudah generasi sebelumnya. Dari ayat-atat tersebut juga dapat dirumuskan bahawa hubungan khalaf dengan salaf dalam dua keadaan:

1. mereka mengikut jejak langkah orang terdahulu iaitu: al Salaf, dan
2. mereka datang kamudian dari al Salaf .

Ini memberi gambaran kepada kita bahawa mereka yang datang kemudian dari golongan al-Salaf dan mengikut jejak langkah al-Salaf adalah al-Khalaf . Mereka inilah di kenali dengan al-Khalaf al 'Adul,

sebagaimana sabda Rasulullah (s.a.w.):

(يحمل هذا العلم من خلف عدوله، ينفون عنه تحريف

الغالين و انتحال المبطلين و تأويل الجاهلين)[٢٦]

Maksudnya:
"Ilmu ini akan dibawa oleh khalaf yang adil, mereka akan menafikan penyelewengan golongan pelampau, menghapuskan golongan pemalsuan dan takwilan orang-orang yang jahil."[26]

Adapun orang yang datang kamudian dari al-Salaf dan tidak mengikut jejak langkah mereka di dalam kebaikan mereka bukan khalaf (خلَف), tetapi (خلْف).

<u>Khalaf menurut Istilah</u>

(A) <u>Dari sudut masa</u>

Dari sudut masa <u>khalaf adalah mereka yang hidup selepas tiga kurun</u> pertama hijrah sebagaimana yang disebut di dalam hadis Rasulullah (s.a.w.)

(خير القرون قرني ثم الذين يلونهم ثم الذين يلونهم)

di mana mereka telah diakui oleh Rasulullah s.a.w. sendiri bahawa mereka sebaik-baik golongan. Dalam hubungan ini semua orang yang datang selepas masa tersebut adalah dikenal sebagai khalaf.

(B) <u>Dari sudut manhaj</u>

Dari sudut manhaj pula khalaf adalah golongan yang mendokong ilmu kalam Yunani dan Falsafah di dalam mentakrir akidah Islam di samping mentakwil ayat-ayat yang di anggap mutashabihah .

Dari penjelasan di atas dapat dirumuskan bahawa khalaf itu ialah golongan yang membina akidah Islam berpandukan kepada manhaj Ilmu kalam Yunani dan Falsafah dan tidak meletakkan al -Quran dan hadis sebagai sumber tertinggi, di samping itu mereka menolak, mentakwil ayat-ayat al -Quran yang dianggap ayat-ayat mutasabihah, apabila bertentangan dengan manhaj mereka .

Dengan melihat kepada manhaj ini golongan khalaf itu tidak hanya terbatas kepada golongan yang datang selepas tiga generasi yang di beri pengiktirafan oleh Rasulullah di dalam hadis di atas sahaja bahkan khalaf menurut manhaj sudah ada lebih awal lagi, di mana golongan-golongan tersebut di atas telah muncul sebelum berakhirnya tiga generasi pertama iaitu; sahabat, tabien dan atba'al-tabiien.

Walau bagaimana pun dalam penggunaan masa kini apabila disebut khalaf ia merujuk kepada aliran Asyairah dan Maturidiah, yang merupakan anutan ramai umat Islam dewasa ini.

<u>Sejarah Kemunculan ASWJ</u>

Di dalam memperkatakan sejarah kemunculan ASWJ ini kita akan menemui beberapa pandangan di kalangan ulama' dan pengkaji sejarah Islam. Ada yang berpendapat Ahl al-Sunnah muncul pada kurun ketujuh Hijrah,[27] ada juga yang berpendapat ia muncul pada masa pemerintahan Khalifah Al Mansor dan Al Rashid zaman pemerintahan Abbasiah,[28] dan ada juga yang berpendapat ia muncul pada pertengahan kurun ketiga Hijrah iaitu ia di bawa oleh Abu Hasan al-Ashaari dan lain-lain lagi.

Kalau kita melihat kepada hadis-hadis dan sejarah umat Islam akan kita temui nama Ahl al-Sunnah itu telah pun ada di dalam nas-nas yang menggesa umat Islam supaya berpegang teguh dengan Sunnah dan beramal dengannya dan penggunaan para Salaf al Soleh. Dari definisi di atas telah jelas bahawa ASWJ itu di pelopori oleh para sahabat. Ini bererti bahawa ASWJ telah muncul sejak zaman awal lagi. Ia merupakan arus perdana di dalam masyarakat generasi Islam pertama lagi. Dengan itu tidak perlu kita mencari teori-teori lain untuk

membuktikan bahawa ASWJ merupakan arus perdana di dalam masyarakat Islam sejak awal lagi.

Untuk membuktikan bahawa ASWJ telah ada sejak awal lagi dan pengunaannya nama/istilah tersebut telah tersebar luas di masa sahabat, di bawah ini di bawa beberapa petikan yang dapat membuktikan kedudukan ini, antaranya:

١- أخرج اللالكائي بسنده عن ابن عباس رضي الله عنهما في قوله تعـالى (يوم تبيض وجوه و تسود وجوه) (آل عمران: ١٠٨) : فأما الذين ابيضت وجوههم : هم أهل السنة و الجماعة و أهل العلـم، و أمـا الذين اسودت وجوههم: فأهل البدع و الضلالة.٢٩

٢- قال ابن سيرين (٣٣-١١٠) : (كانوا لا يسألون عن الإسناد فلما وقعت الفتنة قالوا: سموا لنا رجالكم، فينظر إلى أهل السنة فيؤخذ حديثهم، و ينظر إلى البدع فلا يؤخذ حديثهم)٣٠

٣- أيوب السختياني (٦٨ -١٣١)

فقد أخرج اللالكائي عنه فقال : (إني أخبرت بموت الرجل من أهل السنة و كأني أفقد بعض أعضائي)٣١

٤- قال سفيان الثوري (ت: ١٦١):

(استوصوا بأهل السنة خيرا فإنهم غرباء)٣٢

و قال أيضا: (ما أقل أهل السنة و الجماعة)٣٣

٥- قال الفضيل بن عياض (ت: ١٨٧):

أهل الإرجاء يقولون: الإيمان قول بلا عمل، وتقول الجهمية: الإيمان المعرفة بلا قول و لا عمل، و يقول أهل السنة: الإيمان المعرفة و القول والعمل)٣٤

Dari petikan-petikan di atas dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan istilah ASWJ telah tersebar luas di kalangan para al-Salaf al-Solih lagi. Ini adalah hasil dari saranan Rasulullah s.a.w. dan gesaannya agar mereka berpegang teguh dengan Sunnahnya dan jangan sekali-kali meninggalkannya di samping tegahan-tegahan melakukan perkara-perkara bidah di dalam agama. Justeru itu kita tidak seharusnya bertanya bilakah lahir atau munculnya ASWJ, sebagaimana soalan tersebut dapat dikemukakan kepada golongan-golongan lain seperti Khawarij, Syiah, Mu'tazilah dan sebagainya, kerana golongan-golongan tersebut ada sejarah kemunculan masing-masing.

Cuma mungkin dapat dibincangkan di sini bilakah ia digunakan secara rasmi di dalam masyarakat Islam. Kerana pada masa permulaan Islam, umat Islam mengenal Islam sahaja dan tidak mengunakan nama-nama lain. Mereka hanya meletakkan Rasulullah s.a.w. sebagai ikutan di dalam kehidupan mereka. Imam Malik berkata: Ahli Sunnah tidak ada gelaran yang dapat dikenalinya, mereka bukan Jahmiah, Qadariah dan Rafidah.[35]

Adapun penggunaan Istilah ASWJ itu hanya di mulakan setelah berlaku fitnah dan perpecahan di dalam masyarakat Islam. Ia bertujuan untuk membezakannya daripada golongan serpihan yang telah lahir seperti Syiah, Khawarij, Mu'tazilah dan sebagainya. Golongan-golongan tersebut telah menyeleweng dari manhaj yang telah di bawa oleh Rasulullah (s.a.w.) yang menjadi ikutan para sahabatnya.

Kalau kita ingin memperkatakan fitnah yang telah berlaku di dalam masyarakat Islam terawal dan juga perpecahan, sudah pasti ia memerlukan kepada satu perbincangan khusus, tetapi dikira memadai kalau di sebut di sini beberapa keadaan yang telah berlaku antaranya ialah:

1. Fitnah yang berlaku semasa pemerintahan Uthman bin 'Affan, Khalifah Rashidin ketiga, sehingga beliau telah mati dibunuh. Ekoran itu muncul golongan Khawarij dan Mu'tazilah, Khawarij telah mengkafir Ali dan para sahabat yang terlibat dengan peperangan, sementara itu golongan Syiah pula ada yang mendewakan Ali sehingga mengangkat beliau ketahap Rububiah dan Uluhiyyah.

2. Di akhir generasi sahabat telah muncul pula golongan Murjiah dan Qadariah, dan kemudian disusuli pula dengan kemunculan Jahmiah, Musyabbihah dan lain lain.

Kesimpulannya, ASWJ telah wujud sejak zaman Rasulullah lagi dan diteruskan oleh para sahabat. Ia merupakan arus perdana di dalam masyarakat Islam terawal. Sementara golongan-golongan lain itu merupakan golongan serpihan dari ASWJ. Kerana itu kita tidak boleh bertanya sejarah kemunculannya sebagaimana kita ajukan soalan tersebut kepada golongan-golongan lain, kerana golongan-golongan tersebut perlu kepada nama tertentu untuk memperlihatkan jati diri mereka, dan itu tidak perlu bagi ASWJ pada peringkat awal.

Manhaj ASWJ

ASWJ mempunyai manhaj yang jelas di dalam akidah dan hukum.

Mereka telah meletakkan kitab Allah, Sunnah Rasul dan Ijma' sebagai sumber utama di dalam akidah dan hukum hakam, sementara akal yang sejahtera dan fitrah yang murni sebagai sumber pelengkap kepada akidah.

Di bawah ini akan diterangkan secara ringkas ciri-ciri manhaj ASWJ, di dalam akidah dan hukum antaranya ialah:

1. ***Memuliakan Nas-nas syarak dan menerimanya dengan sepenuh hati dan tidak menyalahinya.***

Yang membezakan ahl al-Sunnah wal Jamaah dengan golongan lain ialah mereka mengikut nas-nas syarak dan tidak melampauinya atau cuba menyimpang darinya. Mereka tidak menolak nas-nas walaupun ia tidak di fahami atau mungkin bertentangan dengan fikiran dan ijtihad, bahkan mereka tidak teragak-agak mengambil nas dan beramal dengannya serta berserah diri dengannya. Mereka yakin hanya berpegang dengan al-Quran dan al-Sunnah akan selamat, sebaliknya akan binasa kalau tidak berpegang dengan kedua-duanya.

Banyak ayat-ayat al-Quran yang menggesa agar berpegang dengan kitabullah dan sunah RasulNya, antaranya ialah:

(فلا وربك لا يؤمنون حتى يحكموك فيما شجر بينهم ثم لا يجدوا في أنفسهم حرجا مما قضيت و يسلموا تسليما

(النساء: ٦٥)

(و ما كان لمؤمن لا مؤمنة إذا قضى الله و رسوله أمرا أن يكون لهم الخيرة من أمرهم و من يعص الله ورسوله فقد ضل ضلالا مبينا) (الأحزاب:٣٦)

(يأيها الذين آمنوا أطيعوا الله ورسوله و لا تولوا عنه
و أنتم معرضون) (النور: ٦٣)

Di samping itu banyak pula hadis Nabi dan ucapan para **al-Salaf al Soleh** yang telah memberi pandangan masing-masing tentang peri pentingnya berpegang dengan kitabullah dan Sunah RasulNya dan memuliakan nas-nas dari kedua-dua sumber tersebut .

Untuk merealisasikan manhaj ini setiap umat Islam hendaklah beriman dengan mendalam dan sungguh-sungguh dengan hati yang suci bersih kepada Allah (s.w.t.) dan RasulNya. Keyakinan ini hendaklah dicernakan di dalam hidup dengan penuh yakin dan iman yang mendalam. Di antara perkara-perkara yang wajib diyakini dengan manhaj itu adalah seperti berikut :

1. Islam adalah satu-satunya agama Allah yang sebenar. Allah telah reda sebagai agamanya sampai hari Kiamat. Nabi Muhammad adalah Rasul terakhir.

2. Syariat Islam telah sempurna. Ia mencakupi seluruh kehidupan manusia dan dapat menyelesaikan segala masalah yang timbul di dalam masyarakat dengan sebaik-baiknya di dalam semua perkara .

3. Jangan mendahului Allah dan RasuNya di dalam menentukan sesuatu perkara.

4. Kembalikan kepada Allah dan Rasulnya apabila berlaku perselisihan di antara satu sama lain di dalam semua perkara sama ada kecil atau pun besar.

(B) <u>Sunnah Rasul merupakan Hujjah di dalam Akidah dan Syariah</u>

Mereka berpegang kepada sunnah Rasul yang sahih di dalam akidah dan syariat tanpa membezakan di antara Mutawatir dan Ahad. Ini berasaskan kepada sebab-sebab berikut:

1. **Di antara tuntutan Syahadah ialah beriman dengan Rasulullah. Beriman dengan baginda bererti wajib membenarkan apa yang telah disampaikan, ini termasuk semua perkara yang telah disebut di dalam kitab Allah atau Sunnah Rasulnya sama ada berhubung dengan akidah atau pun Ibadah, Syariat dan sebagainya.**

2. Orang yang paling tahu untuk kebaikan manusia seluruhnya ialah Rasulullah (s.a.w.). Beliau telah berusaha sedaya upaya untuk menyampaikan kebaikan itu kepada umatnya dan cuba untuk menjauhkan mereka dari segala bahaya dan malapetaka. Kerana itu setiap perkara baik di beritahu, sebaliknya setiap perkara yang buruk dilarang.

3. Rasulullah s.a.w. telah menyampaikan semua perkara yang telah diturunkan kepadanya dengan sejelas-jelasnya, dan tidak menyembunyikan walaupun satu perkara pun. Justeru itu maka wajib menerima hadis Rasulullah s.a.w. yang sahih tanpa mempersoalkan lagi. Kerana apa yang disampaikan oleh Baginda adalah wahyu yang datang dari Allah s.w.t.

(C) Para sahabat adalah orang yang lebih mengetahui - selepas Rasulullah - tentang akidah dan syariat. Kerana itu kata-kata, pendapat dan tafsiran mereka kepada nas-nas adalah dikira sebagai hujjah, ini berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

1. Mereka hidup semasa dengan Rasulullah s.w.s. dan melihat sendiri peristiwa-peristiwa yang berlaku seperti

turunnya wahyu untuk menjelaskan keadaan, menjawab persoalan dan menyelesaikan pertikaian di antara satu dengan lain.

2. Orang yang berjumpa dan beriman dengan Rasulullah sudah pasti iman mereka lebih kuat dan lebih faham tentang agama kerana mereka dapat bertanya langsung kepada baginda dan mendengar sendiri segala ajaran dan penjelasannya. Ilmu dan iman mereka lebih sempurna dan mantap dari orang lain sebagaimana telah dijelaskan oleh Baginda di dalam hadith-hadithnya.

3. Tidak pernah berlaku di kalangan sahabat nabi perselisihan tentang akidah, walau pun ada perbezaan pendapat di dalam hukum-hakam. Kalau pun mereka tidak bersependapat di dalam satu-satu hukum, tapi mereka tetap saling hormat-menghormati di antara satu sama lain dan ukhuwah mereka tetap utuh dan teguh .

4. Para sahabat akan bertanya kepada Rasulullah kalau sekiranya mereka tidak faham atau berlaku satu satu perkara baru, atau timbul kesamaran di dalam satu-satu perkara kalangan mereka, dan tidak membiarkan berlalu begitu sahaja tanpa di rujuk kepada Rasulullah s.a.w.

(D) **Kitab Allah dan Sunnah RasulNya cukup sempurna dan dapat menyelesaikan segala masalah yang akan berlaku. Ia adalah hidayah dan Nur, semua kebaikan untuk manusia telah dinyatakanya, begitulah sebaliknya segala keburukan dijelaskan satu persatu agar manusia menjauhinya.**

(E) **Mendahulukan Nas Syara' dari akal di samping mereka memberi kepada akal peranan yang sesuai dengan kemampuannya.**

Mereka yakin bahawa setiap perkara yang bertentangan dengan

syarak adalah tidak betul dan tidak perlu di ambil dan di ikuti . Manakala apa saja yang telah ditetapkan oleh syarak adalah betul dan benar dan tidak mungkin akan salah. Berbeza dengan fikiran manusia ia terdedah kepada kesalahan dan kesilapan. Oleh kerana itu kita tidak akan ketemui pandangan ASWJ yang bertentangan di nas-nas syara'. Kalau kita lihat kepada Imam-imam mujtahidin seperti Abu Hanifah, Malik, Syafie dan Ahmad bin Hanbal semunya menggesa supaya berpegang dengan nas-nas Quran mahu pun Hadith dan mereka menggesa umat Islam jangan mengikut mereka kalau sekiranya pandapat dan pandangan yang di beri oleh mereka bertentangan dengan Hadith- hadith Rasulullah s.a.w.

(F) Beriman dengan zahir nas-nas syarak dan tidak mentakwilnya.

Ahl al-Sunnah beriman bahawa kalam Allah (al-Quran) dapat difahami sebagaimana yang di sebut dan Allah mahu supaya kita beriman dengan nas-nas tersebut sesuai dan layak dengan Allah (s.w.t.). Nas-nas sifat itu di fahami sebagaimana zahirnya, tanpa di takwil.

(G) Mereka mengakui kebenaran yang ada pada musuh, kalau salah mereka akan mengaku dengan kesalahan itu dan sanggup memperbetulkannya.

(H) Menolak semua perkara yang bertentangan dengan syariat Allah.

(J) Berusaha menyekat setiap perkara yang membawa kepada bid'ah di dalam Agama.

(K) Melakukan Amar ma'ruf dan Nahi Munkar.

Manhaj Khalaf di dalam akidah

Setelah kita mengetahui manhaj al Salaf al-Soleh secara ringkas kita

akan mengetahui juga secara ringkas manhaj khalaf. Di antara manhaj mereka ialah seperti berikut:

1. **Mendahulukan akal dari Nakal apabila bertentangan dengan di antara satu sama lain.**

Apabila berlaku pertentangan di antara Naql (nas-nas Quran atau hadis) dan Akal, maka hendaklah di dahulukan akal dari Naql, kerana Naql itu adalah Dzan, sedangkan Akal adalah *Qatie* .

2. **Hadis- Hadis Ahad tidak di -terima pakai dalam akidah**

Hadis-hadis Ahad tidak diguna pakai di dalam akidah, khususnya berhubung dengan Nama-nama dan sifat-sifat Allah (s.w.t.). Ini sangat ketara di mana mereka tidak menerima pakai hadis-hadis yang menerangkan sifat-sifat Allah seperti (أصابع) dan lain-lain lagi.

Manakala Hadis-hadis mutawatir mereka terima untuk akidah, tetapi kalau bertentangan dengan manhaj mereka hadis-hadis tersebut akan ditakwil supaya sejajar dengan metodologi yang mereka bawa. Seperti mereka mentakwil hadis-hadis nuzul, di mana mereka berkata yang dimaksudkan dengan nuzul itu ialah nuzul rahmat atau nikmat dan sebagainya .

3. **Takwil**

Takwil juga merupakan salah satu manhaj yang digunakan oleh khalaf terhadap ayat-ayat al-Quran, terutamanya berhubung dengan sifat-sifat Allah seperti Yad, Ain, Istiwa' dan lain-lain lagi. Mereka mengangap ayat-ayat tersebut adalah ayat-ayat mutasabihah.

4. Tauhid dikalangan khalaf bermaksud menafikan berbilang-bilang, tarkib, bahagian-bahagian terhadap Allah . Mereka mentafsirkan Ilah (الإله) dengan al-Khaliq atau Al-Qadir

mencipta segala-galanya. Dan mereka menafikan sifat-sifat lain.

5. **Wujud Allah**

Di dalam memperkatakan tentang ujud Allah (s.w.t.), mereka hanya menggunakan satu dalil saja iaitu dalil al-Hudus atau baru. Dalil ini dibawa untuk membuktikan kewujudan Allah. Mereka berkata bahawa alam ini baru, setiap yang baru pasti ada yang mencipta iaitu yang Qadim. Ciri sifat Qadim yang paling khusus ialah mukhalafatu hu ta'ala lil hawadis مخالفته تعالى للحوادث Dengan itu diIsbatkan bahawa Allah itu tidak Jauhar, Jisim, tidak berada di mana-mana arah dan tempat. Dengan demikian mereka menafikan banyak sifat-sifat Allah seperti Redha, Ghadab, Istiwa' dengan alasan nafu al-hawadis نفي حلول الحوادث

6. **Sifat-sifat Allah**

Khalaf membahagikan sifat Allah kepada empat bahagian:

1. Sifat Nafsiah iaitu Ujud.

2. Sifat Salbiah iaitu; Qidam Baqa' Mukhalafatuhu lil-Hawadis, Qiamuhu binafsi dan Wahdaniat. Sifat-sifat tersebut dikatakan salbiah kerana ia membawa ma'na Nafi. Qidam bermaksud tidak baru Baqa' bererti tidak binasa (fana).

3. Sifat al Ma'ani iaitu; Qudrat, Iradat, Ilmu, Hayat, Sama', Basar dan Kalam dan

4. Sifat ma'nawiah iaitu Qadirun, Muridun, Alimun, Hayu', Samiun, Basiron dan Mutakalimun .

Jadi semua sifat-sifat tersebut di atas semunya sebanyak dua puluh. Dengan itu mereka tidak

mengisbatkan sifat-sifat Khabariah kecuali sebanyak tujuh sifat sahaja.

Dengan pembentangan yang ringkas ini dapat kita memahami asas-asas akidah ASWJ dan khalaf dan dapat menambahkan ma'alumat kita.

RUJUKAN:

1 Mu'jam Maqayis al Lughah 3/60-62, Lisan al Arab 13 /218.
2 Muslim, kitab al Zakah, Bab al Hathth 'Ala al Sadaqah no (1018).
3 Bukhari, Kitab al Anbia, bab Ma zukira 'an Bani Israil no (2629).
4 Mustafa al Sibaie Al Sunnah Wamakanatuha fi al Tasyri' 47-49. Muhammad Ajjaj al-Khatib, Al-mukhtasar al-Wajiz fi Ulum al Hadis 15-19. Al-Sunnah qabl al Tadwin, 14-20, Muhammad Abu Zahwu. Al hadis Wal Muhaddisun. 8-11. Nur al Din Attar, Manhaj al Naqdu fi Ulum al Hadis, 27. Muhammad Mustafa al 'A^c^zami.1/1-11 dan lain-lain.
5 Muhammad bin Ibrahim al Hamd, Akidah Ahl Sunnah wa al Jamaah. Dar al Watan, cet. 1, 1416, ms. 21.
6 Malik, al Muwatta' 2/899.
7 Al Tirmizi kitab al Ilm, bab ma jaa fi al Akhzi bi al Sunnah no (2676).
8 Muslim kitab al Hudud bab hadd al Khamar no (1707), Musnad Ahmad, no (621).
9 Al Fasl fi al-Milal wa al- Ahwa' wa al -Nihal, Dar al Ma'rifah, Beirut . c .11, 1395, 2/ 113.
10 Talbis Iblis m. 21 .
11 Lawami' al Anwar al Bahiyah 1/ 22.
12. Al Din al Khalis 3 / 418 .
13 Al Isfirayyini , Al Tabsir fi al Din m.13, Ibn Taimiyah, Al Muntaqa m.189.
14 Ibn Abu 'Asim, Al Sunnah 1/34 no (69).
15 Abu 'Asim, Al-sunnah 1/3, Abu Dawud 5/6, Ahmad 4/102, Hakim 1/ 1128, Al- Lalakaie1/102, Ajuri, Syariah 18, Ibn Batah, Ibanah 106, Albani Hadith Sahih no (204).
16 Al-Ghunyatu li Talibi al-Haq 1/71 .
17 Al-Khatib al Bagdadyy, Syaraf 10 ahl al Hadith.5-6 .
18 Al -Khatib al-Baghdadiyy, Syaraf Ahl al-Hadith m. 24 .
19 Al-Ghuniah m. 85.
20 Al-Bukhari 13/293 no (7311)
21 Khatib al-Baghdadyy m.26
22 Ibid. 26.
23 Tirmizi 4/485.
24 Hakim, Ma'rifat Ulum al-Hadith m.3 .
25 Bukhari di dalan fathul Bari 11/244. no (6429), (6428).
26 Al Baihaqi, Al Sunan al-Kubra 101 209.
27 Mustafa al Syakaah, Islam Bila Mazhab ms. 22.
28 Amir 'Ali Ruh al Islam 2/202.
29 Syarh Usul Al Sunnah 1/72, Baghawi, Ma'alim al Tanzil 1/339, Ibnu Kathir, Tafsir Quran al Azim 2/76.
30 Muqaddimah Sahih Muslim ms. 15.
31 Syarh Usul Ahl al-Sunnah 1/60-61.
32 Ibid 1/63.
33 Ibid 1/64.
34 Ibnu Jarir al Tabari, Tahzib al Athar 2/182.
35 Ibnu Abd al Bar Al Intiqa' fi Fadhail al Thalathah al Alimah al Fuqaha ms. 35.

:Kertas1

2 DR. JOHARI MAT (AKADEMIK ISLAM UM)

SOALAN PESERTA DAN JAWAPAN

SESI PERTAMA

SOALAN 1 oleh Ustaz Nasri Ilyas, Ampang, Kuala Lumpur.
Assalamualaikum saudara pengerusi , saya ingin minta penjelasan ringkas daripada pembentang kertas kerja tentangmaksud daripada as-salaf, السلف أسلم وأحكم. Kemudian sedikit ulasan kebiasaan dari segi as-salaf, az-zamani (pembela salaf masa kini) seseorang penegak atau pembela sunnah akan disebut sebagai pembela as-sunnah (نصر السنة) sebaik sahaja wafat orang-orang pembela-pembela itu. Umpamanya Imam Ahmad ibnu Hanbal, Imam Abu Hassan as Ashaari pejuang yang membebaskan umat daripada khurafat ilmu kalam hingga kepada Sallehuddin al Ayub yang telah berjaya mensunnahkan kembali penduduk negeri Mesir di zamannya daripada pengaruh golongan Syiah. Di rantau kita juga ada 'nasri as-sunnah' yang sudah berjaya menahan usaha Syiah seperti al marhum Dr. Mohd Nasir bekas Perdana Menteri Indonesia bersama-sama dengan sejumlah ulamak yang berjuang di sana. Sementara di sini juga kita berharapan, dan mengenang jasa dan ketegasan YAB Perdana Menteri Malaysia dan Timbalan Perdana Menteri kita. Ini memberi ruang kepada kita untuk menegakkan sunnah dan memberi peluang yang lebih kepada pendedahan kepada ajaran akidah Ahlusunnah Wal Jama'ah.

SOALAN 2 oleh peserta.
Firman Allah s.w.t. : " "
Bermaksud: "Telah datang yang hak dan musnah yang batil". Tetapi didapati golongan salaf ini golongan yang minoriti. Di manakah relevennya ayat ini?

SOALAN 3 oleh peserta.
Ada tiga jenis Tauhid, selain daripada tauhid ar- Rubbuhiyyah dan

tauhid al-Asmah wa as-sifat, kita ada tauhid Uluhiyyah. Akidah as-salaf as-soleh mengiktiraf kesemua jenis tauhid itu. Imam Hassan al-Ash'ari telah kembali kepada akidah as-salaf, tetapi pengikutnya tidak kembali kepada akidah as-salaf. Apakah implikasinya perkara ini?

JAWAPAN USTAZ DR. JOHARI MAT

Terima kasih Tuan Pengerusi, hadirin dan hadirat semua soalan-soalan tersebut adalah jenis soalan Malaikat Gibril. Walau bagaimanapun terima kasih di atas soalan-soalan saudara-saudara sekalian. Memang kita mendengar ungkapan daripada para ulamak yang terkemudian iaitu ulamak al-khalaf (الخلف) bahawa : As-salaful as soleh aslam (lebih selamat) (أسلم) ataupun biasanya kita mendengar bahawa as-salaful ahkam (lebih bijak) Istilah-istilah tersebut diberikan oleh ulamak-ulamak mutaakhirin , mereka memperakui bahawa As salaf itu aslam. Apabila istilah 'aslam' ini disebut kita terbayang bahawa tidak ada lagi yang perlu kepada lebih aslam. Aslam itu bererti yang paling selamat bermakna kita tidak perlu lagi membicarakan yang lain-lain. Di sinilah istilah ini sebenarnya makan diri tuan yang menyebutnya. Apabila kita kata salaf itu aslam, ia bermakna lebih selamat, lebih sejahtera, lebih baik. Oleh itu sudah pasti cara yang lain adalah kurang selamat. Kerana ia adalah isim tafdil (اسم التفضيل) iaitu katanama lebih baik. Kemudian untuk memperkuatkan lagi mereka sebut was salaf ahkam. Iaitu as-salaf lebih bijak, lebih handal, lebih cerdik. Tetapi siapakah yang bercakap? Yang berkata ialah orang yang kemudian (al-khalaf). Jadi kalau sekiranya kita mendakwa diri kita sendiri sebagai orang yang lebih selamat itu, belum tentu lagi. Tetapi yang menggunakan istilah itu ialah orang khalaf. Istilah 'salaf' itu membawa kepada pengertian bahawa salaf itu adalah baik. **Tetapi maksudnya yang tersirat ialah salaf itu tidak mengharungi ilmu-ilmu dalam masalah-masalah umat Islam terkemudian dan dengan demikian mereka merasakan as salaf berkurangan** . Tetapi jikalau kita melihat kepada sejarah ulamak-ulamak seperti Imam besar al Asha'irah khususnya (disebutkan sebagai ulamak khalaf) di akhir hayatnya dan penuntutnya, mereka kembali merujuk kepada mazhab as salaf. Iaitu mereka tidak mahu menta'wilkan ayat-ayat yang berhubung dengan sifat-sifat Allah sama ada ayat itu berhubung dengan sifat khabariah

ataupun sifat-sifat Allah yang lain. Itulah yang saya rasa perlu beritahu berkaitan dengan sikap ulamak-ulamak yang menjadi ikutan oleh generasi-generasi terkini dalam aliran fahaman Asya'irah. Ulamak Asya'irah yang menjadi ikutan kepada kita sekarang ini mengatakan bahawa mereka itu mengikut tariqat as-salaf. Tetapi yang menjadi masalah masakini ialah pengikut-pengikut Asyairah membuat takwil kepada ayat-ayat berkaitan sifat Allah s.w.t. juga. Ciri perbezaan yang terbesar di sini ialah ta'wil atau tidak ta'wil ayat -ayat yang mempunyai sifat-sifat tassabuh. Kemudian masalah ini ada hubungkaitnya dengan soalan yang ke-2 iaitu : Kenapa maklumat tidak tersebar luas?

Saya rasa masalah maklumat yang tidak tersebar ini adalah kerana orang tidak menyebarnya. Sebenarnya para pendakwah masih takut untuk menyebarkan maklumat ini kerana banyak sangat label-label atau tomahan-tomahan yang telah dilemparkan kepada orang yang membawa aliran salaf ini. Oleh kerana label-label itu bertujuan untuk menghina dan mengerunkan, para pendakwah as-Salaf bimbang takut-takut nanti dituduh atau di tahan siasat. Maka mereka cuba untuk menyembunyikan maklumat pada diri sendiri. Saya rasa itulah antara sebab-sebabnya tetapi dalam suasana kita di Malaysia ini yang bebas dari segi menyatakan pendapat, saya rasa pendapat-pendapat itu boleh dinyatakan asalkan mempunyai alasan-alasan yang konkrit dan kukuh berpandukan kepada nas-nas dan dalil-dalil yang jelas. Kita tidak perlu takut kerana orang yang lebih batilpun berani menonjolkan diri. Apatah lagi kalau kita meletakkan al-Quran dan Hadis sebagai hujjah. Dan apa yang bertentangan dengan al-Quran dan Hadis yang sahih kita perlu tolak, walaupun dari mana ia datang. Apa yang tepat dengan kitab Alah dan sunnah Rasulullah s.a.w. junjungan tinggi kita, kita ikut dan apa yang bertentangan dengannya kita tolak ke tepi. Tidak kira siapa yang berkata kerana yang maksum adalah wahyu sahaja. Manusia biasa tidak maksum. Yang maksum sahaja adalah Rasulullah s.a.w. Orang lain tidak maksum, kerana ada sahaja yang salah. Oleh itulah kita hanya ta'asub kepada Rasulullah s.a.w. Orang lain belum tentu dianggap benar dan Insya Allah di akhirat kelak ia mengikut Rasulullah s.a.w. Oleh kerana itulah saya rasa apa yang disebutkan oleh saudara sebentar tadi sepatutnya umat Islam mengikuti jejak langkah yang telah dibuat oleh Imam Abu

Hassan al-Ash'ari dan begitulah juga Imam as-Shafie. Rasa saya sesuailah kita ikut Imam as-Syafie dan as-Asy'ari. Imam al-Syafie r.a. menjelaskan bahawa Allah s.w.t. dekat kepada hambanya tetapi bagaimana caranya tidak diketahui, 'kaifiatnya' kita tidak boleh tanya. Sebabnya ialah maknanya diketahui tetapi kaifiatnya tidak diketahui. Kita perlu dedahkan maklumat kepada masyarakat, bukan untuk mendapat populariti tetapi untuk memberitahu kebenaran sebagaimana yang kita pelajari. Buku-buku Imam-Imam tersebut masih ada dan dipelajari, tentunya kita boleh bincang dan insya Allah itulah yang sebaik-baik dilakukan oleh semua. Imam as-Syafie telah (kembali) mengikut cara as-Salaf sebagaimana yang disebut dalam kitab 'Ibadah'nya. Dan satu lagi saya nak sebut ialah tauhid Uluhiyyah dan tauhid Rububiyyah, saya rasa semua orang faham berkenaan tauhid Uluhiyyah dan Rububiyyah. Yang menjadi masalah ialah tentang tauhid Asma was Sifat. Di Malaysia ini saya ingat sejak tahun 80 an dulu ramai sudah sedar berkenaan tauhid Uluhiyyah dan tauhid Rubuhiyyah dan ramai boleh terimanya tetapi sampai sekarang tentang tauhid Asma was Sifat ini ada masalah sedikit. Mereka mempunyai dilema nak terima atau tidak mahu terima cara penjelasan as-Salaf as-Soleh. Jadi sama-samalah kita berdoa kepada Allah supaya Allah memberi petunjuk kepada yang lain, sekian.

3 USTAZ ABDULLAH YASIN

AKIDAH IMAM-IMAM AL ARBAA': ABU HANIFAH, MALIK, SYAFI'I, AHMAD IBNU HANBAL

PEMBAHASAN PERTAMA :

AKIDAH IMAM-IMAM YANG EMPAT ADALAH SATU DALAM MASALAH USHULUDDIN.

I'tikad Imam-Imam yang empat iaitu Imam Abu Hanifah, Imam Malik , Imam Syafi'I dan Imam Ahmad Ibnu Hanbal ialah I'tikad sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Quran dan Sunnah Nabi SAW. Dan sebagaimana I'tikad para sahabat dan golongan yang mengikuti jejak langkah mereka dengan baik.

Al Hamdulillah, di antara mereka tidak terdapat percanggahan dalam Ushuluddin atau Asas asas agama, malahan kesemua mereka bersepakat tentang iman terkahadap sifat sifat Allah, al-Quran adalah Kalam Allah dan bukan makhluk, Iman mestilah bersesuaian antara ucapan lisan dengan keyakinan hati, bahkan mereka bersepakat mengingkari Golongan Ahli Kalam seperti Jahmiyah dan seumpamanya yang sudah terpengaruh dengan falsafah Yunani dan Mazhab mazhab Kalamiyah.

***Imam Ibnu Taimiyah* berkata:**

(............ tetapi berkat rahmat Allah kepada hamba hamba-Nya bahwa Imam Imam yang menjadi ikutan umat seperti Imam-Imam yang empat dan lain lain .... semua mereka mengingkari Ahli Kalam seperti Jahmiyah; tentang keyakinan mereka terhadap al-Quran, Iman dan Sifat-sifat Allah. Kesemua mereka mempunyai satu

pendirian dan keyakinan sebagaimana pendirian dan keyakinan Salafus Saleh bahawa Allah SWT dapat dilihat di akhirat, dan al-Quran itu Kalamullah bukan makhluk, Iman pula mestilah gabungan daripada ucapan lisan dan keyakinan hati ....).[1]

Imam Ibnu Taimiyah ditanya tentang I'tiqad *Imam Syafi'I*, jawapnya :

(I'tikad Syafi'I RA dan I'tikad Salaf Al Ummah seperti Malik, Al Thaury, Al Auza'I, Ibnu Al Mubarak, Ahmad Ibnu Hanbal, Ishak Bin Rahuwaih adalah sebagaimana I'tikad Masyaikh Al Muqtadaa (Syekjh syekh yang menjadi teladan umat) seperti Al Fudhail Bin 'Iyadh, Abu Sulaiman Al Daraany, Sahl Bin Abdullah Al Tustury dan lain lain. Diantara mereka semua sedikitpun tidak terdapat perbedaan pandangan dalam hal yang bersangkutan dengan Ushuluddin. Demikian juga Imam Abu Hanifah - Rahimahullah - I'tikad yang thabit daripada beliau tentang Tauhid dan Qadar dan yang seumpamanya bersesuaian dengfan I'tikad mereka. Dan I'tikad mereka adalah sebagaimana I'tikad Para Shahabat dan Tabi'iin iaitu apa yang dinyatakan oleh al-Quran dan Sunnah Nabi SAW.[2]

Pandangan ini telah dipilih oleh *Al 'Allaamah Shadiq Hasan Khaan*, katanya:

(Maka mazhab kami adalah sebagaimana mazhab Salaf iaitu Ithbat tanpa Tasybih, Tanzih tanpa ta'thil. Inilah mazhab Imam Imam Utama Umat Islam seperti Malik, Syafi'I, Al Thaury, Ibnu Al Mubarak dan Imam Ahmad .... dan lain lain lagi. Tidak terdapat di antara mereka sedikitpun percanggahan dalam hal Ushuluddin. Demikian juga dengan Imam Abu Hanifah RA karena I'tikad yang thabit daripada beliau ialah sebagaimana I'tikad Imam-Imam yang lain iaitu sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Quran dan Sunnah Nabi SAW).[3]

Berikut ini akan kita dedahkan nukilan kata kata Imam-Imam Yang Empat yang menjadi ikutan ramai umat Islam iaitu *Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Al Syafi'I dan Imam Ahmad Ibnu Hanbal* tentang apa yang mereka I'tikadkan dalam masalah masalah

Ushuluddin serta penjelasan tentang sikap mereka masing masing terhadap Ilmu Kalam.

PEMBAHASAN KEDUA :

AKIDAH IMAM ABU HANIFAH.

A. PANDANGAN ABU HANIFAH TENTANG TAUHID.

(1) Imam Abu Hanifah berkata: Tidak wajar seseorang berdoa kepada Allah kecuali dengan-Nya dan doa yang diizinkan serta disuruh oleh Allah adalah sebagaimana yang tertera dalam firman Allah :

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا وَذَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٨٠﴾

Ertinya : Hanya milik Allah asma-ul husna maka bermohonlah kepada-Nya dengan menyebut asmaa-ul husna itu dan tinggalkanlah orang orang yang menyimpang daripada kebenaran dalam menyebut nama-nama-Nya. Nanti mereka akan mendapat balasan terhadap apa yang telah mereka kerjakan (Al A'raf : 180).[4]

(2) Abu Hanifah berkata : Adalah dibenci jika seseorang berdoa dengan mengatakan : Aku memohon kepada-Mu dengan haq si fulan atau haq Nabi Nabi-Mu dan haq Rasul-RasulMu atau haq Al Bait Al Haram dan Al Masy'ar Al Haram.[5]

(3) Abu Hanifah berkata : Allah tidak boleh disifati dengan sifat sifat makhluk; Murka-Nya dan Redha-Nya adalah dua sifat di antara sifat sifat -Nya tanpa takyiif. Inilah keyakinan Ahlus Sunnah Wal Jamaah iaitu Dia Murka dan Dia Redha; Dan tidak boleh dikatakan Murka-Nya itu adalah Siksa-Nya, dan

Redha-Nya itu ganjaran-Nya. Kita mestilah mensifati-Nya sebagaimana Dia sendiri yang mensifati diri-Nya; Ahad, Shamad, Lam Yalid Wa Lam Yuulad, Wa lam yakun Lahuu Kufuan Ahad. Dia Maha Hidup, Maha Mendengar, Maha Melihat, Maha Mengetahui, Tangan Allah di atas tangan mereka, Tangan-Nya tidak sebagaimana tangan-tangan makhluk-Nya, dan Wajah-Nya tidak sebagaimana wajah-wajah makhluk-Nya.[6]

(4) Abu Hanifah berkata : Allah mempunyai tangan dan wajah sebagaimana Allah menyebutnya di dalam Al Quran. Maka apa yang disebutkan oleh Allah di dalam Al Quran seperi menyebut tangan dan wajah, itu adalah sifat bagi-Nya tanpa takyiif (mempertikaikan tentang bagaimana). Kita tidak boleh mengatakan tangan-Nya adalah kuasa-Nya atau ni'mat-Nya karena yang demikian itu berarti kita telah membatalkan sifat Allah (Ibthaalus Sifat), dan pandangan seperti inilah sebenarnya pandangan Qadariyah dan Mu'tazilah.[7]

(5) Abu Hanifah berkata: Tidak wajar bagi seseorang memperkatakan sesuatu tentang Dzat Allah, bahkan dia sepatutnya mensifati Allah dengan apa yang telah Allah sifatkan kepada diri-Nya. Kita tidak sepatutnya memperkatakan sesuatu tentangnya berdasarkan akal semata, Maha Suci Allah Tuhan sekalian alam.[8]

(6) Abu Hanifah berkata : Siapa yang berkata : Saya tidak tahu, adakah Allah itu di langit atau di bumi maka dia kafir, demikian juga orang yang berkata : Sesungguhnya Dia di atas Arasy tetapi saya tidak tahu adakah 'Arasy itu di langit atau di bumi.[9]

(7) Abu Hanifah berkata : al-Quran adalah Kalamullah, di dalam mashhaf dia ditulis, dan di dalam hati dia di hafaz, dan pada lidah dia dibaca, dan ke atas Nabi SAW dia diturunkan.[10]

B. PANDANGAN ABU HANIFAH TENTANG QADAR :

(1) Dia berkata : Adalah Allah Maha Mengetahui segala sesuatu sejak azali sebelum sesuatu itu wujud lagi.[11]

(2) Dia berkata : Allah Maha Mengetahui tentang sesuatu yang tiada (ma'dum) dalam hal ketiadaannya, dan Dia Maha Mengetahui bagaimana keadaannya jika Dia mengwujudkannya, dan Allah Maha Mengetahui sesuatu yang wujud dalam hal kewujudannya, dan Dia Maha Mengetahui bagaimana kelak yang wujud itu akan musnah.[12]

(3) Dia berkata : Kami meyakini bahwa Allah menyuruh Qalam supaya menulis, lalu Qalam berkata : Apakah yang akan aku tulis, wahai Tuhan? Maka Allah berfirman kepadanya: Tulislah olehmu apa yang akan terjadi hingga ke Hari Kiamat. Ini berdasarkan firman Allah :

وَكُلُّ شَيْءٍ فَعَلُوهُ فِي الزُّبُرِ ﴿٥٢﴾ وَكُلُّ صَغِيرٍ وَكَبِيرٍ مُّسْتَطَرٌ ﴿٥٣﴾

Ertinya : Dan segala sesuatu yang telah mereka perbuat tercatat dalam buku buku catatan. Dan segala (urusan) yang kecil maupun yang besar adalah tertulis (Al Qamar : 52-53).[13]

(4) Dia berkata : Kami meyakini bahwa hamba (manusia) bersama amalannya dan ikrarnya dan ma'rifatnya adalah makhluk. Sebab manakala orang yang melakukan perbuatan (Faa'il) itu adalah makhluk maka adalah lebih utama perbuatan perbuatannya (Af'aal) itu adalah makhluk.[14]

(5) Dia berkata : Segala perbuatan hamba, samada pergerakannya ataupun diamnya adalah usaha atau ikhtiar mereka. Dan Allah Yang Menciptanya. Semuanya adalah dengan kehendak-Nya, Ilmu-Nya , Qadha-Nya dan Qadar-Nya.[15]

(6) Dia berkata : Semua perbuatan hamba, samada pergerakan

ataupun diamnya adalah usahanya secara hakiki (sebenarnya) dan Allah menciptakannya. Semuanya adalah dengan kehendak-Nya dan ilmu-Nya dan Qadha-Nya dan Qadar-Nya. Semua ketaatan adalah wajib dengan perintah Allah dan dengan Kesukaan-Nya dan Redha-Nya, Ilmu-Nya, Kehendak-Nya, Qadha-Nya dan Qadar-Nya. Sedangkan maksiat pula semuanya adalah dengan Ilmu Allah, Qadha-Nya, Taqdir-Nya dan Kehendak-Nya, bukan dengan Kesukaan-Nya, bukan dengan Keredhaan-Nya dan bukan pula dengan Perintah-Nya.[16]

C. PANDANGAN ABU HANIFAH TENTANG IMAN :

(1) Iman adalah ikrar dan tashdiq.[17]

(2) Iman adalah ikrar dengan lisan dan tashdiq dengan hati. Ikrar dengan lisan saja belum lagi dikatakan iman.[18]

(3) Iman tidak bertambah dan tidak berkurang.[19]

Pandangan Abu Hanifah bahwa Iman tidak bertambah dan tidak berkurang , dan juga pandangan beliau tentang Iman adalah ikrar dengan lisan dan tashdiq dengan hati sedangkan amal pula terkeluar daripada hakikat iman. Pandangan inilah yang menjadi pembeda utama antara I'tikad Imam Abu Hanifah dengan I'tikad semua Imam Imam Islam lainnya seperti Imam Malik , Imam Syafi'I, Imam Ahmad, Ishak, Al Bukhari dan lain lain lagi. Dalam hal ini yang benar ialah pandangan imam imam tersebut sedangkan pandangan Abu Hanifah tidak menepati kebenaran. Namun demikian beliau akan diberi ganjaran dalam kedua dua keadaan (Ijtihad). Dan Imam Abdul Barr dan Imam Ibnu Abi Al 'Izz menyebut bahawa dapat dirasakan bahwa Imam Abu Hanifah telah kembali atau menarik balik dari perkataannya itu, Wallahu A'lam.[20]

D. PANDANGAN ABU HANIFAH TENTANG SAHABAT :

(1) Kami tidak mengatakan tentang seorang sahabatpun daripada sahabat-sahabat Rasul SAW kecuali yang baik baik saja.[21]

(2) Kami tidak berlepas diri daripada seorangpun daripada sahabat-sahabat Rasul SAW sebagaimana kami tidak menjadikan salah seorang mereka saja sebagai pemimpin kami tanpa yang lain.[22] Kedudukan salah seorang mereka bersama Rasulullah SAW satu saat adalah lebih baik daripada amal saleh seorang di antara kita sepanjang umurnya walaupun lanjut usianya.[23]

(3) Kami berikrar bahawa manusia yang paling mulia daripada umat ini sesudah Nabi Muhammad SAW ialah Abu Bakar Al Shiddiq kemudian Umar Ibnu Al Khattab kemudian Uthman Ibnu 'Affan kemudian Ali Bin Abi Thalib Ridhwaanullahi 'Alaihim Ajma'iin.[24]

E. LARANGAN ABU HANIFAH DARIPADA ILMU KALAM

(1) Abu Hanifah berkata: Mudah mudahan Allah menurunkan laknat-Nya keatas Amr Bin 'Ubaid karena dialah orang pertama yang membuka jalan kepada manusia ramai tentang Ilmu Kalam yang sama sekali tidak mendatangkan menfaat kepada mereka.[25]

(2) Berkata Abu Hanifah kepada Aba Yusuf : Janganlah kamu katakan kepada orang ramai tentang Ushuluddin secara pendekatan Ilmu Kalam, kerana kelak mereka akan bertaklid kepada kamu dan akhirnya mereka hanya akan menyibukkan diri mereka dengan perkara itu saja.[26]

PEMBAHASAN KETIGA :

AKIDAH IMAM MALIK BIN ANAS :

A. PANDANGAN IMAM MALIK TENTANG TAUHID.

(1) Imam Syafi'I berkata : Imam Malik ditanya tentang Kalam dan Tauhid, lalu Imam Malik menjawap : Adalah mustahil jika kita menyangka Nabi Muhammad SAW mengajar umatnya istinjak tetapi tidak mengajar mereka Tauhid. Dan Tauhid adalah sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah SAW:

> Ertinya : Aku disuruh membunuh manusia sehingga mereka berkata Tidak ada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah. (HR Imam Bukhari)

Hakikat Tauhid adalah segala yang dengannya terpelihara harta dan darah.[27]

(2) Daripada Ja'far Bin Abdullah katanya : Kami pernah duduk berdekatan dengan Imam malik lalu seorang lelaki bertanya kepada beliau : Wahai Abu Abillah , Allah Yang Maha Pengasih bersemayam di atas 'Arasy, bagaimana Dia bersemayam? Imam Malik menjawab : Tentang bagaimana Dia bersemayam tidak boleh diakali (ghair ma'qul), dan bersemayam-Nya bukan suatu yang dajahili (ghair majhul), beriman kepada nya (bersemayang) adalah wajib, dan bertanya tentangnya adalah bid'ah.[28]

(3) Daripada Yahya Bin Al Rabi' katanya : Aku pernah duduk bersama Imam Malik lalu beliau ditanya oleh seorang lelaki: Wahai Aba Abdillah , apakah pandangan tuan tentang orang yang mengatakan bahawa al- Quran itu makhluk? Imam Malik menjawap : Dia adalah Zindiq dan bunuhlah dia.[29]

(4) Daripada Abdullah Bin Nafi' katanya : Telah berkata Imam

malik : Allah adalah di langit dan Ilmu-Nya pada semua tempat.[30]

B. KATA KATA IMAM MALIK TENTANG IMAN

(1) Daripada Abdul Razzak Bin Hammam katanya : Aku mendengar Ibnu Juraij dan Sofyan Al Thauri dan Ma'mar Bin Rasyid dan Sofyan Bin 'Uyainah dan Malik Bin Anas ; mereka berkata : Iman adalah ucapan dan amalan, boleh bertambah dan boleh berkurang.[31]

(2) Daripada Abdullah Bin Nafi' katanya : Imam malik berkata : Iman adalah ucapan dan perbuatan.[32]

(3) Daripada Asyhab Bin Abdul Aziz katanya : Imam Malik berkata: Manusia melakukan solat selama 16 bulan menghadap ke arah Baitil Maqdis, kemudian mereka diperintahkan supaya mengahadap ke arah Masjid Al Haram, lalu Allah SWT berfirman :

وَمَاكَانَ ٱللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَـٰنَكُمْ

Ertinya : Dan Allah tidak akan menyia-nyiakan imanmu (Al Baqarah : 143).

Maksudnya : Allah tidak akan menyia-nyiakan solatmu ke arah Baitil Maqdis. Imam Malik berkata : Sesungguhnya ayat ini mengingatkan aku kepada perkataan golongan Murji-ah : Sesungguhnya solat bukanlah sebagian daripada iman.[33]

C. PANDANGAN IMAM MALIK TENTANG SAHABAT

(1) Daripada Abdullah Al 'Anbary katanya : Imam Malik Bin Anans telah berkata : Siapa yang memperlecehkan atau

memperkecil kecilkan salah seorang sahabat Rasulullah SAW atau di dalam hatinya terdapat perasaan dengki kepada sahabat, maka ia tidak behak mendapat bahagian di dalam harta rampasan perang kaum muslimin. Kemudian beliau membaca ayat : Dan orang orang yang datang sesudah mereka (Muhajirin dan Anshar), mereka berdoa : Ya Tuhan kami beri ampunlah kami dan saudara saudara kami yang telah beriman lebih dahulu daripada kami, dan janganlah Engkau membiarkan kedengkian dalam hati kami terhadap orang orang yang beriman (Al Hasyr: 10).[34]

(2) Daripada Abdullah Bin Nafi' katanya : Ketika kami sedang duduk duduk memperkatakan tentang seorang lelaki yang memperkecil kecilkan sahabat sahabat Rasulullah SAW, lalu Imam Malik membaca ayat ini :

محمد رسول الله واللذين معه أشداء على الكفار

رحماء بينهم —إلى— يعجب الزراع ليغيظ

بهم الكفار.(الفتح:٢٩)

Ertinya : Muhammad itu adalah utusan Allah dan orang-orang yang bersama dengan dia adalah keras terhadap orang orang kafir, tetapi berkasih sayang sesama mereka ; - sehingga - tanaman itu menyenangkan hati penanam penanamnya karena Allah hendak menjengkelkan hati orang orang kafir (dengan kekuatan orang orang mukmin). (Al Fath : 29).

Kemudian Imam Malik berkata : Sesiapa yang terdapat di dalam hatinya perasaan jengkel (sakit hati) terhadap salah seorang sahabat Rasulullah SAW, maka ia termasuk ke dalam ancaman ayat ini.[35]

(3) Daripada Asyhab Bin Abdul Aziz katanya : Seorang 'Alawy (fanatik kepada Saidina Ali) betanya kepada Imam Malik : Siapakah manusia yang paling mulia sesudah Rasulullah SAW? Imam Malik menjawap : Abu Bakar. 'Alawy bertanya lagi : Kemudian siapa? Malik menjawap : Umar Ibnu Al Khattab. Alawy bertanya lagi ; Kemudian siapa lagi? Malik menjawap : Khalifah yang dibunuh secara zalim iaitu Uthman. Lalu 'Alawy berkata : Demi Allah, aku tidak akan berguru kepadamu lagi untuk selama-lamanya. Imam Malik menjawab: Terserahlah kepada kamu.36

D. LARANGAN MALIK ILMU KALAM

(1) Daripada Mash'ab Bin Abdullah Al Zubairy katanya : Imam Malik Bin Anas berkata : Aku benci terhadap kalam dalam urusan agama, dan penduduk negeri kami tetap membencinya dan mereka melarang daripadanya, seperti kalam tentang pandangan Jahm dan Qadariah dan yang seumpama itu. Beliau tidak menyukai kalam kecuali dalam perkara yang dapat diamalkan . Adapun kalam dalam agama Allah dan pada Dzat Allah Azza Wa Jalla maka berdiam diri (Sukut) adalah lebih aku sukai kerana aku melihat penduduk negeri kami semuanya melarang kalam dalam urusan agama kecuali yang berkaitan dengan amal perbuatan.[37]

(2) Daripada Abdullah Bin Nafi' katanya : Aku pernah mendengar Imam Malik berkata : Jika seorang yang telah melakukan semua dosa-dosa besar selain syirik, kemudian dia berlepas diri daripada mengikuti hawa nafsu dan perbuatan bid'ah (lalu Imam Malik menyebut di antaranya Kalam) maka ia akan masuk syurga.[38]

(3) Daripada Ishak Bin Isa katanya : Aku mendengar Imam Malik Bin Anas mencela perbuatan perbuatan berbantah bantahaan (jidal) dalam urusan agama, beliau berkata : Setiap kali datang kepada kami orang yang gemar berbantahan seolah-olah ia

menginginkan agar kami menolak apa yang dibawa oleh Jibrail kepada Nabi Muhammad SAW.[39]

(4) Daripada Abdul Rahman Bin Mahdy katanya : Seorang lelaki bertanya kepada Imam Malik, lalu Imam Malik berkata : Barangkali engkau salah seorang sahabat daripada 'Amr Bin 'Ubaid, mudah mudahan Allah menurunkan laknat-Nya keatas 'Amr Bin 'Ubaid kerana dialah orang memulai bid'ah kalam ini, kalaulah kalam itu suatu ilmu niscaya perkara ini menjadi percakapan di kalangan para Sahabat dan Tabi'iin sebagaimana percakapan dan perbincangan mereka tentang hukum-hakam dan syari'at.[40]

(5) Daripada Asyhab Bin Abdul Aziz katanya : Aku mendengar Imam Malik berkata : Jauhilah bid'ah . Beliau ditanya : Wahai Aba Abdillah, apakah bid'ah itu? Jawapnya : Ahli Bid'ah ialah orang-orang yang memperkatakan (yatakallamuun) tentang Nama nama dan Sifat sifat Allah, tentang Kalam-Nya, Ilmu-Nya, Kudrat-Nya. Mereka tidak diam (yaskutuun) sebagaimana diamnya para sahabat dan pengikut pengikut mereka dengan ihsan.[41]

(6) Daripada Imam Syafii' katanya : Jika datang kepada Imam Malik sebagian daripada Ahli Ahwaa' (Orang orang yang gemar mengikuti hawa nafsu seperti ahli kalam), lalu beliau akan berkata kepada mereka : Adapun aku telah berada di dalam keyakinan yang jelas (bayyinah) yang datang daripada Tuhanku, sedangkan kamu berada di dalam keraguan (syak), oleh sebab itu pergilah kamu kepada keraguanmu dan musuhilah dia.[42]

PEMBAHASAN KEEMPAT :

***AKIDAH IMAM AL SYAFI'I* :**

A. PANDANGAN IMAM SYAFI'I TENTANG TAUHID :

(1) Daripada Al Rabi' Bin Sulaiman katanya : Telah berkata Al Syafi'I : Siapa yang bersumpah dengan Allah atau dengan salah satu Nama daripada Nama-Nama-Nya, lalu ia langgar sumpah itu maka wajib ke atasnya kaffarat sumpah, sedangkan siapa yang bersumpah dengan sesuatu selain Allah seperti kata seseorang : Demi Ka'bah, demi nenek moyang dan sebagainya, lalu ia melanggar sumpah tersebut maka ia tidak wajib membayar kaffarat sumpah. Namun demikian sumpah dengan selain Allah adalah dibenci dan dilarang berdasarkan sabda Rasulullah SAW :

إن الله نهاكم أن تحلفوا بآبائكم, فمن كان حالفا

فليحلف بالله أو ليسكت.

Ertinya : Sesungguhnya Allah Azza Wa Jalla melarang kamu bersumpah dengan nenek moyangmu, barangsiapa yang ingin bersumpah maka hendaklah bersumpah dengan (Nama) Allah atau hendaklah dia diam saja. (HR Imam Bukhari).[43] Imam Syafi' berpendapat demikian dengan alasan karena Nama Nama Allah adalah bukan makhluk. Oleh itu sesiapa yang bersumpah dengan Nama Allah, lalu ia melanggarnya maka wajib ke atasnya membayar kaffarat.[44]

(2) Imam Ibnu Al Qayyim menyebut dalam kitab Ijtima'il Juyuusy Al Islamyah bahwa Imam Al Syaffi'I berkata : Mengikuti Sunnah yang aku berada diatas jalannya dan begitu juga aku melihat sahabat-sahabtku daripada kalangan Ahli Hadis yang

aku mengambilnya daripada mereka seperti Sofyan dan Imam Malik dan lain-lain lagi, ialah : Ikrar (pengakuan) bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan ikrar bahawa sesungguhnya Muhammad adalah pesuruh Allah, dan sesungguhnya Allah adalah di atas 'Arasy-Nya di langit-Nya, Dia mendekati makhluk-Nya sebagaimana Dia kehendaki, dan Allah turun ke langit dunia sebagaimana Dia kehendaki.[45]

(3) Imam Syafi'I berkata di dalam kitabnya "Al Risaalah" : Al Hamdulillah (segala puji bagi Allah) yang Dia adalah sebagaimana yang Dia telah sifati diri-Nya sendiri dan Dia mengatasi apa yang disifati oleh makhluk-Nya.[46]

(4) Imam Al Zahaby menyebut dalam kitab Al Sair daripada Imam Al Syafi'I bahwa beliau pernah berkata : Kami mengithbatkan (menetapkan) semua sifat Allah yang tercantum di dalam Al Quran dan semua sifat Allah yang warid (datang) dari Sunnah, dan kami menafikan (menidakkan) tasybih (penyerupaan) daripada-Nya sebagaimana Dia menafikan daripada diri-Nya kerana firman-Nya :

Ertinya : Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia (Al Syuura : 11).[47]

(5) Daripada Al Rabi' Bin Sulaiman katanya : Aku mendengar Imam Syafi'I berkata tentang firman Allah :

Ertinya : Sekali kali tidak, sesungguhnya mereka pada hari itu benar benar terhalang daripada (melihat) Tuhan mereka. (Al Muthaffifin : 15).

Ayat ini mengajar kepada kita bahawa di sana ada golongan yang tidak terhalang daripada melihat Allah.[48] Manakala ada golongan yang terhalang daripada melihat-Nya kerana kemurkaan-Nya kepada mereka, demikian jugalah akan ada golongan yang dapat melihat-Nya kerana keredhaan-Nya. Ketika Imam Syafi'I ditanya oleh Al Rabi' : Wahai Aba Abdillah, adakah tuan berpendapat demikian? Jawap Syafi'I : Ya, demikianlah keyakinanku.[49]

(6) Daripada Ibnu Abi Al Jaarud katanya : Ketika disebut nama Ibrahim Bin Ismail Bin 'Ulaih (Menurut Imam Al Zahaby : Ibrahim ini adalah seorang yang berfahaman Jahmy yang mendakwa bahwa al-Quran itu makhluk) kepada Imam Syafi'I, lalu beliau berkata : Aku bercanggah dengannya dalam semua hal ; dan tentang Laa Ilaaha Illallaah, aku tidak mengatakan sebagaimana dia katakan. Aku berkata : Tidak ada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah yang telah berkata-kata kepada Musa 'Alaihissalam dengan kata-kata yang sebenarnya daripada belakang hijab (tabir). Sedangkan dia berkata : Tidak ada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah yang telah mencipta kata-kata, lalu Dia memperdengarkannya kepada Musa dari belakang hijab.[50]

(7) Daripada Al Rabi' Bin Sulaiman katanya : Imam Syafi'I berkata: Siapa yang mengatakan al-Quran itu makhluk maka kafirlah dia.[51]

(8) Di antara yang I'tikad yang dinisbahkan (dibangsakan) kepada Imam Syafi'I ialah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Thalib Al 'Asyaary , katanya : Imam Syafi'I pernah ditanya tentang sifat sifat Allah Azza Wa Jalla dan apakah yang sewajarnya kita mengimaninya , lalu Imam Syafi'I-pun berkata: Allah Tabaraka Wa Ta'aala memiliki Nama-Nama dan Sifat-Sifat sebagaimana yang tercantum di dalam Kitab-Nya dan sebagaimana yang telah dikhabarkan oleh Rasul-Nya kepada umatnya. Tidak seorangpun boleh membantah hakikat ini. Sesiapa yang menyalahi yang demikian itu setelah thabit

hujjah ke atasnya (setelah ia mengetahuinya) maka dia kafir kepada Allah Azza Wa Jalla. Adapun bagi orang yang belum thabit hujjah ke atasnya kerana belum sampai perkhabaran itu kepadanya maka dia dimaafkan (ma'dzuur) kerana kejahilannya kerana ilmu tentang itu tidak dapat dicapai oleh akal dan tidak pula melalui ilmu pengetahuan dan fikiran. Dan di antara perkhabaran itu ialah bahawa Allah Maha Mendengar (Samii') dan Dia memiliki dua tangan, kerana Allah berfirman : (Tetapi kedua dua tangan Allah terbuka) - (Al Ma-idah : 64), dan Allah mempunyai tangan kanan, karena firman-Nya : (dan langit di gulung dengan tangan kanan-Nya) - (Az Zumar : 67), dan Allah memiliki wajah, karena firman-Nya : (Tiap tiap sesuatu pasti binasa kecuali wajah-Nya) - (Al Qashash : 88) dan firman-Nya : (Dan tetap kekal Wajah Tuhanmu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan) - (Al Rahmaan : 27) , dan Allah memiliki kaki , kerana sabda Nabi SAW. (Sehingga Tuhan Azza Wa Jalla meletakkan kaki-Nya di dalamnya) - (HR Imam Bukhari) dan Allah SWT ketawa kerana Rasulullah SAW mengkhabarkan tentang ganjaran orang yang mati syahid (Dia akan menemui Allah Azza Wa Jalla, sedangkan Allah ketawa kepadanya) - (HR Imam Bukhari), dan Allah turun ke langit dunia pada tiap-tiap malam , kerana adanya perkhabaran daripada Rasul SAW , dan Allah SWT tidak picak (bermata sebelah) kerana Rasul SAW ketika menceritakan tentang dajjal beliau bersabda : (Sesungguhnya dia (dajjal) itu picak, dan sesungguhnya Tuhanmu tidaklah picak) - (HR Bukhari), dan orang orang yang beriman akan melihat Tuhan mereka pada Hari Kiamat dengan mata mata mereka sebagaimana mereka melihat bulan purnama, dan Allah SWT mempunyai jari kerana Rasul SAW bersabda : (Tidak ada satu pun hati manusia kecuali dia di antara dua jari dari jari jemari Allah Azza Wa Jalla Yang Maha Pengasih).[52]

B. PANDANGAN IMAM SYAFI'I TENTANG QADAR :

(1) Imam Al Baihaqy berkata di dalam Manaqib Al Syafi'I

bahawa Imam Syafi'I berkata : Sesungguhnya kehendak hamba (masyi-atul 'ibaad) adalah (kembali) kepada Allah, dan mereka tidak berkehendak kecuali apa yang dikehendaki oleh Allah Tuhan sekalian alam, sungguhnya manusia tidak mencipta amalan amalan mereka, malahan amal perbuatan manusia adalah termasuk di antara makhluk Allah, dan sesungguhnya Qadar yang baiknya dan yang buruknya adalah daripada Allah Azza Wa Jalla, dan sesungguhnya siksaan kubur adalah benar (haq), pertanyaan di dalam alam kubur adalah benar, dan kebangkitan (ba'th) adalah benar, dan hisab adalah benar, dan syurga dan neraka adalah benar, dan lain-lain lagi segala yang datang daripada sunnah sunnah Nabu SAW.[53]

(2) Imam Al Baihaqy barkata tentang Imam Syafi'I bahawa beliau pernah berkata : Qadariyah ialah orang orang yang disebut oleh Rasulullah SAW : (Mereka adalah Majusi umat ini) - (HR Abu Daud dan Al Hakim) - mereka mengatakan : Sesungguhnya Allah tidak mengetahui maksiat melainkan setelah wujudnya maksiat itu.[54]

(3) Al Baihaqy meriwayatkan daripada Al Rabi' Bin Sulaiman daripada Imam Syafi'I bahawa beliau membenci solat di belakang Qadary.[55]

C. PANDANGAN SYAFI'I TENTANG IMAN :

(1) Al Rabi' berkata : (Aku mendengar Imam Syafi'I berkata : Iman adalah ucapan dan amal serta I'tikad dengan hati ; tidakkah kamu melihat firman Allah Azza Wa Jalla : (dan Allah tidak akan menyia-nyiakan imanmu) - (Al Baqarah : 143). Yang dimaksudkan dengan iman di sini ialah solatmu menghadap ke arah Baitul Maqdis. Dan solat dinamakan iman ialah karena solat terdiri daripada : Ucapan, Amalan dan I'tikad.[56]

(2) Al Baihaqy meriwayatkan daripada Al Rabi' Bin Sulaiman katanya : Aku mendengar Imam Syafi'I berkata : Iman adalah ucapan dan perbuatan, bertambah dan berkurang.[57]

(3) Al Baihaqy meriwayatkan daripada Abi Muhammad Al Zubairy, katanya : Seorang lelaki bertanya kepada Imam Syafi'I : Amalan apakah yang paling afdhal di sisi Allah? Imam Syafi'I menjawab : Ia adalah sesuatu yang amalan tidak diterima oleh Allah kecuali dengannya. Lelaki itu bertanya lagi : Apakah dia? Syafi'I menjawab : Iaitu Iman kepada Allah yang tidak ada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia, dialah amalan yang paling tinggi darjatnya dan dialah amalan yang paling mulia kedudukannya, dan dialah amalan yang paling besar ganjarannya. Lelaki itu bertanya lagi : Tidakkah engkau khabarkan kepadaku tentang iman? Adakah dia itu ucapan dan amalan ataukah dia itu ucapan tanpa amalan? Imam Syafi'I menjawab : Iman adalah beramal kerana Allah, sedangkan ucapan pula ialah sebahagiian daripada amalan itu. Lelaki itu bertanya lagi : Tolong jelaskan lagi kepadaku sehingga aku betul-betul memahaminya. Imam Syafi'I menjawab : Sesungguhnya iman itu mempunyai beberapa peringkat dan darjat, sebahagiannya ada yang sempurna sampai ke tahap sesempurna-sempurnanyanya dan ada pula iman yang kurang sampai ketahap sekurang-kurangnya . Lelaki itu bertanya lagi : Adakah iman yang tidak sempurna, bertambah dan berkurang? Jawap Imam Syafi'I : Memang benar. Lelaki itu bertanya : Apakah dalil terhadap apa yang tuan katakan? Syafi'I menjawab : Sesungguhnya Allah Yang Maha Agung telah mewajibkan iman ke atas semua anggota anak cucu Adam, lalu dibagi bagikan-Nya tugas untuk masing-masing anggota, tidak ada satu anggotapun melainkan di wakilkan kepadanya iman berbeda dengan iman yang diwakilkan kepada anggota yang lain.[58]

bahawa Imam Syafi'I berkata : Sesungguhnya kehendak hamba (masyi-atul 'ibaad) adalah (kembali) kepada Allah, dan mereka tidak berkehendak kecuali apa yang dikehendaki oleh Allah Tuhan sekalian alam, sungguhnya manusia tidak mencipta amalan amalan mereka, malahan amal perbuatan manusia adalah termasuk di antara makhluk Allah, dan sesungguhnya Qadar yang baiknya dan yang buruknya adalah daripada Allah Azza Wa Jalla, dan sesungguhnya siksaan kubur adalah benar (haq), pertanyaan di dalam alam kubur adalah benar, dan kebangkitan (ba'th) adalah benar, dan hisab adalah benar, dan syurga dan neraka adalah benar, dan lain-lain lagi segala yang datang daripada sunnah sunnah Nabu SAW.[53]

(2) Imam Al Baihaqy barkata tentang Imam Syafi'I bahawa beliau pernah berkata : Qadariyah ialah orang orang yang disebut oleh Rasulullah SAW : (Mereka adalah Majusi umat ini) - (HR Abu Daud dan Al Hakim) - mereka mengatakan : Sesungguhnya Allah tidak mengetahui maksiat melainkan setelah wujudnya maksiat itu.[54]

(3) Al Baihaqy meriwayatkan daripada Al Rabi' Bin Sulaiman daripada Imam Syafi'I bahawa beliau membenci solat di belakang Qadary.[55]

C. PANDANGAN SYAFI'I TENTANG IMAN :

(1) Al Rabi' berkata : (Aku mendengar Imam Syafi'I berkata : Iman adalah ucapan dan amal serta I'tikad dengan hati ; tidakkah kamu melihat firman Allah Azza Wa Jalla : (dan Allah tidak akan menyia-nyiakan imanmu) - (Al Baqarah : 143). Yang dimaksudkan dengan iman di sini ialah solatmu menghadap ke arah Baitul Maqdis. Dan solat dinamakan iman ialah karena solat terdiri daripada : Ucapan, Amalan dan I'tikad.[56]

(2) Al Baihaqy meriwayatkan daripada Al Rabi' Bin Sulaiman katanya : Aku mendengar Imam Syafi'I berkata : Iman adalah ucapan dan perbuatan, bertambah dan berkurang.[57]

(3) Al Baihaqy meriwayatkan daripada Abi Muhammad Al Zubairy, katanya : Seorang lelaki bertanya kepada Imam Syafi'I : Amalan apakah yang paling afdhal di sisi Allah? Imam Syafi'I menjawab : Ia adalah sesuatu yang amalan tidak diterima oleh Allah kecuali dengannya. Lelaki itu bertanya lagi : Apakah dia? Syafi'I menjawab : Iaitu Iman kepada Allah yang tidak ada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia, dialah amalan yang paling tinggi darjatnya dan dialah amalan yang paling mulia kedudukannya, dan dialah amalan yang paling besar ganjarannya. Lelaki itu bertanya lagi : Tidakkah engkau khabarkan kepadaku tentang iman? Adakah dia itu ucapan dan amalan ataukah dia itu ucapan tanpa amalan? Imam Syafi'I menjawab : Iman adalah beramal kerana Allah, sedangkan ucapan pula ialah sebahagiian daripada amalan itu. Lelaki itu bertanya lagi : Tolong jelaskan lagi kepadaku sehingga aku betul-betul memahaminya. Imam Syafi'I menjawab : Sesungguhnya iman itu mempunyai beberapa peringkat dan darjat, sebahagiannya ada yang sempurna sampai ke tahap sesempurna-sempurnanyanya dan ada pula iman yang kurang sampai ketahap sekurang-kurangnya . Lelaki itu bertanya lagi : Adakah iman yang tidak sempurna, bertambah dan berkurang? Jawap Imam Syafi'I : Memang benar. Lelaki itu bertanya : Apakah dalil terhadap apa yang tuan katakan? Syafi'I menjawab : Sesungguhnya Allah Yang Maha Agung telah mewajibkan iman ke atas semua anggota anak cucu Adam, lalu dibagi bagikan-Nya tugas untuk masing-masing anggota, tidak ada satu anggotapun melainkan di wakilkan kepadanya iman berbeda dengan iman yang diwakilkan kepada anggota yang lain.[58]

D. PANDANGAN SYAFI'I TENTANG SAHABAT :

(1) Al Baihaqy meriwayatkan daripada Imam Al Syafi'I bahawa beliau berkata : Allah Tabaaraka Wa Ta'aala telah memuji dan menyanjung sahabat sahabat Rasulillah SAW di dalam Al Quran, Taurat, Injil dan kelebihan mereka telahpun disebut oleh Rasulullah SAW. Yang tidak mungkin boleh dicapai oleh orang-orang sesudah mereka . Semoga Allah cucuri rahmat-Nya ke atas mereka. Baginda Rasul SAW juga pernah mengucapkan tahniah kepada mereka kerana mereka telah sampai pada kedudukan yang paling tinggi seperti shiddiqiin, syuhadaa dan shaalihin. Mereka telahpun menunaikan kewajipan mereka dengan menyampaikan sunnah-sunnah Rasulillah SAW kepada kita. Mereka telah menyaksikan wahyu yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi-Nya. Mereka sangat faham apa yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW sama ada umum, khusus, azam ataupun irsyad. Mereka mengetahui sunnah Rasul SAW apa yang tidak kita ketahui. Mereka berada di atas kita dalam semua cabang ilmu dan ijtihad, dalam hal kewara'an dan ketajaman minda dan istinbat hukum hakam. Pandangan mereka adalah lebih terpuji dan lebih utama untuk kita ambil dan guna pakai daripada pandangan kita untuk diri kita sendiri, Wallaahu A'lam.[59]

(2) Dikeluarkan oleh Imam Al Baihaqy daripada Muhammad Bin Abdullah Bin Abdul Hakam katanya : Aku mendengar Imam Syafi'I berkata : Manusia yang paling mulia setelah Rasulullah SAW. Adalah Abu Bakar, kemudian Umar, kemudian Uthman, kemudian Ali Radhiallaahu 'Anhum Ajma'iin.[60]

(3) Di keluarkan oleh Al Harawy daripada Yusuf Bin Yahya Al Buaithy , katanya : Aku bertanya kepada Syafi'I : Bolehkan aku solat di belakang Rafidhy (Syi'ah)? Jawapnya : Jangan kamu solat di belakang Rafidhy, dan Qadary, dan Murji-y. Kemudian aku bertanya lagi: Tolong tuan sebutkan sifat-sifat mereka itu kepada kami. Jawapnya : Barangsiapa yang berkata : Iman hanyalah ucapan maka dialah Murji-y, dan

barangsiapa yang berkata : Sesungguhnya Abu Bakar dan Umar, kedua-duanya bukan Imam (orang yang patut dicontohi-P) maka dialah Rafidhy, dan barangsiapa yang menjadikan kehendak (masyi-ah) tertakluk pada dirinya, maka dialah Qadiry.[61]

E. LARANGAN SYAFI'I TENTANG ILMU KALAM :

(1) Di keluarkan oleh Al Harawy daripada Al Rabi' Bin Sulaiman , katanya : Aku mendengar Imam Syafi'I berkata : Sekiranya seseorang meninggalkan wasiat kepada orang lain agar mengambil manafaat daripada kitab-kitab yang ditinggalkannya, lalu di antara kitab-kitab tersebut terdapat kitab tentang Kalam, maka kitab kalam itu tidaklah termasuk di dalam wasiatnya kerana Kalam bukanlah ilmu.[62]

(2) Di keluarkan oleh Al Harawy daripada Al Hasan Al Za'faraany, katanya : Aku mendengar Syafi'I berkata : Aku tidak pernah bertukar tukar fikiran (munaazarah) dengan seorangpun tentang ilmu kalam kecuali satu kali saja, dan kemudiannya aku mohon ampunan (istighfar) kepada Allah.[63]

(3) Di keluarkan oleh Al Harawy daripada Al Rabi' Bin Sulaiman, katanya : Imam Syafi'I berkata : Sekiranya aku ingin menjawab ke atas setiap mukhaalif (orang yang bercanggah pendapat denganku) masing masing satu kitab yang besar niscaya akan aku lakukan, akan tetapi Ilmu Kalam bukanlah termasuk urusanku, dan aku tidak suka Ilmu Kalam itu dinisbahkan (dibangsakan) kepadaku walaupun sedikit.[64]

(4) Di keluarkan oleh Ibnu Baththah daripada Abi Tsur, katanya: Imam Syafi'I berkata kepadaku : Aku tidak melihat seorangpun yang menggunakan Ilmu Kalam walaupun sedikit, lalu ia berjaya.[65]

(5) Di keluarkan oleh Al Harawy daripada Yunus Al Mishry,

katanya : Imam Syafi'I berkata : Seseorang yang di cuba oleh Allah dengan segala larangan-Nya selain syirik adalah lebih baik daripada seseorang yang di cuba oleh Allah dengan Ilmu Kalam.[66]

Demikianlah kata-kata atau pandangan Imam Syafi'I - Rahimahullah - dalam masalah Ushuuluddin dan sikap beliau tentang Ilmu Kalam.

PEMBAHASAN KELIMA :

AKIDAH IMAM AHMAD BIN HANBAL.

A. PANDANGAN IMAM AHMAD TENTANG TAUHID.

(1) Tercantum dalam kitab Al Mihnah bahwa Imam Ahmad berkata : Allah Azza Wa Jalla senantiasa (masih) berkata kata, dan al-Quran itu adalah Kalam Allah Azza Wa Jalla , bukan makhluk dan Dia tidak boleh disifati dengan sesuatu melebihi daripada apa yang Dia telah sifati diri-Nya sendiri.[67]

(2) Berkata Abdullah Bin Ahmad di dalam kitab Al Sunnah : Sesungguhnya Imam Ahmad berkata : . Barangsiapa yang mendakwa bahawa Allah tidak berkata-kata maka dia kafir.[68]

(3) Di keluarkan oleh Al Lalkaai daripada Hanbal Bin Ishak bahawa dia bertanya kepada Imam Ahmad tentang Rukyah (melihat Allah), Imam Ahmad menjawab : Semua hadis yang sahih daripada Nabi SAW dengan sanad sanad yang baik (jayyidah) kami beriman dan berikrar dengannya.[68]

(4) Ibnu Al Jauzy membawa kata-kata Imam Ahmad dalam Al Manaaqib , katanya : Sifatilah Allah dengan apa yang Allah sifati diri-Nya, dan nafikanlah daripada Allah apa yang dinafikan-Nya daripada diri-Nya.[69]

(5) Imam Ahmad berkata di dalam kitabnya : Bantahan terhadap Jahmiyah : Sesungguhnya Jahm Bin Shafwan mendakwa kononnya sesiapa yang mensifati Allah dengan sesuatu yang Dia sifati diri-Nya di dalam Kitab-Nya atau sebagaimana yang dikhabarkan oleh Rasul-Nya maka dia kafir dan dia termasuk ke dalam Musyabbihah (menyerupakan Allah dengan makhluk).[70]

(6) Ibnu Abi Ya'laa menukilkan daripada Imam Ahmad bahawa ia berkata : Barangsiapa yang mendakwa bahawa Allah tidak dapat di lihat di akhirat nanti maka dia kafir dan pendusta terhadap al-Quran.[71]

(7) Ibnu Abi Ya'laa menukilkan daripada Abdullah Bin Ahmad, katanya : Aku bertanya kepada ayahku tentang kaum yang berkata : Ketika Allah berkata kepada Nabi Musa, Dia tidak berkata dengan suara. Lalu ayahku menjawap : Allah berkata kata dengan suara, dan hadis-hadis ini kami riwayatkan sebagaimana ia datang daripada Rasulullah SAW.[72]

(8) Di keluarkan oleh Al Lalkaai daripada Idrus Bin Malik Al 'Aththar, katanya : Al Quran itu Kalam Allah, dan dia bukan makhluk. Dan kamu jangan merasa lemah untuk mengatakan bahawa dia bukan makhluk, kerana Kalam Allah adalah daripada-Nya, dan tidak ada suatu pun daripada-Nya itu makhluk.[73]

B. PANDANGAN IMAM AHMAD TENTANG QADAR :

(1) Ibnu Al Jauzy menukilkan di dalam Al Manaaqib kitab Imam Ahmad Bin Hanbal kepada Musaddad, dan tertera di dalamnya: Dan beriman dengan qadar, baiknya dan buruknya, manisnya dan pahitnya adalah daripada Allah.[74]

(2) Dikeluarkan oleh Al Khallaal daripada Muhammad Bin Abu Harun daripada Abi Al Haris, katanya : Aku mendengar Aba

Abdillah (Imam Ahmad) berkata : Allah Azza Wa Jalla yang takdirkan ketaatan dan maksiat, dan Dialah yang takdirkan baik dan buruk, dan barangsiapa yang ditulis sebagai orang yang bahagia maka dia akan bahagia, dan barangsiapa yang ditulis celaka maka dia akan celaka.[75]

(3) Abdullah Bin Ahmad berkata : Aku pernah sekali bertanya kepada ayahku tentang solat di belakang Qadary. Jawapnya : Sekiranya dia mempertahankan pandangannya dan mengajak kepada fahamannya maka janganlah kamu solat di belakangnya.[76]

C. PANDANGAN IMAM AHMAD TENTANG IMAN :

(1) Ibnu Al Jauzy menukilkan daripada Imam Ahmad katanya : Iman itu bertambah dan berkurang sebagaimana tercantum di dalam khabar (hadis) : Mukmin yang paling sempurna ialah mukmin yang paling baik akhlaknya. ((HR Ahmad).[77]

(2) Dikeluarkan oleh Al Khallaal daripada Sulaiman Bin Asy'ats , katanya : Sesungguhnya Abu Abdillah (Imam Ahmad) berkata: Solat, zakat, haji dan amal kebajikan adalah sebahagian daripada iman, sedangkan maksiat pula dapat mengurangi iman.[78]

(3) Abdullah Bin Ahmad berkata : Aku mendengar ayahku - Rahimahullaah - ditanya tentang Murji-ah , lalu jawapnya: Kami berpendapat : Iman adalah ucapan dan amalan, bertambah dan berkurang, jika ia berzina dan minum arak maka berkuranglah imannya.[79]

D. PANDANGAN IMAM AHMAD TENTANG SAHABAT :

(1) Termaktub dalam kitab Al Sunnah oleh Imam Ahmad sebagaimana berikut : Adalah sunnah menyebut kebaikan

kebaikan semua sahabat Rasul SAW. Dan berhenti daripada menyebut keburukan keburukan mereka dan pertelingkahan yang terjadi di antara mereka. Barangsiapa yang mencaci salah seorang daripada mereka maka dia adalah mubtadi' (pembuat bid'ah) dan rafidhy yang sangat buruk. Malahan mencintai mereka adalah sunnah. Mendoakan mereka adalah qurbah (ibadah). Mencontohi mereka adalah wasilah (jalan untuk mencapai keredhaan Allah). Dan mengambil atsar atsar (peninggalan) mereka adalah fadhilah (kelebihan).[80]

(2) Ibnu Al Jauzy menukilkan risalah Imam Ahmad kepada Musaddad , di antara kandungannya : Dan hendaklah engkau mempersaksikan ke atas sepuluh sahabat bahwa mereka masuk syurga iaitu Abu Bakar, Umar, Uthman, Ali, Thalhah, Al Zubeir, Sa'd, Sa'id ' Abdul Rahman Bin 'Auf, Abu Ubaidah Bin Jarrah. Dan barangsiapa yang dipersaksikan oleh Nabi SAW akan masuk syurga, maka kami juga mempersaksikannya.[81]

(3) Dinukilkan oleh Ibnu Abi Ya'laa daripada Imam Ahmad, katanya : Barangsiapa yang tidak mensabitkan (menetapkan) kekhalifahan bagi Ali Bin Abi Thalib maka dia adalah lebih sesat daripada keledai ahlinya.[82]

(4) Dan dinukilkan daripada Ibnu Abi Ya'laa daripada Imam Ahmad, katanya : Barangsiapa yang tidak menyakini bahawa Ali Bin Abi Thalib khalifah keempat, maka janganlah kamu bercakap dengannya dan jangan kamu nikahi dia.[83]

E. LARANGAN IMAM AHMAD TENTANG ILMU KALAM :

(1) Dikeluarkan oleh Ibnu Al Jauzy daripada Musa Bin Abdullah Al Tharsuusy, katanya : Aku mendengar Imam Ahmad Bin Hanbal berkata : Janganlah kamu duduk pada majlis ahli kalam walaupun mereka itu mahir tentang sunnah.[84]

(2) Dikeluarkan oleh Ibnu Baththah daripada Abdullah Bin Ahmad, katanya : Aku mendengar Abu Abdillah (Imam Ahmad) berkata : Berpegang teguhlah dengan sunnah dan hadis, dan semoga Allah memberi kamu manfaatnya, dan jauhiah olehmu daripada berbantah bantahan dan perdebatan dan bermegah-megah kerana orang yang suka berbantah-bantahan tidak akan menang. Dan setiap orang yang mencipta baru masalah kalam niscaya tidak akan berakhir urusannya melainkan kepada bid'ah. Kerana kalam tidak ada yang mengajak kepada kebaikan. Dan aku tidak menyukai Kalam, Khaudh dan Jidaal. Berpegang teguhlah dengan Sunnah dan Atsar dan Fiqh yang boleh mendatangkan manfaat kepadamu. Hindarilah Jidaal (berbantah bantahan) dan Kalam Ahli Al Zigh Wal Muraa' (perkataan orang yang kehilangan pedoman dan bermegah-megah). Semoga Allah melindungi kita semua daripada fitnah dan menyelamatkan kita daripada segala kebinasaan.[85]

(3) Ibnu Baththah menukilkan di dalam kitab Al Ibaanah daripada Imam Ahmad, katanya : Jika kamu melihat lelaki yang suka kepada Kalam maka berwaspadalah daripadanya.[86]

Demikianlah beberapa pandangan Imam Ahmad Bin Hanbal tentang masaalah Ushuluddin dan sikap beliau terhadap Ilmu Kalam.

PENUTUP

Berdasarkan penjelasan di atas jelaslah bahawa Akidah Imam Imam Yang Empat adalah satu, selain Imam Abu Hanifah dalam masalah Iman. Namun demikian kita difahamkan bahawa Imam Abu Hanifah telah rujuk daripada pandangannya dan mengikti pandangan jumhur.

Akidah seperti inilah yang sewajarnya diikuti oleh semua umat Islam sehingga mereka terhindar daripada perpecahan kerana akidah

ini disandarkan pengambilannya daripada al-Quran dan Sunnah Rasul-Nya SAW.

Sungguh sedikit manusia yang memahami akidah para Imam Yang Empat ini dengan pemahaman yang sebenarnya. Malahan berita yang sungguh meluas tersebar di kalangan mereka ialah kononnya Imam Imam Yang Empat itu termasuk golongan Mufawwidhuun (golongan yang menyerahkan segala makna sifat-sifat Allah kepada Allah semata mata-P), dan kononnya mereka tidak mengetahui nash-nash al-Quran kecuali sekadar membacanya saja, seolah-olah Allah tidak menurunkan wahyu kecuali sia-sia saja.

Padahal Allah SWT telah berfirman :

كِتَٰبٌ أَنزَلْنَٰهُ إِلَيْكَ مُبَٰرَكٌ لِّيَدَّبَّرُوٓا۟ ءَايَٰتِهِۦ وَلِيَتَذَكَّرَ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿٢٩﴾

Ertinya : Ini adalah sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu penuh dengan berkah supaya mereka memperhatikan ayat-ayatnya dan supaya mendapat pelajaran orang-orang yang mempunyai fikiran. (Shaad : 29)

Dan Allah berfirman lagi :

Ertinya : Dan sesungguhnya Al Quran ini benar benar diturunkan oleh Tuhan semesta alam, dia dibawa turun oleh Al Roh Al Amin (Jibril), ke dalam hatimu (Muhammad) agar kamu menjadi salah seorang di antara orang-orang yang memberi peringatan, dengan

bahasa Arab yang jelas. (Al Syu'araa : 192 - 195)

Dan Allah berfirman lagi :

إِنَّآ أَنزَلْنَٰهُ قُرْءَٰنًا عَرَبِيًّا لَّعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢﴾

Ertinya : Sesungguhnya Kami menurunkannya berupa al-Quran dengan berbahasa Arab agar kamu memahaminya. (Yusuf : 2)

Jadi Allah SWT. Telah menurunkan kitab al-Quran supaya kita memperhatikan ayat-ayatnya dan mengambil pengajaran yang ada di dalamnya. Dan Allah SWT. Mengkhabarkan kepada kita bahawa Dia menurunkannya dalam Bahasa Arab yang jelas dan terang supaya manusia dapat memahami dan memikirkan maknanya.

Dan kalaulah tujuan Allah menurunkan al-Quran supaya umat manusia memperhatikan ayat-ayatnya dengan Bahasa Arab yang nyata dan jelas maka sudah semestinya al-Quran itu mengandungi ilmu yang mudah difahami oleh semua umat manusia, dan lebih lebih lagi tentunya bagi Bangsa Arab yang dengan bahasa mereka al- Quran itu diturunkan. Sebab jika tidak demikian maka matlamat penurunannya hanyalah akan sia-sia belaka.

Dan pandangan seperti itu adalah jenayah yang paling besar ke atas Akidah para Sahabat dan Tabi'iin serta Imam-Imam yang mengikuti jejak langkah mereka sesudah itu. Ini adalah tuduhan yang tidak mempunyai asas sama sekali. Sebab merekalah orang yang paling faham terhadap nushush wahyu kerana hampirnya mereka dengan zaman kenabian. Bahkan merekalah manusia yang paling berhak mendapat kemuliaan tersebut. Mereka beribadat kepada Allah SWT dengan ibadat ibadat yang mereka fahami langsung daripada petunjuk al-Quran dan Sunnah. Dan jika mereka memahami jalan

yang boleh menyampaikan mereka kepada Tuhan yang mereka sembah, maka bagaimana mungkin mereka tidak mengenali Sifat Sifat Kesempurnaan Tuhan Yang Mereka Sembah? Dan bagaimana mungkin mereka tidak memahami nushush yang diajar sendiri oleh Allah melalui Rasul-Nya?

Jadi ringkasnya, sesungguhnya Akidah Imam Imam Yang Empat, inilah Akidah Yang Sahih lagi Benar yang bersumberkan dari sumber yang murni iaitu al-Quran dan Sunnah. Tidak terdapat di dalamnya pencemaran dan noda walaupun sedikit, samada takwil, ta'thil, tasybih ataupun tamtsil. Adapun muaththiul dan musyabbih, mereka tidak memahami sifat-sifat Allah kecuali apa yang layak untuk makhluk. Dan dalam hal ini sangat bercanggah kerana Allah tidak serupa dengan suatu apapun, samada Zat-Nya, Sifat-Nya maupun Af'aal-Nya.

Saya berdoa kepada Allah risalah kecil ini berguna untuk kaum muslimin dan semoga Dia menghinpunkan mereka di atas Akidah Yang Satu dan Jalan Yang Satu iaitu Akidah al-Quran dan Sunnah. Hanya kepada Allah tempat kita semua berserah diri.

JUDUL ASAL : 'ITIQAAD AL AIMMAT AL ARBA'AH.
PENGARANG : DR. MUHAMMAD ABDUL RAHMAN AL KHUMAIS.
ALIH BAHASA : ABDULLAH YASIN.

CATATAN KAKI :

1 Kitab Al Iman hal. 350-351, Darul Thibaa'ah Al Muhammadiyah, Ta'liq Al Harras.
2 Majmu' Fataawa, Jld. V, hal. 256.
3 Qathful Tsamar, hal. 47-48 .
4 Al Durrul Mukhtaar Ma'a Hasyiayh Raddul Mukhtar, Jld. VI, hal. 396-397.
5 Syarh Al 'Akidah Al Thahaawiyah, hal. 234, Ittihaaf Al Sa'aadat Al Muttaqiin, Jld. II, hal. 285, Syarh Al Fiqh Al Akbar, hal. 198.
6 Al Fiqh Al Abshath, hal. 56
7 Al Fiqh Al Akbar, hal. 302.
8 Syarh Al 'Aqidat Al Thahawiyah, Jld. II, hal. 427, Tahqiq Dr. Al Turky ; Jlaa-ul 'Ainain, hal. 368.
9 Al Fiqh Al Abshath, hal. 46, Al Zahaby dalam kitab Al 'Uluw, hal. 1010 - 102.
10 Al Fiqh Al Akbar, hal. 301.
11 Al Fiqh Al Akbar, hal. 302 - 303.
12 Al Fiqh Al Akbar, hal. 302 -303.
13 Al Washiyyah Ma'a Syarhihaa, hal. 21.
14 Al Washiyyah Ma'a Syarhihaa, hal. 14.
15 Al Fiqh Al Akbar, hal. 303.
16 Al Fiqh Al Akbar, hal. 303.
17 Al Fiqh Al Akbar, hal. 304.
18 Al Washiyyah Ma'a Syarhihaa, hal. 2.
19 Al Washiyyah Ma'a Syarhihaa, hal. 3.
20 Al Tamhiid oleh Ibnu Abdil Barr, Jld. IX, hal. 247, Al Thahawiyyah, hal. 395.
21 Al Fiqh Al Akbar, hal. 304.
22 Al Fiqh Al Abshath, hal. 40.
23 Manaaqib Abi Hanifah oleh Al Makky, hal. 76.
24 Al Washiyyah Ma'a Syarhihaa, hal. 14.
25 Zamm Al Kalam, oleh Al Harawy, hal. 28 - 31.
26 Manaaqib Abi Hanifah, oleh Al Makky, hal. 373.
27 Zamm Al Kalam (Q - 210).
28 Al Huliyah, Jld. VI, hal. 325-326.
29 Al Huliyah, Jld. VI, hal. 325.

30 HR. Abu Daud , Al Tamhiid, Jld. VII, hal. 138.
31 Al Intiqaa, hal. 34.
32 Al Huliyah, Jld. VI, hal. 327.
33 Al Intiqaa, hal. 34.
34 Al Huliyah, Jld. VI, hal. 327
35 Al Huliyah, Jld. VI, hal. 327.
36 Tartiib Al Madaarik, Jld. II, hal. 44-45.
37 Jaami' Bayaan Al 'Ilm Wa Fadhlih, hal. 415.
38 Taqriib Al Tahziib, Jld. I, hal. 60.
39 Syaraf Ahli Al Hadits, hal. 5.
40 Zamm Al Kalam (Q - 173 - B)
41 Zamm Al Kalam (Q - 173 - A)
42 Al Huliyah , Jld. VI , hal 324.
43 Manaaqib Al Syaafi'I, Jld. I, hal. 405.
44 Sunan Al Kubraa oleh Al Baihaqy, Jld. X, hal. 28.
45 Ijtimaa' Al Juyusy Al Islamiyah, hal. 165.
46 Al Risaalah, hal. 7 - 8.
47 Al Sair, Jld. II , hal. 341.
48 Al Intiqaa, hal. 79.
49 Syarh Ushul I'tiqaad Ahli Al Sunnah Wal Jamaa'ah, Jld. II, hal. 506.
50 Al Intiqaa, hal 79, Al Lisaan, Jld. I, hal. 35.
51 Syarh Ushul I'tiqaad Ahli AL Sunnah Wal Jamaa'ah, JLd.I, hal 252.
52 HR Al Hakim, Al Mustadrak, Jld. I, hal. 525.
53 Manaaqib Al Syaafi'I, Jld. I, hal. 415.
54 Manaaqib Al Syaafi'I, Jld. I, hal. 413.
55 Manaaqib Al Syaafi'I, Jld. I, hal. 413.
56 Al Intiqaa, hal, 81.
57 Manaaqib Al Syaafi'I, Jld. I, hal. 387.
58 Manaaqib Al Syaafi'I, Jl d. I, hal 387 - 393.
59 Manaaqib Al Syaafi'I, Jld. I, hal. 442.
60 Manaaqib Al Syaafi'I, Jld. I, hal. 433.
61 Zamm Al Kalam , (Q - 215), dan Al Zahaby dalam Al Sair, Jld. X, hal. 31.
62 Zamm Al Kalam , (Q - 213), dan Al Zahaby dalam Al Sair, Ljd. X, hal. 30.
63 Zamm Al Kalam, (Q - 213), dan Al Zahaby dalam Al Sair, Jld. X, hal. 30.

64 Zamm Al Kalam, (Q - 215).
65 Al Ibaanat Al Kubraa, hal. 535 - 536.
66 Manaaqib Al Syaafi'I, oleh Ibnu Abi Haatim, hal. 182.
67 Thabaqaat Al Hanaabilah, Jld. I , hal. 56.
68 Syarh I'tiqaad Ahli Al Sunnah Wal Jamaa'ah, Jld. II, hal. 507.
69 Manaaqib Al Imaam Ahmad, hal. 221.
70 Al Radd 'Ala Al Jahmiyah, hal. 104.
71 Thabaqaat Al Hanaabilah, Jld. I , hal. 59.
72 Thabaqaat Al Hanaabilah, Jld. I , hal. 185.
73 Syarh Ushul I'tiqad Ahli Al Sunnah Wal Jamaa'ah, Jld. I, hal. 157.
74 Manaaqib Al Imam Ahmad, hal. 169 - 172.
75 Al Sunnah oleh Al Khallaal, (Q - 85)
76 Al Sunnah, Jld. I, hal. 384.
77 Manaaqib Al Imam Ahmad, hal. 174, lihat juga hal. 153 - 168.
78 Al Sunnah oleh Al Khallaal (Q - 96)
79 Al Sunnah oleh Abdullah Bin Ahmad, Jld. I, hal. 307.
80 Kitab Al Sunnah oleh Imam Ahmad, hal. 77 - 78.
81 Manaaqib Al Imam Ahmad oleh Ibnu Al Jauzy, hal. 170.
82 Manaaqib Al Imam Ahmad, hal. 163.
83 Thabaqaat Al Hanaabilah, Jld. I, hal. 45.
84 Manaaqib Al Imam Ahmad, hal 205.
85 Al Ibaanah oleh ibnu Al Baththah, Jld. II, hal. 539.
86 Al Ibaanah oleh Ibnu Al Baththah, Jld. II, hal. 540.

SOALAN PESERTA DAN JAWAPAN

SESI KEDUA

SOALAN 1:

Assalamualaikum, saya kurang jelas mengenai 'Ilmu Kalam'. Bolehkah Ustaz jelaskan tentang Ilmu Kalam?

JAWAPAN OLEH USTAZ ABDULLAH YASIN:

Ilmu Tauhid dinamakan juga dengan istilah Ilmu Kalam. Dan dinamakan juga Ilmu tersebut dengan Ilmu Akidah. Akidah atau I'tiqad berasal dari kata: عقد artinya simpulan. Orang Arab berkata: عقد الحبل artinya: dia menyimpul tali. Tabiat tali, jika disimpul dia akan menjadi kuat dan kukuh. Jadi demikianlah gambaran akidah atau I'tiqad seseorang. Kalau ia benar-benar beriman kepada Allah, kepada Rasul, kepada Al-Quran, kepada Hari Kebangkitan, walau bagaimanapun usaha orang untuk meragukan keyakinannya namun imannya tetap tidak akan goyang. Kalau kita beriman kepada al-Quran, maka semua yang dikatakan oleh al-Quran adalah benar belaka.

Akidah dinamakan juga dengan Ilmu Tauhid kerana perkara yang paling utama yang dibahas dalam Ilmu Akidah adalah tentang ke-Esaan (Ketauhidan) Allah. Ini tidak bermakna pembahasan akidah hanya sekitar Tauhid. Ilmu Akidah juga membahas tentang para Malaikat, para Rasul, Hari Kiamat dan perkara-perkara yang ghaib seperti syurga, neraka, shirat, mizan dan lain-lain lagi. Cuma Akidah selalu dihubungkan dengan Tauhid kerana pembahasan utamanya adalah tentang kalimah: لا اله إلا الله (tidak ada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah). Saya cukup tertarik dengan kenyataan rakan saya dari Fatani iaitu Dr. Ismail Luthfy: "Semua manusia berTuhankan Allah tetapi tidak semua manusia menTauhidkan Allah".

Dan adapun Ilmu Akidah atau Ilmu Tauhid dinamakan juga dengan Ilmu Kalam kerana dalam Ilmu Akidah banyak memperkatakan tentang sifat-sifat Allah. Orang-orang Islam zaman silam bermula daripada abad ketiga Hijrah dan seterusnya banyak terpengaruh denan falsafah atau cara berfikirnya orang-orang Yunani dalam perbahasan mereka tentang ketuhanan.

Imam Abu Hasan Al Asy'ary (Imam yang menjadi ikutan kebanyakan umat Islam di Asia Tenggara dalam masalah Tauhid) telah mengikuti rentak falsafah Yunani dalam pembahasannya tentang sifat-sifat Allah. Walaupun pada asalnya tujuan beliau baik iaitu untuk menjawap setiap keraguan yang wujud pada zaman itu, tetapi jika ditinjau dari sudut lain pula bererti beliau telah meninggalkan prinsip pembahasan sifat-sifat Allah yang telah diwarisi oleh Salafus Salih iaitu para cendekiawan agama yang hidup pada tiga kurun pertama yang terdiri daripada para sahabat, tabiin dan tabii tabiin. Tiga kurun pertama inilah kurun-kurun yang terbaik menurut Rasulullah SAW. Mereka tidak mentakwilkan sifat-sifat Allah.

Sebenarnya Imam Abu Hasan Al Asy'ary dalam hidupnya telah mengalami tiga peringkat akidah:

Peringkat I: Berpegang pada mazhab Mu'tazilah (selama 40 tahun). Mazhab ini mengingkari semua sifat Allah kerana menurut pandangan mereka Dzat dan Sifat Allah adalah satu.

Peringkat II: Beliau bertaubat dari mazhab Mu'tazilah dan berpegang pada mazhab Ahlus Sunnah Wal Jama'ah yang menyakini sifat-sifat Allah tetapi sebahagian sifat-sifatNya ditakwilkan kepada makna yang lain.

Peringkat III: Beliau bertaubat dari pandangannya itu lalu beliau menganut fahaman Ahlus Sunnah Wal Jamaa'ah sebagaimana fahaman dan jejak langkah Salafus Saleh iaitu meyakini semua sifat Allah sebagaimana yang tertera dalam Al-Quran dan Sunnah yang sahih tanpa mentakwilkannya kepada makna yang lain. Beliau wafat dalam keyakinannya yang terakhir ini.

Kisah peringkat-peringkat akidah Abu Hasan Al Asy'ary ini kurang mendapat pendedahan di kalangan umat Islam, khasnya umat Islam Asia Tenggara atau Nusantara ini. Oleh itu kita masih saja dapati umat Islam rantau ini membahas sifat-sifat Allah secara takwil. Dan mereka masih saja mendakwa kononnya itulah pegangan Abu Hasan Al Asy'ary padahal beliau pada akhir hayatnya telah bertaubat daripada fahaman tersebut.

Pembahasan sebahagian sifat Allah secara takwil dan menguraikannya secara berbelit-belit inilah yang dinamakan dengan Ilmu Kalam. Dan jika kita ikuti kertas kerja tentang: Akidah Imam-Imam Mazhab Yang Empat, niscaya kita akan dapati bahawa kesemua Imam Mazhab yang muktabar tersebut sangat anti dengan Ilmu Kalam. Mereka menentang Ilmu Kalam. Akidah mereka ialah Akidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah mengikuti Salafus Soleh. Cuma sayangnya hakikat ini tidak disedari oleh kebanyakan umat Islam di rantau ini.

SOALAN KEDUA:
Siapakah tokoh-tokoh Yunani itu?

JAWAPAN USTAZ ABDULLAH YASIN:
Antara tokoh-tokoh Yunani yang terkenal itu ialah Plato, Plotinus, Aristotle dan lain--lain. Ada ulama kita yang terpengaruh dengan falsafah seperti itu lalu untuk memahami sifat-sifat Allah, mereka melatah dan ikut cara Yunani. Padahal kita tidak perlu ikut cara mereka kerana kita telah mempunyai cara yang tersendiri dalam memahami Tauhid dan sifat-sifatNya iaitu cara sahabat Rasulullah SAW. Dan cara atau minhaj mereka inilah yang hendak kita pertahankan. Kita yakin tidak ada cara yang lebih baik dan lebih tepat daripada cara mereka. Mereka telah mendapat pujian Rasulullah SAW sebagai manusia yang hidup pada kurun-kurun yang paling baik iaitu tiga kurun pertama kerasulan.

5 PROF. MADYA DR. MOHD RADZI HJ. OTHMAN

'AQIDAH AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH MENURUT DISIPLIN AHL AL-HADITH

Pendahuluan

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang

Dalam keghairahan rakyat Negara Malaysia untuk menghadapi sa'at tibanya negara mereka sebagai sebuah negara maju dan berdaulat, saya fikir kepada setiap rakyat jelata yang beragama Islam khususnya, perlu melakukan sesuatu ke arah membuat beberapa persediaan awal untuk menyahut cabaran abad ke 21 yang akan tiba tidak lama lagi, supaya perhitungan selanjutnya dapat diisi dan di awasi dengan lebih berkesan .

Dengan itu keseimbangan dalam mencapai sesuatu kemajuan itu samada kemajuan yang berbentuk kebendaan mahupun yang berbentuk kepercayaan atau keyakinan diri dapat ditangani dengan lebih cermat tanpa melakukan banyak kesilapan, kerana sebarang kepincangan atau kesilapan jika berlaku akan mengakibatkan berlakunya kemusnahan terhadap masa hadapan umat Islam itu sendiri.

Oleh yang demikian saya berpendapat bahawa inisiatif yang telah diambil oleh pihak penganjur untuk mengadakan seminar seperti ini sangatlah baik dan tepat pada waktunya lebih-lebih lagi apabila melihat kepada kemunculan beberapa fenomena semasa yang semakin lantang dan agak mengejutkan semua pihak.

Sebagai contohnya ialah diakhir-akhir ini kedapatan umat Islam di Malaysia telah digemparkan dengan munculnya beberapa ajaran sesat yang bertopengkan dengan beraneka macam tema Islam sebagai selogan-selogan yang hanya dilaung-laungkan dan bertujuan untuk mengumpan, mencuit serta memukau hati orang ramai, sedangkan disebaliknya mempunyai tujuan yang lain jauh terpendam

dihati mereka sementara menunggu masa yang sesuai sahaja untuk diluahkan dan diketengahkan kepada masyarakat umum.

Ada di antaranya agak jelas bertentangan serta melibatkan percanggahan fakta dengan perkara-perkara dasar dalam ajaran agama Islam, secara yang lebih tepat lagi disebut sebagai bertentangan dengan 'aqidah Islamiyah yang sudah tentu ia pasti akan ditolak dari awal-awal lagi, sekalipun secara lahiriahnya seolah-olah 'amalan mereka itu masih seakan-akan sama seperti 'amalan umat Islam yang lain .

Akan tetapi sebenarnya daripada kepercayaan dan keyakinan serta pergantungan harap mereka sudah mula membuktikan bahawa mula berlakunya bibit-bibit penyimpangan daripada halatuju yang asal yang dikehendaki oleh ajaran Islam, secara sedikit demi sedikit penyimpangan itu berlaku mungkin tanpa disedari kepada sesuatu yang mendatang serta agak asing daripada ajaran Islam sebenarnya .

Kejadian seumpama itu jika dibiarkan terus melanda umat Islam ia akan menyebabkan terjadinya hakisan 'aqidah yang benar kepada 'aqidah yang batil secara yang disedari mahupun tidak disedari.

Umpamanya dalam bentuk pemujaan tokoh secara berlebih-lebihan sehingga merintasi batasan sempadan yang dibenarkan dalam ajaran agama Islam, penolakan hadith sebagai sumber agama Islam, pemakaian hadith-hadith palsu secara berleluasa dalam menghayati kehidupan beragama dan lain-lain lagi .

Dengan itu saya berharap supaya melalui seminar seperti inilah disiplin pengajian **Usuluddin** di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan dapat dikaji semula secara yang lebih teliti dan disemak pula secara yang lebih terperinci lagi, agar benar-benar murni berteraskan al-Quran dan al-Sunnah yang sahih, berlandaskan pendekatan serta pegangan ahli sunnah wa al-Jama'ah sebagaimana yang selayaknya, agar hasil daripada ketelitian tersebut dapat dijadikannya sebagai dasar atau teras yang boleh dirujuk ketika perlu oleh mana-mana pihak termasuk pusat-pusat pengajian tinggi tempatan secara khusus dalam bidang pengajian **Usuluddin**, InsyaAllah .

Oleh itu saya fikir bahawa salah satu tajuk yang boleh saya sumbangkan dan sesuai untuk dijadikan bahan perbincangan dalam seminar dihari ini ialah [***'Aqidah Ahl al-Sunnah Wa al-Jama 'ah Menurut Disiplin Ahl al-Hadith***

saya berharap melalui tajuk pilihan inilah yang saya kira akan saya cuba sedaya upaya untuk menjelaskan segala-gala yang berkaitan dengannya dalam kertas ringkas ini InsyaAllah.

Beberapa pengertian Istilah

Terdapat beberapa perkataan dalam tajuk di atas yang digunakan dengan maksud tertentu sebagai istilah-istilah yang seringkali dijumpai dalam bidang ilmu **Usuluddin** أصول الدين seperti perkataan **'Aqidah** عقيدة **Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah** dan perkataan **Ahl al-Hadith** أهل الحديث

Perkataan **'Aqidah** عقيدة dari sudut bahasa berasal daripada bahasa 'arab yang merupakan kata dasarnya **'aqdan** عقدا dan **'aqidatan** عقيدة yang membawa maksud dalam bahasa melayu; Satu simpulan atau satu ikatan, boleh dikatakan samada kepada sesuatu yang حسي ialah sesuatu yang dapat dirasai oleh pancaindera yang lima ataupun kepada sesuatu yang معنوي iaitulah lawan kepada maksud حسي tadi.

Manakala dari sudut istilahnya pula ***ialah suatu ikatan atau pegangan keimanan seseorang terhadap asas-asas agama Islam yang telah disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w kepada umat manusia .***

Akan tetapi setelah perkataan **'Aqidah** عقيدة itudigandingkan dengan perkataan ilmu menjadikannya **Ilmu 'Aqidah** علم العقيدة , pada ketika itu ia dianggap sinonim dengan istilah **Ilmu Usuluddin** علم أصول الدين ; ***iaitu satu bidang ilmu yang membahaskan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan ketuhanan Allah s.w.t, keimanan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, kerasulan Nabu Muhammad s.a.w dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya .***

Perkataan Ahl al-Sunnah أهل السُّنة pula boleh dianggap sinonim dengan perkataan sunni yang bermaksud: ***Sekumpulan atau seseorang pendokong fahaman al-Sunnah yang senantiasa memeberikan keutamaan terhadap sunnah Nabi Muhammad s.a.w selepas al-Quran sebagai dasar pegangan mereka dalam menentukan sesuatu perkara yang berkaitan dengan ajaran agama Islam.***

Pemakaian istilah Ahl al-Sunnah أهل السنة dengan maksud dan pengertian di atas sebenarnya adalah berasaskan kepada

hadith 'Abdullah ibn 'Amr ibn al-'As yang telah diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidzi dengan sanadnya hinggalah kepada 'Abdullah ibn 'Amr ibn 'As r.a yang telah dikatakannya sebagai **Hasan Gharib** (حسن غريب)

عن عبد الله بن عمرو بن العاص قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ليأتين على أمتي ما أتى على بني إسرائيل حذو النعل حتى لو كان فيهم من يأتي أمه علانية لكان في أمتي من يفعل ذلك إن بني إسرائيل افترقوا على اثنتين وسبعين فرقة وأمتي على ثلاث وسبعين ملة كلها في النار إلا واحدة فقالوا يا رسول الله وما هي؟ قال الذي أنا عليه وأصحابي وفي رواية ما أنا عليه وأصحابي.

Yang bermaksud : ***'Abdullah ibn 'Amr ibn al-'As r.a berkata sabda Rasulullah s.a.w: Lagi akan berlaku terhadap umat ku sebagaimana apa yang telah berlaku terhadap kaum Bani Israel setapak demi setapak. Sehingga jika ada di antara mereka yang berzina dengan ibunya sendiri secara terang-terangan nescaya akan ada dikalangan umat ku mereka yang akan melakukan sedemikian rupa, sesungguhnya kaum Bani Israel telah berpecah kepada tujuh puluh dua golongan, dan umat ku pula kepada tujuh puluh tiga golongan kesemuanya dalam neraka kecuali satu sahaja, maka merekapun bertanya. Wahai Rasulullah s.a.w. Siapakah golongan yang satu itu? Sabda Rasulullah s.a.w ialah yang aku dan para sahabat ku berada di atasnya. Dalam satu riwayat lain, Apa yang aku dan sahabat ku berada di atasnya .***

Merujuk kepada hadith di atas jelas meletakkan sunnah Nabi Muhammad s.a.w sebagai salah satu dasar utama yang terpenting selepas al-Quran, manakala para pendokong dasar ini ialah para sahabat Nabi Muhammad s.a.w sebagai generasi terulung yang telah berjaya mendokong, menghayati dan seterusnya menyampaikan amanah itukepada generasi selanjutnya hinggalah kepada kita umat Islam dihari ini, kepada golongan sedemikianlah wajar dikatakan sebagai Ahl al-Sunnah meskipun mereka berada di mana-mana zaman sekalipun .

Rasulullah s.a.w pernah bersabda dalam sebuah hadith riwayat Abu Daud dalam kitabnya al-Sunan dengan sanadnya hinggalah kepada al-'Irbad ibn Sariyah r.a

فقال عرباض بن سارية صلى بنا رسول الله صلى الله عليه وسلم ذات يوم ثم أقبل علينا فوعظنا موعظة بليغة ذرفت منها العيون ووجلت منها القلوب فقال قائل يا رسول الله كأن هذه موعظة مودع فماذا تعهد إلينا قال أوصيكم بتقوى الله والسمع والطاعة وان عبدا حبشيا فانه من يعش منكم بعدي فسيرى اختلافا كثيرا فعليكم بسنتي وسنة الخلفاء المهديين الراشدين تمسكوا بها وعضوا عليها بالنواجذ وإياكم ومحدثات الأمور فان كل محدثة بدعة وكل بدعة ضلالة.

*Yang bermaksud: **Berkatalah 'Irbad ibn Sariyah r.a Pada satu hari Rasulullah s.a.w telah menunaikan salah bersama kami, kemudian Beliau telah berpaling kepada kami, maka Baginda telah memberikan satu nasihat yang sangat mendalam kepada kami hingga mengalir air mata serta gementar hati kami kerana takut, berkatalah seorang dari kalangan kami: Wahai Rasulullah seolah-olah ini merupakan nasihat selamat tinggal, maka apakah pesanan mu terhadap kami? Rasulullah bersabda: Aku berwasiat kepada kamu agar bertaqwa kepada Allah serta akur dan ta'at (kepada pemimpin) sekalipun dia seorang yang berbangsa habsyi,***

Setiap generasi umat Islam tidak seharusnya berganjak dari terus berada di atas landasan ini, kerana keberadaan mereka dalam keadaan yang sedemikian adalah merupakan suatu benteng 'aqidah yang sangat mustahak serta perlu dikekalkan buat selama-lamanya hinggalah ke hari Qiayamat sekaligus akan menjadikannya sebagai suatu nadi yang menjadi daya penggerak ataupun selaku penjanakuasa yang akan memberikan kekuatan kepada umat pada keseluruhanya.

Perkataan **wa al-Jama'ah** والجماعة pula memberi maksud: Dan jema'ah yang ramai atau sekumpulan (pengikut) istilah ini pada dasarnya merujuk kepada para sahabat Rasulullah s.a.w yang telah bersahabat dengannya buat sekian lama beriman kepada Allah dan RasulNya, berjuang melaksanakan segala perintah Allah dan RasulNya serta meninggalkan segala larangan Allah dan RasulNya.

Satelah itu istilah ini digunapakai terhadap mana-mana golongan yang mendokong serta meneruskan perjuangan para sahabat Rasulullah s.a.w hinggalah ke akhir zaman.

Dalam sebuah hadith Rasulullah s.a.w bersabda:

ألا إن من قبلكم من أهل الكتاب افترقوا على ثنيتين وسبعين ملة وان هذه الأمة ستفترق على ثلاث وسبعين ملة ثنيتان وسبعون في النار وواحدة في الجنة وهي الجماعة.

*Yang bermaksud: **Sesungguhnya umat yang terdahulu daripada kamu dari kalangan ahli kitab itu telah berpecah kepada tujuh puluh dua golongan agama dan umat ini akan berpecah kepada tujuh puluh tiga golongan agama, tujuh puluh dua (dari mereke akan dimasukan) ke dalam neraka dan satu golongan sahaja akan ke syurga, iaitu al-jama'ah.***

Hadith ini diriwayatkan oleh Abu Daud dengan sanad yang hasan.[2]

Merujuk kepada hadith di atas maka perkataan **al-jama'ah** الجماعة juga diterimapakai sebagai suatu istilah bersama dalam satu ungkapan istilah yang membawa maksudnya yang tersendiri iaitu **Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah** أهل السنة والجماعة

Namun demikian para 'Ulama' Hadith tidak sependapat dalam menentukan maksud yang ditujukan daripada perkataan al-Jama'ah dalam hadith di atas, al-Syatibi telah merumuskan kepada beberapa pandangan para 'Ulama' tentang maksud tersebut antara lain ialah:

1) Golongan yang terbanyak dikalangan umat Islam ataupun disebut sebagai السواد الأعظم
2) Golongan **mujtahidin** dari kalangan 'Ulama' Islam.
3) Secara khusus dikatakan kepada golongan sahabat Nabi Muhammad s.a.w.
4) Golongan bijak pandai dari kalangan umat Islam, dengan itu sebarang kata sepakat yang dicapai oleh mereka tentang sesuatu

perkara yang menyentuh kepentingan umat Islam perlu diterima dan dipatuhi dengan baik .

5) Jama'ah dari kalangan umat Islam yang dikepalai oleh seseorang pemimpin mereka [3].

Perkataan **Ahl al-Hadith** أهل الحديث pula adalah sinonim dengan perkataan **Ahl al-Sunnah** أهل السنة kedua-duanya membawa maksud para 'Ulama' Hadith atau para pendokong hadith Nabi sebagai sumber aspirasi 'aqidah Islam yang kedua selepas al-Quran .

Kefahaman yang sedemikianlah mungkin mendorong sesetengah 'Ulama' hadith menamakan kitab karangan mereka yang dimuatkan ke dalamnya perkara-perkara yang bersangkutan dengan 'aqidah Islam menurut pendekatan mereka sebagai kitab al-Sunnah .

Sebagai contoh kitab **al-Sunnah** karangan Ahmad ibn Hanbal, **al-Sunnah** karangan Abu Bakr ibn al-Athram, **al-Sunnah** karangan Muhammad ibn Nasr al-Mirwazi, **al-Sunnah** karangan Ahmad ibn Muhammad ibn Harun al-Khallal, **al-Sunnah** karangan 'Abdullah ibn Ahmad ibn Hanbal dan lain-lain lagi .

Beberapa Konsep Asas 'Aqidah Ahl al-Sunnah

Semenjak tercetusnya suatu fitnah besar terhadap umat Islam tentang anggapan bahawa al-Quran itu makhluk telah menimbulkan suatu kesedaran mendalam kepada para 'Ulama' 'Aqidah supaya suatu garis panduan tentang 'Aqidah Islamiyyah secara menyeluruh perlu dirumuskan kerana kesan penyelewengannya masih berlanjutan hingga ke hari ini, tambahan pula sejarah telah mencatat peristiwa berkenaan sebagai suatu teragedi yang bersejarah yang telah menimpa umat Islam.

Dengan itu terdapat beberapa perkara asas yang menjadi dasar perbincangan para 'Ulama' Hadith dalam menentukan konsep-konsep asas 'Aqidah Islam, antara lain ialah:

1) Menjadikan al-Kitab dan al-Sunnah yang sahih sebagai hakim pada setiap perkara yang berkaitan dengan 'aqidah tanpa mengenepikan atau menakwilkan sebarang kenyataan kedua-

duanya .

2) Menerima semua kenyataan daripada para sahabat Nabi Muhammad s.a.w khususnya yang berkaitan dengan 'aqidah .

3) Menerima setiap kenyataan al-Quran dan al-Sunnah tentang perkara-perkara ghaib sekadar yang dinyatakan tanpa rasa tamak untuk mendalami sehingga melebihi batas sempadan yang tidak mungkin difikirkan oleh 'akal fikiran manusia .

4) Berusaha sedaya yang boleh untuk memelihara kesatuan dan perpaduan umat Islam seluruhnya .

Fenomena yang sedemikian dapat dikesan melalui penulisan-penulisan yang telah dihasilkan oleh para sarjana Islam dari kalangan 'Ulama' hadith di sepanjang dekat yang berkenaan, dengan menggunakan pendekatan-pendekatan yang tersendiri, antara lain sebagai menjawab atau menjelas kembali terhadap persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan oleh para cendikiawan semasa dari kalangan mu'tazilah yang telah banyak dipengaruhi pemikiran mereka oleh fahaman falsafah Yunan dan sebagainya, tambahan pula mereka pernah menguasai dunia Islam buat beberapa ketika dahulu .
Sebagai contoh:

al-Rad 'Ala al-Zanadiqah Wa al-Jahmiyyah, karangan Ahmad ibn Hanbal (m 241h) .
al-Rad 'Ala al-Jahmiyyah, karangan 'Abdullah ibn Muhammad ibn 'Abdullah al-Ju'fi (m 229h) .
al-Rad 'Ala al-Jahmiyyah, karangan Abu 'Abdillah Muhammad ibn Ismail al-Bukhari (m 256h) .
al-Ikhtilaf Fi al-Lafz Wa al-Rad 'Ala al-Jahmiyyah Wa al-Musyabbihah, karangan 'Abdullah ibn Muslim ibn Qutaibah (m 276h) .
al-Rad 'Ala al-Jahmiyyah, karangan 'Uthman ibn Said al-Darimi (m 280h) .
al-Rad 'Ala Bisyr al-Muraisi, karangan 'Uthman ibn Said al-Darimi (m 280h) .
al-Rad 'Ala al-Jahmiyyah, karangan 'Abdul Rahman ibn Abi Hatim (m 327h) .

Pendekatan seterusnya ialah dengan maksud pembentangan secara menyeluruh tentang 'Aqidah Islam yang sahih menurut al-Quran dan al-Sunnah disamping pandangan para sahabat dan tabi'ein, antara penulisan yang demikian ialah:

al-Fiqh al-Akbar, karangan Abu Hanifah al-Nu'man ibn Thabit (m 150h) .
al-Sunnah, karangan Ahmad ibn Hanbal (m 241h) .
al-Sunnah, karangan Abu Bakr ibn al-Athram (m 272h) .
al-Sunnah, karangan Abu Bakr Ahmad ibn 'Amr al-Ddahhak ibn Makhlad al-Syaibani (m 287h) .
al-Sunnah, karangan Abdullah ibn Ahmad ibn Hanbal (m 290h) .
al-Sunnah, karangan Muhammad ibn Nasr al-Mirwazi (m 294h) .
al-Sunnah, karangan Abu Daud Sulaiman ibn al-Asy'ath al-Sijistani (m 275h) .
al-Sunnah, karangan Ahmad ibn Muhammad ibn Harun al-Khallal (m 311h) .
al-Tawhid, karangan ibn Khuzaimah (m 311h) .
al-Ibanah, karangan Abu al-Hasan 'Ali ibn Ismail al-Asy'ari (m 324h).
al-Sunnah, karangan Abu al-Qasim Sulaiman Ahmad ibn Ayub al-Tabarani (m 360h) .
al-Ibanah, karangan 'Ubaidullah ibn Muhammad ibn Battah (m 387h) .
Kitab al-Iman, karangan Abu Bakr 'Abdullah ibn Muhammad ibn Abi Syaibah al-'Absi (m 235h) .
Khalq Af'al al-'Ibad, karangan Abu 'Abdillah Muhammad ibn Ismail al-Bukhari (m 256h) .
Kitab al-Iman, karangan Abu 'Abdillah Muhammad ibn Ishak ibn Mandah (m 395h) .
Kitab al-Iman, karangan Abu 'Ubaid al-Qasim ibn Sallam al-Baghdadi (m 224h).
al-Tawhid, karangan Muhammad ibn Ishak ibn Mandah (m 395h) .
Syarh al-Sunnah (Usul al-Sunnah), karangan Abu 'Abdillah Muhammad ibn 'Abdillah ibn Abi Zamnin (m 399h) .
Syarh Usul Ie'tiqad Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah Min al-Kitab Wa al-Sunnah Wa Ijma' al-Sahabah Wa al-Tabie'in Min Ba'dihim, karangan Abu al-Qasim Hibatullah ibn al-Hasan al-Lalikai (m 418h).
al-Ie'tiqad, karangan Abu Bakr Ahmad ibn al-Husain al-Baihaqi (m 458h) .
al-Asma' Wa al-Sifat, karangan Abu Bakr Ahmad ibn al-Husain al-Baihaqi (m 458h) .

Sumbangan Ahl al-Hadith Dalam Bidang 'Aqidah

Para 'Ulama' Hadith juga melalui bidang kepakaran mereka turut memberikan sumbangan besar ke arah pemantapan bidang ilmu 'Aqidah seiring dengan rakan-rakan mereka dalam bidang Usuluddin, tambahan pula kepakaran dalam bidang hadith sememangnya sangat diperlukan oleh semua bidang yang lain yang membicarakan tentang apajua permasalahan yang bersangkutan dengan agama Islam terutama sekali yang bersangkutan dengan 'aqidah kerana hadith adalah merupakan sebagai sumber ajaran Islam yang kedua selepas al-Quran.

Sebenarnya peranan hadith sememangnya terbukti sangat penting dalam peroses pembentukan insan sejagat disamping menentukan halatuju sesuatu pendirian atau tanggapan seterusnya membentuk sikap seseorang insan yang muslim, mu'min yang salih dengan 'aqidah yang benar .

Berikut saya cuba mengenengahkan sumbangan pemikiran beberapa orang tokoh terkemuka dari kalangan 'Ulama' Hadith yang telah berjaya membuat sumbangan-sumbangan besar sebagai usaha mereka ke arah pemantapan bidang ilmu 'Aqidah dan dengan itu saya beranggapan bahawa merekalah sebagai mewakili para 'Ulama' hadith yang lain dalam memberikan pandangan mereka tentang tajuk perbincangan kita disini ialah ***'Aqidah Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah Menurut disiplin Ahl al-Hadith*** .

Sufyan ibn Said al-Thauri r.a sewaktu diminta oleh Syu'aib ibn Harb supaya diceritakan kepadanya suatu hadith yang akan memberikan manafa'at kepadanya apabila ia berhadapan dengan Allah s.w.t dan ditanya daripada manakah kamu terima hadith ini? Akan aku katakan bahawa Sufyan yang telah menceritakan kepada aku .

Dengan tegasnya Sufyan telah menyatakan pendiriannya ikuran daripada peristiwa yang telah ditaja oleh mu'tazilah bahawa al-Quran itu dianggapnya makhluk, persoalan ini dikemukakan oleh Syu'aib

kepada beliau katanya: ***Wahai Syu'aib! ini suatu penegasan dan apa lagi yang perlu ditegaskannya.***
Kamu tuliskan!

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang al-Quran itu kalam Allah, bukannya makhluk, daripadanya bermula dan kepadanya berakhir, sesiapa yang berkata lain daripada itu adalah kafir .
Iman itu perkataan, perbuatan dan niat, bertambah dan berkurangan, bertambah dengan sebab kerja-kerja ta'at dan berkurangan dengan sebab kerja-kerja maksiat .

Tidak harus berkata-kata melainkan dengan ber'amal dan tidak harus berkata-kata dan ber'amal melainkan dengan niat dan tidak harus berkata-kata, ber'amal dan berniat sesuatu melainkan dengan persetujuan al-sunnah.

Kata Syu'aib, apakah maksud dengan persetujuan al-Sunnah? Lalu dijawabnya Dengan mengutamakan kedua-dua orang syaikh iaitu Abu Bakr dan 'Umar r.a .

Wahai Syu'aib! Tidak akan memberi manafa'at kepada kamu apa yang telah aku tuliskan kepada kamu sehinggalah kamu tidak menyaksikan kepada sesiapa pun dengan syurga atau neraka melainkan kepada sepuluh orang yang telah disaksikan kepada mereka oleh Rasulullah s.a.w dan kesemua mereka adalah daripada bangsa Quraisy .

Wahai Syu'aib! Tidak akan memberikan manafa'at kepada kamu apa yang telah aku tuliskan kepada kamu sehinggalah kamu berpendapat bahawa 'amalan menyapu di atas dua khuf tanpa dicabut kedua-duanya adalah diharuskan, dengan itu kamu hendaklah menggantikan daripada membasuh kedua-duanya .
Wahai Sya'aib ibn Harb, tidak akan memberi manafa'at kepada kamu apa yang telah aku tuliskan kepada kamu, sehinggalah kamu beranggapan bahawa bacaan بسم الله الرحمن الرحيم ***dalam sembahyang yang dibaca secara nyaring lebih afdal dibacakannya***

secara perlahan .

Wahai Sya'aib ibn Harb, tidak akan memberi manafa'at kepada kamu apa yang telah aku tuliskan kepada kamu, sehinggalah kamu beriman dengan qada dan qadar baiknya dan buruknya, manisnya dan pahitnya, kesemuanya adalah daripada Allah 'Azza Wa Jalla .

Wahai Sya'aib, demi Allah Qadariyyah tidak berkata sebagaimana yang telah difirmankan oleh Allah, oleh para malikat dan para anbiya', tidak juga sebagaimana yang dikatakan oleh para ahli syurga, para ahli neraka bahkan saudara mereka iblis yang telah dilaknat oleh Allah .

Firman Allah
Yang bermaksud: ***Tidakkah kamu melihat kepada mereka yang telah menjadikan hawa nafsunya sebagai ilah kepadanya dan Allah telah menyesatkannya secara jelas dan telah menutup telinganya, hatinya dan telah menjadikan ke atas penglihatan matanya suatu tutupan, maka sesiapakah yang akan memberikan hidayat kepadanya selain daripada Allah ? Tidakkah mereka itu menyedari.***

Firman Allah s.w.t.: وما تشاءون إلا أن يشاء الله
Yang bermaksud: ***Dan kamu tidak akan menghendaki (sesuatu) melainkan jika Allah kehendaki .***

Berkata para malaikat sebagaimana yang telah dirakamkan oleh Allah s.w.t dalam al-Quran, surah al-Baqarah, ayat 32.
Yang bermaksud: ***Maha suci engkau, kami tidak ada ilmu melainkan apa yang telah engkau ajarkan kepada kami, sesungguhnya engkaulah yang maha mengetahui lagi maha bijaksana .***

Berkata Musa a.s sebagaimana yang telah Allah rakamkan dalam al-Quran, surah al-A'raf, ayat 155,
Yang bermaksud: ***Itu hanyalah sebagai suatu ujian daripada engkau, engkau sesatkan sesiapa yang engkau kehendaki dengan ujian itu dan engkau berikan hidayat kepada sesiapa yang engkau kehendaki ....*** [4]

Abu 'Amr 'Abdul Rahman ibn 'Amr al-Awza'ei sewaktu ditanya oleh Abu Ishak tentang sesuatu yang boleh menjadi panduan kepada masa hadapan umat Islam lalu dijelaskan dengan katanya:***Kamu hendaklah bersabar mengikut al-Sunnah, berhentilah dimana sahaja mereka berhenti, berkata-katalah sebagaimana mereka berkata, berhentilah daripada berkata-kata sesuatu yang mereka tidak mahu berkata-kata, ikutilah jalan para salaf al-salih maka sesungguhnya itu melegakan kamu sebagaimana melegakan mereka.*** [5]

Sufyan ibn 'Uyainah pernah berkata: ***Sunah itu ada sepuluh perkara sesiapa yang dapat memilikinya maka sesungguhnya dia telah memiliki al-Sunnah dan sesiapa yang meninggalkan sebahagian daripadanya maka sesungguhnya dia telah meninggalkan al-Sunnah : Mensabitkan al-Qadr (beriman kepada qada dan qadar) .***
Mengutamakan kepimpinan Abu Bakr dan 'Umar .
Menerima kewujudan al-Haud (الحوض) al-Syafa'ah (الشفاعة) al-Mizan (الميزان), al-Sirat (الصراط).

Menerima kenyataan bahawa iman itu adalah terdiri daripada Qaul dan 'amal (perkataan dan perbuatan), al-Quran itu kalam Allah, kewujudan 'azab kubur, kebangkitan di hari akhirat dan jangan memberi kata putus terhadap seseorang muslim . [6]

Ahmad ibn Hanbal dalam kenyetaannya mengatakan bahawa ***Asal usul al-Sunnah pada pendapat kami ialah berpegang teguh kepada apa jua yang menjadi pegangan para sahabat Ruslullah s.a.w serta mengikuti jejak langkah mereka dan meninggalkan perkara bid'ah kerana setiap yang bid'ah adalah sesat .***

Mengelakkan sebarang perbalahan atau duduk bersama golongan pengikut hawa nafsu, meninggalkan 'amalan menunjuk-nunjuk dan suka bertengkar atau berbalah dalam hal-hal agama .
Sunnah pada pendapat kami juga semkesan peninggalan Rasulullah s.a.w .

al-Sunnah boleh menafsirkan al-Quran dan itulah dia pendalilan

kepada al-Quran dan tidak ada qiyas pada al-Sunnah, kerana ia tidak boleh dibanding-bandingkan dan tidak juga dapat diterokai oleh akal fikiran dan hawa nafsu manusia, sesungguhnya itu adalah semata-mata ikutan bukannya mengikut nafsu .

Sememangnya dianggap menjadi sebahagian daripada al-Sunnah kerana jika tidak diterimanya tidak akan dianggap menjadi ahli kepadanya: Beriman kepada qada dan qadar baik dan buruknya, membenarkan segala hadith yang diriwayatkan tentangnya, beriman dengannya bermaksud tidak mempersoalkan kenapa? atau bagaimana? Sesungguhnya beriman dengan qada dan qadar itu ialah dengan cara membenarkan dan beriman dengannya .
Sesiapa yang tidak berkemampuan mendalami serta menafsirkan secara mendalam sesebuah hadith itu maka memadailah kepadanya sekadar yang termampu dan terus beriman dan berserahlah tentangnya, seperti hadith yang benar lagi dibenarkan (الصادق المصدوق)
Kesemua hadith tentang al-Ru'yah (الرؤية) perlu diterima dan diimani sepenohnya tanpa sebarang penolakan terhadap kenyataannya sekalipun tidak sedap didengarinya, begitulah juga dengan hadith-hadith lain yang diriwayatkan oleh para perawi yang thiqah daripada Nabi s.a.w .... [7]

'Ali ibn 'Abdillah al-Madini juga dalam kenyataannya hampir sama seperti yang telah diriwayatkan daripada Ahmad ibn Hanbal dalam kenyataannya sebelum ini . [8]

Abu 'Abdullah Muhammad ibn Ismail al-Bukhari dalam kenyataannya pernah berkata: ***Aku pernah bertemu dengan lebih daripada seribu orang lelaki dari kalangan ahli ilmu dari Hijaz Makkah dan Madinah, Kufah, Basrah, Wasit, Baghdad, Syam dan Mesir pernah bertemu berkali-kali generasi demi generasi, aku mendapati mereka berada dalam lingkongan masa empat puluh enam tahun, ahli Syam, Mesir dan semenanjung tanah 'Arab sebanyak dua kali, ahli Basrah empat kali dalam tempoh beberapa tahun, ahli Hijaz selama enam tahun bersama mereka dan aku tidak pasti berapa kalikah aku masuk ke Kufah dan Baghdad bersama para ahli hadith dari Khurasan seperti Makki ibn Ibrahim, Yahya***

ibn Yahya, 'Ali ibn Hasan ibn Syaqiq, Qutaibah ibn Sa'id dan Syihab ibn Ma'mar .

Manakal a di Syam pula seperti Muhammad ibn Yusuf al-Firyabi, Abu Mushir 'Abdul A'la ibn Mushir, Abu al-Mughirah 'Abdul Quddus ibn al-Hajjaj, Abu al-Yaman al-Hakam ibn Nafi'e dan ramai lagi yang lain-lain .

Di Mesir seperti Yahya ibn Kathir, Abu Salih juru tulis al-Laith ibn Sa'ad, Said ibn Abi Mariam, Asbagh ibn al-Farh dan Nu'aim ibn Hammad .

Di Makkah seperti 'Abdullah ibn Yazid al-Muqri, al-Humaidi, Sulaiman ibn Harb kadi Makkah dan Ahmad ibn Muhammad al-Azraqi .

Di Madinah seperti Ismail ibn Abi Uwais, Mutarrif ibn Abdillah, 'Abdullah ibn Nafi'e al-Zubairi, Ahmad ibn Abi Bakr Abu Mus'ab al-Zuhri, Ibrahim ibn Hamzah al-Zubairi dan Ibrahim ibn al-Munzir al-Huzami .

Di Basrah seperti Abu 'Asim al-Dahhak ibn Makhlad al-Syaibani, Abu al-Walid Hisyam ibn 'Abdul Malik, Hajjaj ibn al-Minhal dan 'Ali ibn 'Abdillah ibn Ja'far al-Madini .

Di Kufah seperti Abu Nu'aiem al-Fadl ibn Dukain, 'Ubaidullah ibn Musa, Ahmad ibn Yunus, Qabisah ibn 'Uqbah, Ibn Numair, 'Abdullah dan 'Uthman ibna Abi Syaibah .

Di Baghdad seperti Ahmad ibn Hanbal, Yahya ibn Ma'ein, Abu Ma'mar, Abu Khaithamah dan Abu 'Ubaid al-Qasim ibn Sallam .

Di Semenanjung Tanah 'Arab seperti 'Amr ibn Khalid al-Harrani

Di Wasit seperti 'Amr ibn 'Aun dan 'Asim ibn 'Ali ibn 'Asim .

Di Marw seperti Sadaqah ibn al-Fadl dan Ishak ibn Ibrahim al-

Hanzali .

Kata Imam al-Bukhari kami rasa memdailah dengan menyebut nama-nama mereka yang berkenaan supaya tidak begitu panjang aku mendapati tidak seorang pun yang berselisih pendapat tentang perkara-perkara berikut:

Bahawa agama itu adalah Qaul dan 'Amal (perkataan dan perbuatan) kerana Allah berfirman

إن ربكم الله الذي خلق السموات والأرض في ستة أيام ثم استوى على العرش
يغشى الليل النهار يطلبه حثيثا والشمس والقمر والنجوم مسخرات بأمره .

Yang bermaksud: Sesungguhnya Tuhan kamu Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam masa enam hari kemudian beristiwa di atas 'arasy Dia menutupkan malam kepada siang yang mengiringinya dengan begitu pantas, dan (diciptakanya pula) matahari, bulan dan bintang sebagai kemudahan-kemudahan (yang telah dipermudahkan) dengan perintahNya .(surah al-A'raf, ayat 54) .

Kata Imam Bukhari lagi: berkata Ibn 'Uyainah: Allah telah menerangkan ciptaanNya daripada perintahNya melalui firmanNya diakhir ayat di atas,

ألا له الخلق والأمر تبارك الله رب العالمين

Yang bermaksud: Ingatlah bagiNya hak penciptaan dan pemerintahan, maha suci Allah Tuhan semester 'alam .

Kebaikan dan kejahatan itu tercipta dengan qada dan qadar Allah sebagaimana firmanNya قل أعوذ برب الخلق. من شر ما خلق.
Yang bermaksud: Ktakanlah (wahai Muhammad) Aku mohon berlindung dengan Tuhan Falaq daripada kejahatan apa yan" telah diciptakan . (surah al-Falaq, ayat 1 dan 2) .

FirmanNya lagi æ والله خلقكم وما تعملون
Yang bermaksud: Dan Allah itu telah menciptakan kamu dan juga

apa yang kamu kerjakan . (surah al-Safat, ayat 96) .

Firman Allah lagi إن كل شيء خلقناه بقدر
Yang bermaksud: Sesungguhnya tiap suatu itu kami telah ciptakannya dengan qadar . (surah al-Qamar, ayat 49) .

Mereka langsung tidak mengkufurkan sesiapa dari kalangan ahli qiblat disebabkan oleh dosa yang telah mereka lakukannya sebagaimana firman Allah

إن الله لا يغفر أن يشرك به ويغفر ما دون ذلك لمن يشاء.

Yang bermaksud: Sesungguhnya Allah itu tidak akan memberikan keampunan kepada mereka yang menyukutukanNya dan akan memberikan keampunan kepada mereka yang dikehendaki terhadap dosa-dosa selain daripada itu . (surah al-Nisa', ayat 48) .

Aku tidak mendapati sesiapa pun dari kalangan mereka yang menyentuh secara yang tidak baik terhadap kedudukan para sahabat Nabi Muhammad s.a.w, berkata 'Aisyah: Mereka diperintahkan supaya memohon keampunan untuk mereka (para sahabat), sebagaimana firman Allah, ربنا اغفر لنا ولإخواننا الذين سبقونا

بالإيمان ولا تجعل في قلوبنا غلا للذين آمنوا ربنا انك رءوف رحيم.

Yang bermaksud: Ya Tuhan kami ampunilah kami dan saudara mara kami yang telah terdahulu beriman daripada kami, janganlah engkau jadikan hati kami keras terhadap orang-orang yang telah beriman, ya Tuhan kami sesungguhnya engkau maha penyayang lagi maha mengasihani . (surah al-Hasyr, ayat 10) .

Mereka juga melarang daripada perkara-perkara bid'ah yang tidak ada dizaman Nabi s.a.w dan tidak juga dizaman para sahabatnya, sebagaimana firman Allah

واعتصموا بحبل الله ولا تفرقوا

Yang bermaksud: Dan berpegang teguhlah kamu dengan tali (agama) Allah dan jangan sekali-kali bercerai-berai . (surah ali Imran, ayat 103) .

Firman Allah lag i وان تطيعوه تهتدوا
Yang bermaksud: Dan jika kamu ta'atkanya kamu akan mendapat

petunjuk .(surah al-Nur, ayat 54) .

Mereka menggalakan supaya mengikut jejak langkah Nabi Muhammad s.a.w dan para pengikutnya sebagaimana firman Allah

وان هذا صراطي مستقيما فاتبعوه ولا تتبعوا السبل
فتفرق بكم عن سبيله ذلكم وصاكم به لعلكم تتقون

Yang bermaksud: Dan bahawa inilah dia jalan aku yang lurus maka ikutilah dia dan jangan kamu ikuti jalan-jalan yang lain kerana itu akan memecahbelahkan kamu daripada jalannya, demikian itulah dia telah mewasiatkan kepada kamu dengannya mudah-mudahan kamu bertaqwa . (surah al-An'am, ayat 153) .

Seterusnya kita tidak seharusnya ingin merebutkan sesuatu dari mereka yang sebenarnya berhak selaku ahli yang sah, sebagaimana sabda Nabi s.a.w ثلاث لا يغل عليهن قلب امرئ مسلم إخلاص

العمل وطاعة ولاة ولزوم جماعتهن فان دعوتهم تحيط من ورائهم.

Yang bermaksud: Ada tiga perkara tidak seharusnya berdengki terhadap mereka oleh hati seseorang muslim, ikhlaskan 'amalan semata-mata kerana Allah, ta'at kepada pemerintah dan lazimkan jama'ah mereka (umat Islam) kerana seruan mereka merangkumi para penyukung mereka . (hadith riwayat Ahmad dalam kitab al-Musnad, jilid 4, m.s 80, 82, 183 . al-Tirmizi dalam kitab al-Sunan, hadith No: 2658) Seterusnya kenyataan hadith ini dikuatkan dengan firman Allah

أطيعوا الله وأطيعوا الرسول وأولي الأمر منكم

Yang bermaksud: Ta'atlah kamu kepada Allah dan ta'atlah kepada Rasul dkepada pemerintah dari kalangan kamu . (surah al-Nisa' ayat 59) .

Juga tidak diharuskan mengangkat pedang terhadap umat Muhammad s.a.w (dengan maksud untuk menyerang mereka) .

Berkata Fudail: Andaikata aku memiliki do'a yang mustajab tidak akan ku tujukan melainkan terhadap imam (para pemimpin) kerana jika imam itu baik nescaya amanlah negara dan rakyat jelata .

Berkata Ibn al-Mubarak: Wahai guru yang mengajar kepada kebaikan . Siapakah yang lebih berani meneroka hal ini selain daripada kamu? [9]

Saya fikir daripada beberapa petikan di atas memperlihatkan bahawa sumbangan para 'Ulama' Hadith dalam bidang 'Aqidah adalah amat bermakna sekali, kerana kedudukan mereka selaku perantara di antara Rasulullah s.a.w dan umatnya .

Tambahan pula daripada keluasan cakupan ilmu yang dimiliki dalam bidang kepakaran mereka dan juga ketelitian dalam mengkaji sesuatu perkara yang berkaitan dengan risalah, dakwah dan latarbelakang keperibadian Rasulullah s.a.w sehingga melayakan mereka untuk membuat sesuatu kesimpulan yang berkenaan, sekaligus mereka boleh dianggap telah berjaya mendekatkan kefahaman umat kepada intipati risalah yang disampaikan kepada kita oleh Rasulullah s.a.w daripada Tuhannya .

Penutup

Satelah beberapa perkara telah dibincangkan dari berbagai sudut dan beberapa pandangan bernas telah dapat diketengahkan sebagai bahan tuntunan para peserta seminar, saya menaruh harapan yang sangat tinggi agar sama-sama dapat merenung kembali serta mengambil iktibar dan seterusnya mengorak langkah ke arah merialisasikan suatu pembaharuan (تجديد), pemurnian atau pemantapan 'Aqidah yang hak berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah yang sahih InsyaAllah

Saya merasakan bahawa setakat itu sahajalah yang dapat saya masak dan kemudian saya sajikan kepada para peserta seminar sekelian, andaikata jika ada yang benar dan baik itu adalah dari taufiq dan hidayah Allah s.w.t, saya amat bersyukur kehadrat Allah s.w.t .

Sebaliknya jika terdapat sebarang kelemahan dan kekurangan maka itu adalah dari kelemahan dan ketaksiran hamba Allah yang kerdil ini, saya beristighfar kepada Allah dan berbanyak-banyak memohon kema'afan daripada semua terutama sekali daripada pihak penganjur yang telah memberikan kepercayaan kepada saya untuk menyediakan kertas yang tidak seberapa ini .

وآخر دعوانا أن الحمد لله رب العالمين

6 PROF. MADYA DR. MOHD RADZI HJ. OTHMAN

SOALAN PESERTA DAN JAWAPAN

SESI KETIGA

SOALAN 1:
Apakah pendapat tuan tentang konsep-konsep yang terkandung di dalam kitab 'AL-HIKAM' (الحكم) yang di tulis oleh Ibn Atha' Allah (ابن عطاء الله) yang masyhur di kalangan masyarakat orang Melayu.

JAWAPAN DARI DR. MOHD RADZI:
Kitab ini mengandungi konsep-konsep yang agak cenderung kepada sufi di mana terdapat riwayat-riwayat atau maklumat yang dirumuskan. Yang pertama sekali riwayat-riwayat tadi tidak menepati pecahan-pecahan pendapatnya, maknanya sanad-sanadnya susah hendak dikesan: di mana sumbernya dan dari mana asal-usulnya. Secara kebetulan, seorang pelajar Universiti Sains Malaysia sedang mengkaji 'Kitab Al-Hikam' sebagai tesis sarjana. Beberapa riwayat yang terdapat di dalam buku ini saya tidak dapat kesan, bukan semuanya tetapi sebahagian daripadanya yang saya tidak dapat cari daripada mana sumbernya. Termasuk juga apa yang disebut sebagai kisah daripada sabda Nabi. Dan kisah tidak boleh dijadikan dalil atau sumber syariah atau aqidah. Jadi nampaknya penulis al-Hikam borong semua sama sekali. Ada di antara hadith yang disebut dalam buku 'Kitab al-Hikam' adalah hadith yang nyata palsu (موضوع). Kerana hadis itu memang ada tercatit di dalam kitab 'Hadis Mandhu' موضوعات الحديث dan yang tidak tahu asal-usulnya. Yang kedua dari segi pendekatan juga tidak begitu jelas . Wa Allahu alam. Dia nak bawa ke mana pun tidak jelas. Ada beberapa perkara yang kita tidak dapat hendak buktikan. Ada yang sangat berminat pada buku ini sehingga ada yang membuat ulasan atau menulis secara detail lagi. Dan ada di antaranya yang cuba membuat ringkasan. Ini menunjukkan

bahawa orang ramai berminat terhadap kitab ini. Walau bagaimanapun pada saya, kita tidak boleh pakai pendapat yang terdapat dalam buku ini semuanya. Kita perlu lihat pada sikap dan kemampuan penulisnya. Ada yang kita boleh terima dan ada yang kita tidak boleh terima yang perlu dinilai dengan lebih teliti. Wa Allahu alam.

SOALAN KEDUA:

Bagaimanakah pandangan Ustaz sebagai seorang ahli hadis, tentang (a) hadis-hadis yang terdapat di dalam buku Ihya 'Ulum Ad-Din' oleh Imam al-Ghazali (الإمام الغزالي) dan (b) Bagaimanakah aqidahnya?

JAWAPAN OLEH DR. MOHD RADZI OTHMAN

Imam al-Ghazali adalah seorang tokoh besar. Bercakap berkenaan seorang tokoh besar ini bukan calang-calang. Guru saya pernah berpesan, beliau berkata (ابن حجر لا يجرح إلا بحجر) berkenaan ibnu Hajar (ابن حجر) bermaksud anak batu, tidak boleh digugat, digoyangkan melainkan batu juga." Jadi Imam al-Ghazali ini adalah seorang tokoh yang besar jadi nak beri komen tentang dia bukan tidak boleh, cuma barangkali kita boleh buat pemerhatian daripada pandangan-pandangan yang kita dapati sepertimana dibuat oleh Al-Haq ibn Al-Araqi (الحق ابن العراقي). Beliau telah mengkaji dan meneliti hadis-hadis yang disebut di dalam Ihya' (إحياء).

(a) Daripada kajian yang telah beliau buat, beliau telah berjaya mengesan banyak hadis-hadis yang antara lain hadis yang memang Imam al-Ghazali iktirafkan sebagai hadith al- Bukhari dan Hadith Muslim. Tetapi bila beliau sebut hadis yang lemah atau palsu(حديث ضعيف), beliau diam sahaja. Kalau beliau tahu bahawa ia hadith palsu (حديث موضوع) atau hadis lemah beliau patut memberitahu membaca. Kita yang tidak tahu mana yang lemah atau palsu, tapi kalau hadith itu hadis sahih Bukhari atau hadis sahih al-Muslim (dan beliau tidak beritahu mana Bukhari dan mana Muslim) itu tidak mengapa. Kita berpegang pada hadis itu tidak menjadi salah kerana memang hadith itu sahih. Sebaliknya jika dia tidak memberitahu kepada kita bahawa hadis itu lemah kita tidak

akan dapat tahu sama ada dia juga tidak tahu. Sebaliknya al-Iraqi (العراقي) telah berjaya mengesan sebilangan besar hadis-hadis lemah dalam Ihya'. Saya pernah ditanya: " Al-Iraqi itu siapa?" Berbanding dengan al-Ghazali kita memang tahu al-Ghazali itu tokoh besar, cuma barangkali tokoh kecil boleh bantu tokoh besar. Dalam banyak hal tokoh besar bantu tokoh kecil. Tokoh kecil juga boleh bantu tokoh besar. Sama-sama membantu.

(b) Kemudian dari sudut aqidahnya, Imam al-Ghazali dalam buku Ihya' (احيا علوم الدين), dia banyak mengikuti aqidah al-Asyairah. Kita boleh lihat bagaimana sikapnya terhadap sifat afaal Allah bermaksud perbuatan Allah. Sebagaimana yang tersebut, dia menafikan beberapa sifat Allah s.w.t. serta menakwilkannya. Manakala sikap Imam al-Ghazali tentang menakwil beberapa sifat Allah telah berubah dalam kitabnya al Am al-Awam (العلم العوام), sebuah kitab kecil yang ditulis di akhir-akhir hayatnya selepas kitab Ihya'. Dia telah menyatakan bahawa dia telah banyak merujuk kepada aqidah as-Salaf as-Soleh seperti aqidah Ahmad ibn Hanbal, tanpa meneruskan pegangan asalnya iaitu menakwilkan sifat-sifat Allah s.w.t. Jadi dia meletakkan al-Am al-Awam sebagai asas aqidahnya.

(c) Tokoh besar seperti Imam al-Ghazali telah menjadi seorang tokoh Ilmu Kalam. Beliau telah terseret dengan bahaya ilmu kalam. Sebagaimana yang disebutkan oleh al-Kulaini (الكليني), beliau mengatakan : "Alangkah baiknya kalau aku tahu lautan ilmu kalam ini bahaya, aku tidak akan masuk." Malah dia mencadangkan kepada orang awam supaya jangan mendekati ilmu kalam. Dan dia kata alangkah baiknya kalau dia masih kekal macam mana aqidah orang tua-tua (salaf as-soleh) sebelumnya. Mungkin tidak tahu lebih baik daripada tahu, sebabnya apabila kita tahu belum tentu lagi pengetahuan kita tadi boleh mengangkat darjat kita. Malah pengetahuan kita itu boleh menyebabkan kita diseret ke dalam kancah yang kita tidak tahu. Sebab itulah Imam al-Ghazali di akhir-akhir hayatnya

dia kembali mendekati hadith. Apabila dia meninggal, satu naskah buku Sahih al-Bukhari didapati atas pada dadanya. Sejarah telah merakamkannya. Oleh itu, kita kena prihatin supaya jangan kita sampai mendewa-dewakan orang yang kita hormati dan mengatakan: "Takkanlah beliau silap."

Sekian.

7

ZAKARIA @ MAHMUD B. DAUD, AKADEMI PENGAJIAN ISLAM UM

HUBUNGAN AKIDAH IMAM AL-ASYARI DAN AL-ASYAIRAH

Pendahuluan

Ramai orang Islam khususnya yang berpegang kepada aliran akidah Asyairah di mana-mana sahaja mereka berada sama ada di Malaysia atau di tempat-tempat lain, rata-rata menganggap bahawa akidah Imam Abu Hasan al-Asy'ari dan akidah golongan Asyairah adalah sama tidak ada sebarang perbezaan. Dikatakan apa yang dipegang dan dihayati oleh golongan Asyairah, itulah juga yang dibawa dan dipegang oleh Imam Abu Hasan al-Asy'ari sendiri sampai akhir hayatnya. Yang menjadi persoalan di sini apakah benar kedua-dua perkara itu tidak ada perbezaan atau sebaliknya. Setelah penulis membuat kajian didapati ada sedikit perbezaan di antara akidah keduanya. Kertas kerja ini sedikit sebanyak akan menjelaskan perkara tersebut.

Pengenalan Imam Abu Hasan Al-Asya'ari

Abu Hasan al-Asy'ari adalah salah seorang tokoh ulama akidah aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang lahir di abad ketiga hijrah bersamaan abad kelapan masihi. Beliau seorang ulama penyambung dan penghidup akidah Ahli Sunnah di zamannya yang telah lama ditekan dan ditindas oleh golongan pendokong Mazhab Muktazilah. Juga dia seorang mujaddid di zaman itu. Beliau bukannya pengasas mazhab akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagaimana yang disebut oleh ramai orang.[1]

Nama beliau yang sebenar ialah Ali bin Ismail bin Ishak bin Salim bin Ismail bin Abdullah bin Musa bin Abu Burdah bin Abu Musa al-Asy'ari (seorang sahabat Rasulullah SAW). Mengikut pendapat jumhur ulama dia dilahirkan di Basrah pada tahun 260H bersamaan dengan tahun 780M.[2]

Semenjak kecil sehingga berumur 10 tahun dia bermazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti yang dihayati oleh ibu bapa dan keluarga beliau yang lain. Kemudian setelah ayahnya meninggal dunia dan ibunya berkahwin dengan Abu Ali al-Jubbai seorang tokoh besar Muktazilah beliau dididik olehnya dengan akidah Muktazilah, akhirnya dia menjadi seorang alim dan tokoh besar mazhab Muktazilah di Basrah sehingga mengatasi bapa tirinya. Beliau terus menghayati akidah Muktazilah itu sehinggalah berumur 40 tahun. Selepas berapa ketika berlaku perselisihan pendapat antara beliau dan bapa tiri serta gurunya dalam beberapa masalah akidah, di samping itu beliau juga telah bermimpi berjumpa Rasulullah SAW sebanyak tiga kali dan pada tiap-tiap kali mimpi itu baginda menyuruh beliau mengikut Sunnah baginda, maka beliau pun meninggal mazhab Muktazilah dan mengisytiharkan taubat serta kembali kepangkuan mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah. Pengisytiharan itu dilakukan pada hari jumaat tahun 300H bersamaan tahun 910M di masjid Basrah.[3]

Beliau seorang tokoh yang luas ilmu pengetahuan dalam berbagai bidang keagamaan; seperti tafsir, hadis, fekah, sirah dan sejarah Islam, bahasa Arab juga akidah atau ilmu kalam. Penonjolannya dalam bidang ilmu kalam - samada aliran Muktazilah dan Ahli Sunnah mengatasi bidang-bidang lain. Sewaktu dalam mazhab Muktazilah dia banyak mengarang kitab mempertahankan mazhab tersebut. Kemudian apabila memasuki aliran Ahli Sunnah dia menulis pula beberapa buah kitab bagi menjelaskan penyelewengan akidah Muktazilah di samping mempertahankan akidah Ahli Sunnah.[4]

Beliau seorang ulama yang banyak mengarang kitab, khususnya mengenai akidah atau ilmu kalam. Ulama telah menyenaraikan kitab-kitab karangannya dalam berbagai bidang ilmu iaitu sebanyak 97 buah kesemuanya.[5]

Para ulama hampir sepakat mengatakan bahawa Imam Abu Hassan al-Asy'ari menempuh hidupnya dalam tiga peringkat yang berbeza.[6] Iaitu:

Peringkat Pertama: Beliau berada dalam mazhab Muktazilah bermula dari umurnya 10 tahun sehingga 40 tahu Beliau dianggap seorang ulama besar Muktazilah.

Kedua: Selepas keluar dari Muktazilah dan di awal kemasukannya ke dalam mazhab Ahli Sunnah. Waktu itu beliau mengikuti aliran Abdulah Ibn Said Ibn Kullab (aliran al-Kullabi). Imam al-Dhahabi berkata bahawa Imam al-Asy'ari mendamping diri dengan golongan al-Kullabi dan mengikut aliran mereka. Pendapat ini disokong oleh al-Maqrizi dan ulama-ulama lain lagi.[7] Masa inilah dia menulis kitab *"al-Luma' fi al-Rad 'Ala Ahl al-Zaighi wa al-Bida"*[8]

Di peringkat ini beliau mengisbatkan sifat-sifat **Hayat, Ilmu, Qudrah, Iradah, sama', Basar** dan **Kalam** kepada Allah dan mentakwilkan sifat-sifat **Khabariyah** (sifat-sifat yang dikatakan disebut dalam ayat-ayat dan hadis-hadis **mutasyabihat**). Seperti sifat **Yad, Wajh, Nuzul** dan sebagainya.[9] Seperti mana yang dipegang oleh golongan khalaf atau Asyairah sekarang ini.

Manakala **peringkat ketiga** iaitu selepas beliau berpindah ke Baghdad sehingga beliau meninggal dunia, beliau telah mengikut aliran akidah salaf seperti yang dipegang oleh golongan al Salaf al Salih iaitu mengisbatkan kesemua sifat-sifat Allah termasuk sifat-sifat **khabariyyah** tanpa **tasybih** dan **tamthil** (diserupai) dengan makhluk dan tanpa **ditakyifkan** (digambar atau diperbagaikan Allah) dengan sesuatu. Cara pegangan sedemikian itu disebutkannya dalam kitab *"al-Ibanah an Usul al-Diyanah"* yang dianggap oleh ramai ulama sebagai sebuah kitab terakhir tulisan beliau.[10]

Pengenalan Asyairah

Asya'irah atau pengikut Asy'ari ialah golongan umat Islam daripada golongan pendokong ilmu kalam yang dinisbahkan kepada Imam Abu Hasan al-Asy'ari, atau mereka dikatakan pengikut Imam Abu Hasan al-Asy'ari, seorang tokoh akidah Ahli Sunnah seperti yang disebut di atas.[11] Kalau Syafiiyyah dikatakan golongan yang mengikut mazhab Imam Syafie dalam mazhab fekah, maka Asya'irah atau Asy'ariyyah adalah golongan umat Islam yang mengikut aliran akidah Imam Abu Hasan al-Asy'ari.

Tetapi jikalau dikaji dan diselidiki dengan teliti, kita akan didapati bahawa golongan Asyairah itu sebenarnya adalah mereka yang mengikut aliran akidah Abu Hasan al-Asy'ari yang dipegang olehnya sewaktu beliau mengikuti aliran Ibn Kullab, iaitu pegangannya

pada peringkat awal beliau memasuki Ahli Sunnah selepas meninggalkan mazhab Muktazilah, dan bukannya aliran yang dipegang pada akhir hayatnya, kerana apa yang jelas di akhir hayatnya beliau mengikut aliran salaf. Sebagaimana yang disebut di atas.[12]

Abu Bakar Khalil al-Musili menyebut dalam bukunya bahawa golongan Asya'irah lahir selepas kematian Imam Abu Hasan dan mereka itu mengikut cara Abu Hasan yang berpegang kepada aliran dan pendapat Ibn Kullab. Antara lain Abu Bakar Khalil menyebut:

> "Selepas kematian Abu Hasan al-Asy'ari, lahir golongan (umat Islam) yang menisbahkan kumpulan mereka kepada Abu Hasan al-Asy'ari lalu dipanggil dengan nama *"Asyairah"*. Nisbah ini dapat memberi anggapan kepada orang ramai bahawa kumpulan tersebut betul-betul mengikut akidah - mengenai sifat-sifat Allah - sama seperti yang dipegang oleh Abu Hasan al-Asy'ari sendiri (tidak ada sebarang perbezaan). Sedangkan yang sebenarnya nisbah itu sesuai dinisbahkan kepadanya sewaktu beliau berada di peringkat kedua iaitu di peringkat beliau masih mengikut aliran Ibn Kullab di Basrah yang mana waktu itu beliau mengisbatkan kepada Allah beberapa sifat seperti, **Hayat, Qudrat, Iradat, Sama', Basar** dan **Kalam** dan mentakwilkan sifat-sifat lain (sifat-sifat khabariyyah). Asya'irah atau golongan Asyari mengambil persoalan akidah seperti di atas dari pada Imam Abu Hasan di peringkat ini, kemudian akidah itu disebarnya ke seluruh pelusuk negara Islam, dan di karangnya kitab-kitab akidah aliran itu dan diajar serta dipelajarinya. Maka pengikut-pengikut Asyairah berterusan mengikut ajaran itu sampai ke hari ini kerana pada anggapan mereka itulah ajaran yang dipegang oleh Abu Hasan al-Asy'ari, sedangkan yang sebenarnya Abu Hasan al-Asya'ari tidak ada hubungan dengan akidah itu kerana dia telah lama meninggalnya dan telah kembali mengikuti aliran mazhab salaf dan akidah itulah yang dihayatinya sampai dia meninggal dunia dan untuk menyebarkan akidah (baru) itu beliau banyak menulis kitab dan menghantar fatwa mengenainya ke seluruh dunia Islam untuk memberitahu orang ramai bahawa dia kembali kepada akidah salaf dan meninggalkan akidah aliran Ibn Kullab."[13]

Lepas itu beliau menambah lagi katanya:

> "Adalah tidak betul menisbahkan kepada Abu Hasan al-Asyari satu akidah yang di pegangnya pada peringkat awal, (iaitu akidah Ibn Kullab), sedangkan dia telah lama meninggal akidah itu dan menukarnya kepada akidah salaf di peringkat akhirnya."[14]

Dari petikan di atas jelas bahawa akidah Asyairah mengenai sifat **khabariyyah** Allah tidak sama dengan apa yang dipegang oleh Imam Abu Hasan al-Asy'ari, kerana Abu Hasan mengisbatkan sifat itu kepda Allah tanpa ditakwilkan dan tidak diserupai sedikti pun sifat itu dengan sifat makhluk, bahkan beliau mengisbatkan sifat itu seperti Allah isbatkan dalam al-Quran dan juga seperti Rasulullah isbatkan dalam hadis-hadis sahihnya tanpa diserupai sedikit pun dengan sifat makhluk dan jauh sekali dari **mentajsimkan** (menjisimkan) Allah.[15] Bahkan dia selalu menegaskan, maha suci Allah dari menyerupai dengan sesuatu Allah berfirman:

ليس كمثله شيء وهو السميع البصير. [16]

> *Ertinya: Tiada sesuatupun yang setanding (menyerupai) dengan Allah, dan Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.*

Hubungan Akidah Abu Hasan Al-Asy'ari Dan Akidah Asyairah

Sebenarnya akidah Imam Abu Hasan al-Asy'ari dan akidah Asya'irah pada umumnya sama sahaja, kedua-duanya beriktikad sama seperti yang dipegang oleh golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang lain, kecuali mengenai sifat-sifat **Khabariyyah** seperti sifat **Yad, Wajh,**

Nuzul dan seumpamanya. Bagi Abu Hasan al-Asyari sendiri beliau tidak mentakwilkannya.

Dalam kitab al-Ibanah, Imam Abu Hasan menyebut akidah yang dipegangnya secara umum. Antara lain beliau berkata:

> ***"Kami mengaku dan beriman kepada Allah, malaikat-malaikat, kitab-kitab Allah, Rasul-rasulNya dan segala yang dijelaskan oleh Allah dan yang disebut dalam hadis-hadis sahih".***

> ***"Allah adalah Tuhan yang disembah tidak ada yang disembah dengan sebenarnya melainkan Dia yang esa, tempat tumpuan makhluk tidak ada kawan dan anak baginya. Nabi Muhammad adalah hamba dan rasulNya yang diutus untuk membawa agama yang hak, syurga dan neraka adalah benar. Allah bersifat dengan sifat Ilmu, Sama' Basar dan lain-lain."***[17]

Beliau juga menyebut bahawa al-Quran adalah Kalam Allah tidak makhluk; segala perkara baik dan jahat berlaku mengikut Qada dan Qadar Allah. Allah dapat dilihat oleh orang-orang mukmin di akhirat nanti. Iman adalah merangkumi kata-kata dan amalan (قول وعمل) dan ia boleh bertambah dengan melakukan amalan-amalan soleh dan berkurang dengan melakukan maksiat kepada Allah.

Beliau menyebut lagi bahawa manusia yang paling afdal dari umat Nabi Muhammad SAW adalah Abu Bakar al-Siddiq, kemudian Umar Ibn al-Khattab, kemudian Othman Ibn Affan, kemudian Ali, kemudian barulah sahabat-sahabat yang lain.[18]

Apa yang disebut oleh Imam Abu Hasan al-Asy'ari di atas itu, sama seperti yang dipegang juga oleh golongan Asyairah yang lain, tidak ada bezanya.

Selain daripada itu Abu Hasan juga mengisbatkan kepada Allah sifat-sifat Khabariyyah seperti sifat Istiwa', Wajh, Yad, Nuzul, 'Ain dan seumpamanya tanpa ditakwil dan tanpa ditakyifkan (Bila Kaifin).[19] **Pegangan beliau sebegini didapati berbeza dan berlainan daripada**

akidah Asyairah.

Ada pun golongan Asya'irah, mereka mentakwilkan sifat-sifat khabariyyah tersebut seperti mana yang dilakukan oleh golongan khalaf, seperti mentakwil sifat Yad, kepada erti Kuasa, sifat Wajh kepada erti ZatNya, Nuzul kepada erti turun nikmat Allah atau melaikatnya, 'Ain ditakwil kepada erti jagaan dan riayah Allah, dan begitulah seterusnya sifat-sifat Khabariyyah yang lain.[20]

Golongan ini menyebut bahawa takwilan seperti itu perlu dilakukan demi untuk mengelakkan dari berlakunya penyelewengan akidah dan demi untuk mengelakkan dari menyerupakan sifat-sifat makhluk dengan sifat-sifat Allah (atau untuk mengelak dari mentasybihkan Allah dengan makhluk).

Sedangkan Imam Asy'ari sendiri sebagaimana yang disebut dalam kitab-kitab al-*"Ibanah"* dan *"Maqalat al-Islamiyyin"* dan lain-lain, bahawa beliau tidak mentakwilkan sifat-sifat itu sebagaimana takwilan golongan Asyairah atau Khalaf, bahkan diisbatkan sifat-sifat itu kepada Allah dengan tidak ditasybih atau ditamthil dengan sifat-sifat makhluk dan tidak ditakyif atau diperbagaikan dengan sesuatu.

إثباتها بلا تشبيه ولا تمثيل ولا تكييف

Beliau mengisbatkan sifat-sifat itu sama seperti mengisbatkan sifat-sifat Ilmu, Sama', Basar, Kalam dan lain-lain.[22] **Kalau sifat Ilmu, Sama' dan seumpamanya diisbatkan tanpa ada tamthil, tasybih dan takyif, maka sifat Khabariyyah di atas pun diisbatkan tanpa tasybih, tamthil dan takyif.**

Ramai ulama salaf yang mengisbatkan sifat-sifat Khabariyyah tanpa ditakwil dan ditakyifkan sama seperti yang dilakukan oleh Imam Abu Hasan al-Asyfari seperti Imam Malik, Imam Abu Hanifah, Imam al-Dhahabi, Imam Abu Bakar Ibn al-Tayyib al-Baqillani, Imam al-Haramain al-Juwaini, Ibn al-Qayyim, Ibn Taimiyyah dan lain-lain.[23]

Sebagai contoh Imam Malik pernah ditanya erti al-Istiwa' yang disebut dalam Firman Allah: الرحمن على العرش استوى[24]

Beliau menjawab: **al-Istiwa'** adalah maklum (maksud dan ertinya diketahui orang), **kaifiyyat** atau caranya tidak diketahui, beriman dengannya adalah wajib dan bertanya mengenainya adalah bid'ah.[25]

Imam Abu Hanifah ada menyebut bahawa bagi Allah Taala ada sifat **Yad, Wajh, Nafs** yang layak dengan Zat dan sifat-sifatNya. Seperti mana Allah menyebut di dalam al-Quran sifat **Wajh, Yad, Nafs, Istiwa'** dan lain-lain. Semua itu adalah sifat-sifat Allah tidak menyerupai sifat-sifat makhluk, dan tidak boleh ditakwil sifat-sifat itu seperti yang ditakwil oleh golongan khalaf seperti mentakwil **Yad** (tangan) kepada Qudrat, kerana takwilan sedemikian boleh membatalkan sifat-sifat Allah. Bahkan Yad adalah sifat Allah bila Kaifin (tanpa diketahui Kaifiyyatnya), **Ghadab** (marah), dan **Redha** adalah dua sifatNya bila Kaifin (tanpa perlu ditafsirkan).[26]

Imam al-Haramain al-Juwaini yang di akhir hayatnya meninggal akidah Asyairah dan kembali kepada akidah salaf menyebut perkara yang sama katanya:

> *"Ulama-ulama salaf tidak mentakwil (sifat-sifat **Khabariyyah**), bahkan diguna pada makna zahirnya dan diserahkan ertinya yang sebenar kepada Allah Taala. Dan yang kami reda berpegang kepadanya pendapat ulama salaf. Itulah yang sepatutnya diikuti dan tinggalkan yang bidíah.... para sahabat Rasulullah SAW yang dianggap umat Islam yang paling bersih dan yang memikul amanah Islam, mereka tidak mengkaji erti sebenar sifat-sifat itu, dan tidak mentakwilkannya, (tentulah perkara itu tidak dituntut oleh Islam). Kalau sekiranya takwil sifat-sifat itu perlu dan wajib, tentulah mereka mengambil berat mengenai perkara itu lebih dari mereka mengambil berat kepada perkara-perkara Furuk Syariah (Fekah) (sedangkan mereka tidak berbuat demikian)."*[28]

Selain itu Ibn al-Qayyim dalam al-Qasidah al-Nuniyyahnya ada menyebut bahawa Imam Abu Hasan al-Asy'ari memang mengisbatkan sifat-sifat Khabariyyah tanpa ditakwilkan sifat-sifat

tersebut. (dan tanpa ditasybihkan).

Dari petikan-petikan di atas jelas bahawa pendapat dan pegangan Imam Abu Hassan al-Asy'ari mengenai sifat-sifat **Khabariyyah** sama dengan pendapat ulama-ulama salaf yang lain iaitu mengisbatkan sifat-sifat tersebut kepada Allah dan tidak ditakwilkan seperti yang ditakwilkan oleh golongan Asyairah dan tidak **ditasybih** dan tidak **ditakyifkan**. Maha Suci Allah dari menyerupai dengan sesuatu. Maka di sini jelas nampak ada perbezaan di antara akidah Abu Hasan al-Asy'ari dengan akidah Asyairah.

Satu lagi yang perlu disebut di sini ialah mengenai Kalam Allah. **Golongan Asyairah** membahagi sifat Kalam kepada dua jenis;

Pertama *"Kalam Nafsi"* iaitu Kalam Allah yang berdiri pada zat Allah yang tidak berhuruf, tidak bersuara, tidak ada dahulu dan tidak kemudian. Jika dita'birkan dengan bahasa Arab dipanggil al-Quran jika dita'birkan dengan bahasa Abri dipanggil Taurat, jika dita'bir dengan bahasa Siryani dipanggil Injil. Kalam ini adalah Qadim.

Kedua, *"Kalam Lafzi"* iaitu ibarat kepada Kalam nafsi di atas ia meliputi al-Quran dan kitab-kitab samawi lain yang diturunkan kepada para nabi a.s. Kalam lafzi ini adalah makhluk.[30]

Ramai ulama Asyairah menyebut demikian, antara lain; Imam al-Baqillani ada menyebut;

> *"Wajib diketahui bahawa Kalam Allah Taala diguna kepada Kalam Allah yang Qadim tidak berhuruf, tidak bersuara, dan tidak menyerupai dengan sifat-sifat makhluk, dan untuk bercakap Allah tidak berhajat kepada makhraj dan alat-alat (seperti lidah, bibir mulut dan lain-lain)"*[31]

Manakala Imam al-Baijuri pula menyebut bahawa **Kalam** Allah diguna pada **kalam nafsi** yang **Qadim** yang berdiri pada zat Allah dan juga diguna pada **Kalam lafzi** yang bermaksud Allah yang menjadinya dan tidak ada hak bagi mana-mana makhluk untuk menyusunnya...

Kemudian dia menambah, katanya:

"Mazhab Ahli Sunnah berpendapat bahawa al-Quran yang bermaksud Kalam Nafsi, ia tidak makhluk (Qadim). Adapun al-Quran yang bermaksud lafaz yang kita baca, maka itu adalah makhluk. Walaupun begitu tidak boleh dikatakan, ìal-Quran itu makhluk, yakni lafaz yang kita baca adalah makhluk, (tidak boleh dikatakan demikian) kecuali sewaktu mengajar."[32]

Oleh kerana tokoh-tokoh Asyairah mengatakan bahawa **Kalam Lafzi** adalah baru, dan ia adalah ibarat kepada **Kalam Nafsi** Allah yang **Qadim**, maka untuk menjelaskan Kalam Allah yang Qadim itu malaikat Jibril telah menjelaskan kepada nabi SAW.

Imam al-Baqillani dan Imam al-Juwaini ada menyebut hal ini dalam kitab masing-masing. Imam al-Baqillani menyebut:

" Susunan Bahasa Arab yang ia adalah bacaan Kalam Allah Taala itu ialah Qaulu (kata-kata) Jibril a.s."[33]

Manakala Imam al-Haramain al-Juwaini menyebut:

*"Jibril a.s. memahami Kalam Allah Taàla ... kemudian dia turun ke bumi lalu diberi faham kepada Rasulullah SAW apa yang dia faham (dari Kalam Allah) di sisi **Sidrah al-Muntaha** tanpa dia menukilkan **Zat Kalam** (nafsi) Allah."*[34]

Dari petikan di atas jelas golongan Asyairah membahagikan Kalam Allah kepada dua jenis. **Kalam Nafi** yang Qadim dan **Kalam Lafzi** yang makhluk.

Ada ramai ulama mengatakan pendapat di atas juga dipegang oleh Imam Abu Hasan al-Asy'ari tidak ada sebarang perbezaan di antara keduanya.[35]

Walaupun begitu ada pendapat lain mengatakan Imam Abu Hasan al-Asy'ari mempunyai dua pendapat; pertama sama seperti pendapat di atas, dan keduanya sama seperti pendapat ulama-ulama salaf yang lain,[36] iaitu tidak membahagikan kalam kepada dua jenis di atas, bahkan beliau selalu menegaskan bahawa Allah Taala berkata-

kata apabila Dia kehendaki dan bagaimana Dia kehendaki. Kalam Allah berdiri pada ZatNya dan ia **Qadim** tidak makhluk.[37]

Selain itu, sewaktu beliau menjawab pendapat golongan al-Jahamiyyah dan Muktazilah, beliau beberapa kali mengatakan Kalam Allah adalah **Qadim** dan beliau tidak membuat ulasan atau sebutan mengenai **Kalam Lafzi.**[38]

Penutup

Dari huraian yang panjang lebar di atas jelaslah bahawa Imam Abu Hasan al-Asy'ari adalah salah seorang ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah yang bangun menghidup dan menyambung akidah Ahli Sunnah pada zamannya yang telah ditindas dan ditentang oleh pendokong mazhab Muktazilah. Manakala golongan Asyairah adalah golongan umat Islam yang mengikuti beliau sewaktu beliau di peringkat kedua.

Pada umumnya akidah Imam Abu Hasan al-Asy'ari dan akidah Asyairah sama sahaja, kerana kedua-duanya tergolong dalam golongan Ahli Sunnah wal-Jamaah. Walaupun begitu mengenai sifat **Khabariyyah**, kita dapati ada sedikit perbezaan. Kerana Abu Hasan mengisbatkan sifat-sifat itu kepada Allah tanpa takwil dan **tasybih** (diserupai dengan makhluk) sedangkan Asyairah tetap mentakwilnya. Begitu juga mengenai Kalam Allah, Imam al-Asy'ari tidak menyebut **Kalam Nafsi** dan **Kalam Lafzi**, sedangkan Asyairah membahaginya kepada dua jenis. Sebagai mengakhiri penulisan ini saya meminta supaya kita yang mendakwa pendokong Asyairah perlu mendalami akidah Imam Abu Hasan yang dianggap pengasas kepada Asyairah dan perlu mengambil pendapat beliau yang terakhir dan bukannya pendapat beliau yang telah lama ditinggalnya.

RUJUKAN

1 Muhammad Abd. Hadi al-Masri, 'Ahl al-Sunnah Wa Al-jamaah Ma'alim al-Intilaq al-Kubra', Dar al-Tayyibah, Riyadh, 1988M - 1409H, cet. 4, hlm. 58.

2 Abu Bakar Khalil Ibrahim al-Musili, 'Syu'bah al-Aqidah Bayn Abi al-Hasan al-Asya'ri wa al-Muntasibin Ilaihi fi al-'Aqidah', Dar al-Kitab al-

'Arabi, 1990, cet., 1 hlm. 21.
3 Hamad Ibn Muhammad al-Ansari, 'Tahqiq Kitab al-Ibanah An Usul al-Diyanah', Jamiah al-Islamiyyah Bi al-Madinah, 1405, hlm. 9 - 10.
4 Hadi Ibn Ahmad Ali Talibi, 'Abu Hasan al-Asy'ari Bayn al-Mu'tazilah wa al-Salaf', Univ. Malik Abd. al-Aziz, Makkah, 1979, hlm. 13.
5 Abu Bakar Khalil al-Musili, op. cit., hlm. 25 - 33.
6 Ibid, op.cit., hlm. 39 - 48.
7 Ibid, hlm. 42.
8 Ibid.
9 Hamad Ibn. Muhammad al-Ansari, op. cit., hlm. 10.
10 Abu Bakar Khalil al-Musili, op. cit., hlm. 45.
11 Ibid, hlm .85.
12 Hamad Ibn. Muhammad al-Ansari, op. cit., hlm 10.
13 Ibid, hlm. 9 - 10.
14 Ibid, hlm. 10.
15 Imam Abu Hasan al-Asya'ari, 'Al-Ibanah An Usul al-Diyanah', Tahqiq Basir Muhamad 'Uyun, Maktabah Dar al-Bayan, Damsyik, 1990M - 1411H, hlm. 43.
16 Surah al-Syu'ara, ayat 11.
17 Abu Hasan al-Asy'ari, 'Al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah', Tahqiq Hamad Ibn Muhammad al-Ansari, op. cit., hlm. 53 - 54.
18 Ibid, hlm. 54 - 59.
19 Ibid, hlm. 53 - 54.
20 Lihat kitab-kitab akidah Asyairah atau akidah Khalaf yang dipelajari oleh umat Islam di Malaysia dan di Nusantara.
21 Abu Hasan al-Asy'ari, 'Al-Ibanah An Usul al-Diyanah', tahqiq Hamad al-Ansari, op. cit., hlm. 53 - 54.
22 Ibid, hlm 54.
23 Hadi Ibn Hamad 'Ali Talibi, op. cit., hlm. 73 - 79.
24 Surah Taha.
25 Lihat Imam al-Haramain 'al-Juwaini, al-Aqidah al-Nizamiyyah fi al-Arkan al-Islam', Tahqiq, Dr. Ahmad Hijazi al-Saqa, Maktabah al-Kulliyyat al-Azhariyyah, Kahirah, 979M - 1399H. Cet. 1 hlm. 33 - 34.
26 Al-Mala 'Ali al-Qari al-Hanafi, 'Syarh al-Fiqh al-Akbar', Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1979M - 1399H, hlm. 33.
27 Ibid, hlm. 33.
28 Ibid, hlm. 32 - 33.

29 Lihat dlm. Hadi Ibn Ahmad Ali Talibi, op.cit., hlm. 77.
30 Shaykh Abdullah al-Syarqawi, 'al-Syarqawi 'Ala al-Hudhudi', Matbaah Dar al-Ma'arif, P. Pinang, t.t. hlm. 73 - 74. Dr. Muhammad Said Ramadan al-Buti, Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyah, Dar al-Fikr, 1397, cet. 5, hlm. 134 - 135.
31 Lihat Abu Bakar Khalil al-Musili, op. cit., hlm. 198.
32 Ibrahim al-Baijuri, 'Tuhfah al-Murid 'Ala Jawharah al-Tawhid', Matbaah Mustafa al-Halabi al-Babi, t.t. hlm. 45.
33 Imam Abu Bakar Ibn al-Taiyyib al-Baqilanni,' al-Insaf', Tahqiq; Muhammad Zahid al-Kawthari, Muassasah al-Khanji, 1382, cet., 2 hlm. 97.
34 Imam Abu al-Ma'ali al-Juwaini, 'al-Irsyad 'Ila Qawati'al-Adillah fi Usul al-'Itiqad, Tahqiq'; Dr. Muhammad Yusoff Musa, dan Ali Abd. al-Mun'im, Matbaah al-Sa'adah, 1396, hlm. 135.
35 Hadi Ibn Hamad Ali Talibi, op. cit., hlm. 91.
36 Abu Bakar Khalil al-Musili, op. cit., hlm. 194.
37 Ibid.
38 Imam Abu Hasan al-'Asy'ari, 'al-Ibanah', op. cit., hlm 85 - 102.

8 USTAZ ZAKARIA @ MAHMOD B. DAUD

SOALAN PESERTA DAN JAWAPAN

SESI KEEMPAT

Pengerusi : Dr. Abdul Aziz bin Mohd Zain, Ketua Jabatan Dakwah, Akademi Islam Universiti Malaya.

Sebelum saya buka sesi ini untuk perbincangan saya hendak memberi satu cerita sedikit. Di dalam sebuah buku yang ditulis oleh Mariam Jamelah: "Al-Islam Baina an Nazariah wal-Ai'n." ; beliau dengan jelas menulis bahawa Abu A'la Maududi telah mati dihukum gantung oleh pemerintah India pada masa itu Pakistan belum lagi merdeka. Abu A'la Maududi telah mati dihukum gantung sepertimana ditulis dalam kitab itu. Sedangkan yang jelasnya selepas dua puluh tahun lebih buku itu ditulis barulah Abu A'la Maududi mati sungguh. Jadi andainya kitab ini dibaca oleh generasi pada abad ke 21 atau 22 maka mereka akan mendapat suatu maklumat yang belum jelas lagi. Jadi akan berbezalah antara kitab yang ditulis selepas Abu A'la Maududi meninggal dengan kitab yang ditulis oleh Maryam Jameelah itu. Dengan itu berlakulah pertembungan pendapat yang manakah yang betul?

Rupa-rupanya semasa Maryam Jameelah menulis kitab itu memang telah di keluarkan perintah hukuman gantung oleh pemerintah India ke atas Al-Maududi. Cuma beliau merengkuk di dalam penjara tidak dibunuh. Tetapi beliau telah diselamatkan oleh Allah s.w.t. Rupa-rupanya yang sampai kepada kita di Malaysia berhubung dengan akidah tadi ialah akidah Abu Hasan Al-Asyaari di peringkat ke 2 bukan di peringkat ke 3. Maka berlakulah pertembungan sesama kita. Dan yang sebenarnya perbezaan berlaku mengikut penjelasan penceramah, oleh sebab kita meninggalkan akidah Abu Hasan Al-Asyaari bagi peringkat ke 3nya. Sekarang kita buka perbincangan ini kepada saudara-saudara muslimin dan muslimat.

SOALAN 1:
Oleh Encik Sharuddin bin Shaharom daripada Taman Impian, Balakong Selangor.

Saya ragu tentang kisah Abu Hassan Al-Asyaari dikatakan bermimpi jumpa Rasulullah s.a.w. beberapa kali di perenggan tiga dalam kertas kerja itu. Saya tahu berkenaan seorang guru tariqat di Ulu Kelang yang boleh memberi tauliqah kepada tujuh jenis tarikat. Dia pernah mengakui bahawa dia telah mimpi bersembahyang di belakang seoang imam, tetapi didepan imam itu ada seorang imam yang lain. Menurut beliau, sesungguhnya dia telah bermimpi jumpa Rasulullah s.a.w. kerana Rasulullah s.a.w. merupai imam bagi segala imam. Tolong jelaskan keadaan ini.

JAWAPAN OLEH USTAZ ZAKARIA @ MAHMOD DAUD:
Terima kasih kepada saudara yang bertanya. Pertama (a) berhubung tentang mimpi, apa hukumnya? Kita kembali kepada Ahli Sunnah iaitu kita mesti ikut Nabi Muhammad s.a.w. tentang masalah mimpi. Ahli Sunnah mengatakan bahawa mimpi yang sadiqat (yang benar) adalah pemberian Allah dan satu rukhsah (رخصة). Soalan kedua ialah analisis mimpi itu ramai yang mengisbatkan mimpi jumpa Nabi itu betul. Di dalam hadis Nabi pun banyak yang menyentuh tentang mimpi ini. Ada satu peristiwa yang berlaku pada zaman Sahabat, zaman Tabiin di mana ada yang mengaku bermimpi berjumpa Rasulullah s.a.w., maka diminta supaya orang yang mengaku mimpi jumpa Nabi itu supaya menjelaskan (صف لنا) (ceritakan mimpi kepadaku). Kerana apa yang didakwa sebagai mimpi itu mungkin tidak betul. Maka diminta menceritakan betul-betul tentang mimpi itu untuk melihat tentang sifat-sifat Nabi dalam mimpinya. Sifat-sifat yang dimimpi itu dibandingkan dengan sifat-sifat Nabi s.a.w. yang ada di dalam kitab (شمائل الرسول) dalam kitab akidah dan juga kitab-kitab ulamak iaitu kitab khas yang menjelaskan sifat-sifat Nabi, gigi Nabi, hidung Nabi, mata Nabi, rambut Nabi dan semua tentang Nabi secara detail. Yang keduanya, mimpi jumpa Nabi dari segi hukum-hakam. Yusof Al-Qardawi menyatakan bahawa kita tidak boleh jadikannya sebagai satu bahan hukum. Tetapi diambil sebagai berita gembira, (بشرى سارة) atau sebagai ingatan (تنبيه)

sahaja dan tidak boleh menjadi dalil (atau pegangan) untuk sesuatu hukum.

SOALAN 2:
Sila jelaskan lafaz "Allah" dari segi bahasa dan syariat?

JAWAPAN:

Dari segi sejarah, kalimah "Allah" tidak pernah dijumpai. Tapi yang jelas ialah Ia merupakan nama kepada Allah s.w.t. yang berhak disembah, dipuja dan lain-lain lagi.

SOALAN 3:
Sila jelaskan konsep 'NUR MUHAMMAD' yang terdapat di dalam kitab berzanji dan lain-lain dari segi ajaran Islam atau hukum syariat?

JAWAPAN:
Masalah yang besar yang tersebar di dalam masyarakat sekarang ialah berkenaan konsep NUR MUHAMMAD نور محمد . Beberapa tahun yang lalu saya telah mengumpulkan bahan-bahan tentang perkara berhubung dengan Nur Muhammad ini tetapi belum sempat ditulis lagi. Didapati memang ada segolongan orang kita di Nusantara mengutarakan tiga konsep tentang NUR MUHAMMAD. Konsep pertama: (a) Makhluk yang mula-mula dijadikan Allah ialah nur Muhammad., (b) Konsep yang kedua ialah Nabi Muhammad s.a.w. dijadikan daripada Nur Allah (خلق من نور الله). Konsep yang ketiga ialah kalau tidak kerana Muhammad maka tidak akan dijadikan makhluk-makhluk lain.

Inilah tiga rangkaian konsep tentang Nur Muhammad. Ulamak mengatakan bahawa konsep Nur Muhammad ini tidak ada asalnya daripada hadis atau al-Quran (لا أصل له). Ada yang mengatakan bahawa konsep ini disabitkan kepada hadith palsu. Dr. Yusof Al-Qhardawi dalam kitab Fatawa Muasirah (فتاوى معاصرة) mengatakan hadis-hadis berkenaan Nur Muhammad tidak sabit, tidak betul dan tidak boleh dipegangi sebagai Akidah. Dia kata jelasnya, memang ada hadis berkenaan kejadian manusia iaitu: "Kamu semua

daripada Adam dan Adam dari tanah" (كلكم من آدم وآدم من تراب) dan Nabi Muhamamd adalah seorang manusia. Dan ada hadis-hadis lain yang ceritakan berkenaan kejadian tiga makhluk di alam ini. Pertama: Makhluk Jin dicipta dari api (خلق من نار), Kedua: Malaikat dijadikan daripada cahaya (نور) dan makhluk ketiga: Manusia Adam dicipta dari tanah (من تراب). Dengan ini adalah jelas bahawa pendapat berkenaan NUR MUHAMMAD adalah bercanggah dengan hadis Rasulullah s.a.w. Daripada kajian, saya mendapati ramai golongan Sufi menyakini dengan konsep Nur Muhammad ini. Tetapi hadis-hadis berkenaannya adalah bercanggah dengan hadis Nabi s.a.w. yang sahih.

SOALAN 4:
Kita telah melakukan kezaliman jika menisbahkan aqidah 'Asyairah' (pengikut Imam Asyaari masa kini) kepada aqidah Imam Asyaari pada akhir hayatnya. Tetapi apabila masyarakat diberitahu, mereka berkata kita tidak ada dalilnya. Bagaimanakah kita boleh mengukuhkan hujjah bahawa Imam Abu Hassan Al-Asyaari melalui tiga peringkat dari segi akidahnya?

JAWAPAN:
Kalau anak kita dididik supaya takut kepada 'hantu', lama-lama pegangannya menjadi mantap. Ia akan susah hendak ditukar. Begitu juga halnya dengan akidah dan pegangan seseorang. Saya telah jumpa tiga buku. Pertama: Kitab Ibn Kathir setebal 15 jilid bertajuk 'at-Bidayah wa-al-Nihayah' (البداية والنهاية). Kedua kitab Ibn Asakir ابن عساكر murid Abu Hassan Al-Asyaari dan yang ketiga: kitab Imam Maqrizi. Ketiga-tiga tokoh tersebut telah menjawab tuduhan yang tidak berasas itu. Juga sepuluh ulamak besar telah mengesahkan bahawa Imam Al-Asyaari telah kembali kepada aqidah as-Salaf as-Soleh.

9 DR. JIHAD MUHAMMAD ABU NAJA

SATU PENILAIAN TERHADAP JALAN AQIDAH AS-SALAF DAN AL-KHALAF [1]

Pendahuluan

Sebagaimana sedia tahu bahwa aqidah as-Salaf dan aqidah al-Khalaf masing-masing ada jalannya, dan Umat Islam terbahagi kepada dua golongan. Satu golongan menyokong jalan as-Salaf, Manakala yang satu lagi menyokong jalan al-Khalaf, Dengan ini , marilah kita sama-sama cuba membuat satu penilaian terhadap kedua jalan tersebut, iaitu: jalan as-Salaf dan al-Khalaf. Walau bagaimana pun, di sana kita dapati ada kata-kata yang masyhur, iaitu

"طريقة السلف أسلم وطريقة الخلف أحكم"

> **Ertinya : "Jalan As-Salaf lebih selamat , manakala jalan Al-Khalaf adalah lebih tahu/lebih alim dan ada setengah ibarat mengatakan " أحكم " (lebih bijak) dan ibarat lain pula mengatakan " أعلم وأحكم " atau (lebih alim dan lebih bijak).**

Berkata as-Saiyid Murtadha Az-Zubaidi - Rahimahullah- :

"قول من قال طريقة السلف أسلم و طريقة الخلف أحكم – نقل الحافظ بن حجر عن بعضهم – أنه ليس بمستقيم لأنه ظان:

• إن طريقة السلف مجرد الإيمان بألفاظ القرآن و الحديث من غير فقه في ذلك.

• و إن طريقة الخلف هي استخراج معاني النصوص المصروفة

• عن حقائقها بأنواع المجازات:

فجمع هذا القائل-بين:

• الجهل بطريقة السلف

• و الدعوى في طريقة الخلف وليس الأمر كما ظن " .

Ertinya : Perkataan mereka yang berkata : "Jalan as-Salaf lebih selamat dan jalan al-Khalaf lebih bijak", - sebenarnya Al-Hafiz Ibnu Hajar - Rahimahullah - telah menaqalkan dari setengah ulamak mengatakan - bahawa perkataan tersebut tidak betul dan tidak lurus. Ini adalah kerana al-Khalaf menyangka bahawa:

- **Jalan as-Salaf adalah hanya semata-mata beriman dengan lafaz-lafaz al-Quran al-Karim dan al-Hadith as-Syarif sahaja, tanpa perlu memahami perngertiannya.**

- **Jalan al-Khalaf adalah usaha mengeluarkan atau memahamkan makna pengertian lafaz-lafaz itu dengan berbagai-bagai jenis seperti kata " Majaz" yang mana makna dan pengertian tersebut adalah sengaja dipalingkan daripada makna atau pengertian asalnya atau hakikatnya.**

- **Orang- orang yang berpendapat demikian adalah jelas berada di antara:**
  Jahil dengan jalan as-Salaf
  Semata-mata dakwaan kepada jalan al-Khalaf. Tetapi setiap dakwaan perlukan dalil. Di sini tidak ada yang membuktikannya .

- **Lantaran demikian, maka perkataan dan pendapat tersebut bukanlah seperti yang disangka dan ianya memanglah tidak betul.**

2. Jawapan kepada dakwaan al-Khalaf

Untuk menjawap sangkaan-sangkaan al-Khalaf, marilah kita membuat penilaian kepada beberapa masalah yang menjadi perbincangan antara jalan as-Salaf dengan al-Khalaf, antara lain ialah :

PERTAMA: Firman Allah s.w.t. pada ayat ke tujuh surah Ali Imran

(..... و مل يعلم تأويله إلا الله و الراسخون في العلم يقولون

آمنا به كل من عند ربنا و ما يذكر إلا أولو الألباب)

Bermaksud : ...... "Dan tidak mengetahui takwilnya (yang kesamaran) melainkan **Allah**, dan orang-orang yang pakar dalam bidang keilmuan mereka berkata : telah kami beriman terhadapnya (yang kesamaran) (kerana) kesemua itu (muhkam / jelas dan mutasyabih / kesamaran) adalah dari sisi tuhan kami, tidak dapat pengajaran melainkan orang-orang yang mempunyai hati / mengguna fikiran.[3]

Berkata Imam Ibu al-Kathir (Rahimahullah) : "Terdapat berselisihan qura' (para qari) tentang waqaf ditengah-tengah ayat yang mulia ini.

1- Diantara ulamak ada yang mewaqafkan pada lafaz al-Jalalah, iaitu mereka membaca (... و ما يعلم تأويله إلا الله) (Waw pada " ... و الراسخون " adalah Istiknaf, makanya: كلام مقطوع عما قبله (perkataan yang terhenti apa sebelumnya). Ini adalah pendapat Ibnu Omar, Ibnu Abbas, Aisyah, Urwah Ibnu Az-Zubir, Omar Ibnu Abdul Aziz, Abu Asyakthak, Abu Nahik dan lain-lain lagi. [4]

Berkata Imam Asy- Syaukani : "Ia merupakan mazhab al-Kisai, al-Farrak, al-Akhfasy, Abu Ubaid dan lain-lain lagi.

Ibnu Jarir at-Tabari meriwayatkan daripada Imam Malik bahawa ia menjadikannya pendapat pilihannya (al-Muktar). Al-Khattabi menghikayatkan daripada Ibnu Masuud dan Ubai Ibnu Kaab. Imam asy-Syaukani menegaskan :" Inilah pendapat kebanyakaan ulamak".[5]

2- Ada yang mewaqafkan pada " ... إلا الله و الراسخون في العلم ... "
(Waw adalah ataf maknanya : كلام معطوف على ما قبله:

Iaitu ayat bersambung dengan apa yang sebelumnya. Ini diriwayatkan daripada Mujahid daripada Ibnu Abbas (radiyallahu anhum), Rabie Ibn Anas dan Muhammad Ibn Ja'far Ibn Zubir dan ramai daripada golongan Mutakallimin. Diriwayatkan daripada Mujahid bahawa beliau berkata: " و الراسخون في العلم يعلمون تأويله يقولون آمنا به "

Ada ahli bahasa Arab cuba memberi alasan , bahawa "يقولون" di

tempat nasab dan ia menjadi "Hal" takdirnya " قائلين " (apabila huruf waw dianggap ataf).

Tetapi keseluruhannya ahli bahasa Arab tidak setuju dan mengingkarkan alasan tersebut, kerana orang Arab tidak mengidhmarkan (menyembunyikan) " فعل " dan " مفعول " dalam satu masa. Dan mereka tidak menyebut " حال " dalam percakapan mereka kecuali ada zahirnya " فعل ". Maka apabila tidak zahir " فعل " sudah tentu bukannya " حال ".[6] Jikalau dibolehkan seperti itu maka bolehlah dikatakan (عبدالله, راكبا) dengan makna اقبل عبدالله راكبا . Tetapi ia tidak boleh dibuat begitu.

Setelah mengetahui kedua-dua pendapat yang tersebut di atas, kita lihat pula pendapat ulamak dalam 'mentarjih' (memilih) pendapat-pendapat itu.

As-Salaf berpegang dengan pendapat yang pertama, manakala al-Khalaf berpegang dengan pendapat yang kedua, kenapa?

As-Salaf mengikut jumhur al-Quraa dan ulamak, dan riwayatnya sahihah. Manakala pendapat yang kedua adalah riwayat Dhaifah (lemah) dan qiraah syazah (ganjil).

Berkata Imam Ibnu Kathir (Rahimahullah) : " تأويل " didalam al-Quran al-Karim ada dua makna:

PERTAMA : dengan makna " حقيقة الشيء و ما يؤول أمره إليه "

Ertinya: "Hakikat sesuatu dan apa yang kembali urusannya kepadanya".

KEDUA : dengan makna " التفسير و البيان و التعبير عن الشيء "

Ertinya : "Penjelasan, penerangan dan kenyataan terhadap sesuatu".[7]

Sepertimana yang telah diketahui, bahawa as-Salaf berpendapat bahawa kaifiat **nama - nama ALLAH** dan **sifat-sifat** baginya adalah daripada zatnya, yang mana tidak mengetahuinya melainkan ALLAH.

Di atas asas ini, Maka kedua-dua erti " تأويل " adalah lebih tepat waqafnya pada Lafaz al-Jalalah.

Dalam hal ini al-Khalaf mentorjihkan waqaf pada الراسخون في العلم serta mereka menjadikan " تأويل " kepada makna yang kedua ,

yang mana bukanlah erti yang sedia tahu oleh para ULAMAK , Tetapi dalam erti yang bukan kebiasaan ertinya. Inilah tujuan tarjih mereka.

Mithalnya, Firman ALLAH Taala :

{ الرحمن على العرش استوى ..... }

Tafsirnya : "Tuhan AR-RAHMAN di atas ARASY Dia istawa". [8]

" استوى " yang segera faham mengikut ibarat ulamak adalah dengan makna " علا " atau seumpamanya, yang mana ertinya **tertinggi** atau **maha tinggi.**

Tetapi golongan al-Khalaf tidak bersetuju kepada tafsir itu, serta menukarkan maknanya kepada makna yang tak pernah diketahui dalam bahasa Arab, iaitu dengan makna " استولى " ertinya menguasai /menjajah .

KEDUA,Perkataan: الإستواء معلوم، و الكيف مجهول

Pernah ditanya Imam Malik (rahimahullah) tentang maksud " استوى ", lalu menjawab:

الإستواء معلوم (غير مجهول) و الكيف مجهول (غير معلوم).

و الإيمان به واجب، و السؤال عنه بدعة.

> **Bermaksud** : استواء adalah maklum atau tidak majhul , كيف atau kaifiat (caranya(adalah majhul atau tidak makqul , beriman dengannya adalah wajib dan menyoal tentangnya adalah bidah .[9]

Golongan al-Khalaf berkata bahawa: Imam Malik dan imam-imam yang lain yang mengatakan استواء itu maklum, adalah dalam ertikata maklum datangnya daripada al-Quran al-Karim. Manakala kaifiat استواء itu majhul adalah menjadi dalil mereka tidak mengetahui hakikatnya . Dengan itu mereka (as-Salaf) mewajibkan beriman dengannya secara buta tuli sahaja. Serta janganlah sama sekali bertanya tentangnya.

Tetapi manakala kita mengkaji kepada jalan as-Salaf, kita dapati bahawa yang dimaksudkan dengan maklum adalah maklum

ertinya. Cuma yang majhul ialah kaifiatnya. Oleh itu hendaklah kita beriman dengannya. Dengan demikian itu, tidak perlulah untuk kita bertanya tentang kaifiat,kerana bertanya demikian tidak pernah dibuat oleh para sahabat di zaman pertama dahulu. Dalam erti kata yang lain mereka tidak jahil tentang erti sifat, cuma yang mereka jahil ialah kaifiat sifat tersebut.

Sekiranya mereka hanya beriman dengan zahir lafaznya sahaja , serta tidak mengerti maknanya maka timbullah pertanyaan bagaimana mereka berkata استواء adalah tidak majhul dan kaifiat adalah tidak makqul? Kerana pengertian itu akan menjadikan lafaz استواء adalah tidak maklum, bahkan majhul . Maka ini akan menepati فواتح السور (seperti الم , يس dan sebagainya).

Dengan kata lain : Jalan as-Salaf : استواء معلوم ertinya majhul kaifiatnya . Maka bukanlah seperti yang didakwa, iaitu jalan AT-TAFWIDH تفويض . Manakala jalan al-Khalaf استواء majhul ertinya . Oleh itu hendaklah takwilkan maknanya mengikut pengertian al- Khalaf pada TAKWIL, bukanlah TAKWIL yang di maksudkan oleh ulamak muktabir.

PENUTUP

Kertas kerja ini masih ada kekurangannya dan perlu kepada perincian lagi. Ini adalah masalah teknikal dari pihak penulis sendiri. Walau bagaimanapun secara kesimpulannya:

(a) Dakwaan yang menyatakan :

طريقة السلف اسلم و طريقة الخلف أعلم أو أحكم أو أعلم و أحكم

Adalah kurang betul kerana sebenarnya ialah:

طريقة السلف أسلم و أعلم و أحكم

(b) Al-Salaf (السلف) bukan tafwiidh تفويض atau al-mufauwidh (المفوض) malahan jalannya cukup

mengetahui akan erti lafaz-lafaz al-Quran al-Karim dan al-Hadis as-Syarif. Cuma yang menjadi persoalan ialah berkenaan kaifiat nama-nama Allah dan sifat-sifatnya di mana tidak perlu kita mengetahui akan kaifiatnya.

(c) Dakwaan bahawa jalan al-Khalaf boleh memberi erti yang betul pada setengah nama-nama dan sifat-sifat ALLAH Taala, sebenarnya erti yang diberikan itu tidak betul mengikut bahasa Arab yang biasa dipakai oleh orang Arab, malahan yang lebih tepat ertinya adalah mengikut jalah as-Salaf.

Insya Allah perbahasan seumpama ini akan dibuat kajian seterusnya. Ini hanya sebagai anak kunci dan pembuka jalan untuk membuat satu penilaian terhadap jalan as-Salaf dan jalan al-Khalaf.kerana mahu tak mahu kita sedang berada di tengah-tengah gelombang laut samudera kedua-duanya.

NOTA:

1 Penulis percaya bahawa pengertian "as-Salaf" dan "al-Khalaf" telah ada kertaskerja dalam Muktamar/ wacana ini,. maka tak perlulah penulis membawanya di sini.

2 اتحاد السادة المتقين بشرح احياء علوم الدين باكي إمام الغزالي ١١٢/٢

ليهت فتوى الحموية الكبرى، ابن تيمية (نفائس ص ٨٩-٩١)

دان درء تعارض العقل و النقل، ابن تيمية ٣٧٨/٥-٣٧٩

3 آل عمران /٧

4 Lihat تفسير ابن كثير 1/346 tambahan : Ibnu Omar dan Ibnu Abbas daripada تفسير فتح القدير Imam asy-Syaukani 1/315.

5 Lihat تفسير فتح القدير 1/315.

6 Lihat تفسير ابن كثير 1/347, تفسير فتح القدير 1/315.

7 Lihat تفسير ابن كثير 1/347.

8 طه /5 lihatlah ayat الأعراف /54 , الرعد /2, يونس /2, الفرقان /59, السجدة /4-6 الحديد . /4.

9 رواه الدارمي، في الرد على الجهمية ص ٥٥-٥٦ (ت، البدر) اللالكائي

شرح السنة ٣٩٨/٣. إمام الصابوني،

عقيدة السَلف رقم ٢٦ ٢٤٠ (ت، البدر) البيهقي، الأسماء و الصفات ص ٤٠٨

ada 2 sanad . Al-Hafiz Ibnu hajar mengatakan " جيد " pada salah satu sanadnya (فتح الباري ٤٠٦/١٣-٤٠٧)، ابن عبد البر،

التمهيد ١٣٨/٧، ١٥١، ابو نعيم، الحلية ٣٢٥/٦-٣٢٦

sebagai mana : رواه اللالكائي ٣٩٨/٣ dan البيهقي ص ٤٠٨-٤٠٩ 8-409 daripada guru bagi Imam Malik, iaitu Imam Rabiah Ar-Rakyi.

Begitu juga : رواه اللالكائي ٣٧٩/٣ إمام الصابوني رقم ٢٣ ابن قدامة، صفة العلو رقم ٨١، الذهبي العلو ص ٦٥ daripada Ummul Salamah . mendhaifkan hadis Ummul Salamah oleh Ibnu Taimiah الفتاوى ٣٦٥/٥ dan الذهبي serta berkata Hadis yang mahfuz ialah daripada Imam malik , Imam Rabiah ar-Rakyi dan beberapa orang ulamak (العلو ص٦٥)

10 DR. JIHAD MUHAMMAD ABU NAJA DARUL ISLAH, YALA, PETANI SELATAN.

SOALAN PESERTA DAN JAWAPAN

SESI KELIMA

SOALAN 1:
Sila jelaskan tentang masalah 'Qadha dan Qadar' di sisi golongan al-Muktazilah atau al-Mutakallimin.

JAWAPAN:
Adakah yang dimaksudkan: Benarkah orang yang tidak beriman bukannya kafir terhadap Allah? Menurut golongan al-Muktazilah orang yang membuat dosa besar akan tidak termasuk dalam golongan orang kafir atau golongan orang yang beriman. Dalam masalah ini as-Salaf as-Soleh berpendapat selagi seseorang itu mengucap dua kalimah syahadah dan mengakui keesaan Allah, maka dia tetap dianggap beriman walaupun dia melakukan dosa besar. Hukumnya akan ditentukan di akhirat nanti bergantung pada dosanya jika dia tidak bertaubat. Perkara ini memang jelas di dalam akidah as-Salaf. Akan tetapi bagi pihak al-Muktazilah, jikakalau orang mengerjakan dosa kecil tidak mengapa dan akan diampunkan, tetapi bagi dosa besar mereka mengatakan hendak kata kafir dia tidak kafir lagi dan nak kata dia beriman, dia telah mengerjakan dosa besar. Di dalam penyelesaian masalah ini mereka mengutamakan akal daripada wahyu (naqal) (تقديم العقل على النقل). Itulah saya rasa masalah yang terang berkaitan dengan 'Qadha dan Qadar' (القضاء والقدر) di sisi kumpulan al-Muktazilah. Ada dua jenis al- Muktazilah, satu golongan yang dinamakan al-Jabariah dan satu lagi dinamakan al-Qadariah. Golongan al-Qadariah mengatakan bahawa manusia adalah (حر). Maknanya manusia dengan sendiri mengerjakan sesuatu dan tidak ada hubungan perbuatan mereka dengan Allah s.w.t. Satu golongan yang lain (al-Qadariah) mengatakan manusia ini macam wayang kulit. Dia tidak ada mempunyai apa-apa ikhtiar dan

dia jadi pak turut sahaja. Ada kuasa yang mendorongkan gerakan dan kelakuannya. Inilah pendapat mereka tentang "Qadha dan Qadar" daripada dua kumpulan al-Muktazilah ini. Dari segi kumpulan 'Ahli al Sunnah wal Jamaah' mereka beriman dengan Qadha dan Qadar dan berpendapat bahawa manusia mempunyai hak untuk memilih tetapi kuasa (الاستطاعة) untuk mengerjakannya adalah daripada Allah s.w.t. Dalam masalah ini jawapan yang jelas pernah dibuat oleh Ibnu Omar r.a. apabila ditanyakan tentang 'Qadha dan Qadar' mengapa kita perlu bekerja lagi? Ibnu Omar menjawap: "Wahai muridku, mari kita pergi ke sesuatu wadi di mana di tepi sebelah utara wadi itu penuh dengan rumput manakala di sebelah selatan wadi itu penuh dengan pasir. Kalaulah rumput yang tumbuh itu adalah Qadha dan Qadar dan padang pasir tanpa suatu rumput pun adalah daripada Qadha dan Qadar. Adakah itu betul?

Murid menjawab: "Ya". Ibn Omar bersambung:"Sekarang jikalau anda ada seekor lembu, di manakah kamu akan menambatkan lembu itu? Semuanya Qadha dan Qadar. Kalau anda tambatkan lembu di padang pasir itu mengikut Qadha dan Qadar binasalah lembu itu. Jikalau ditambatkan disebelah padang rumput itu memang gemuklah lembu itu." Itulah Qadha dan Qadar yang difahamkan oleh Ahli al Sunnah dan Salaf as-Soleh. Sebagaimana juga yang pernah berlaku pada ayahnya Sayyidina Omar Ibn Khatab r.a. sewaktu membawa tentera ke Syam untuk berperang. Maka berlakulah satu wabak taun yang dahsyat. Omar Ibn Khatab r.a. mengatakan wabak sudah merebak di satu tempat di Syam pada ketika itu. Taun adalah sejenis penyakit yang berjangkit dan kalau siapa pergi ke dalam tempat taun tersebut dia akan dijangkiti penyakit taun. Omar telah bermesyuarat dengan sahabat-sahabat lalu berkata, kalau wabak sudah merebak kita perlu berundur dan pada hari lain kita berperang. Salah seorang Sahabat bangkit lalu berkata: "Wahai Omar adakah kamu lari daripada Qadha dan Qadar?" (kerana Sahabat berpendapat bahawa lari daripada taun adalah lari daripada 'Qadha dan Qadar' mengapa kamu lari?) Jawab Omar: "Ya aku lari daripada Qadha dan Qadar dan aku masuk kepada Qadha dan Qadar lain. Aku tidak terlepas dari Qadha dan Qadar. Aku tidak lari dari Qadha dan Qadar." Inilah jawapan yang jelas dari segi akidah Ahli al-Sunnah wal Jamaah tentang Qadha dan Qadar.

SOALAN 2:
Apakah cara penyelesaian atau berdakwah yang terbaik apabila ada perselisihan pendapat antara pengikut as-Salaf as-Soleh dan pengikut al-Khalaf dari segi fahaman tentang sesuatu ciri dalam ibadah?

JAWAPAN:
Adakah kita perlu terus terang dengan lantang memberitahu cara ibadah as-Salaf ataupun kita nak berperlahan-lahan dan bersembunyi. Adakah begitu yang dimaksudkan? Berkenaan cara as-Salaf perlulah kita memberitahu. Kita perlu terangkan ini jalan yang betul dan ini jalan yang salah. Tetapi awas, jangan kita bertindak secara melulu. Jangan cepat menuduh ini sesat, ini bidaah (كل بدعة ضلالة). Kita tidak boleh buat semacam itu. Kita perlu menerangkan ini dia cara atau jalan yang betul. Tidak perlu pergi ke masalah ranting. Kalau kita masuk kepada masalah ranting tanpa mendapat persetujuan dengan masalah pokok terlebih dahulu maka akan berlakulah tarik tali. Aku betul dan engkau salah. Kita mestilah tentukan terlebih dahulu al-Quran kamu terima atau tidak terima. Selepas itu, hadis kamu terima atau tidak. Soal di situ dahulu. Di daerah Patani kami soal ini dahulu. Terima atau tidak Quran dan hadis. Pada peringkat awalnya mereka tidak terima berdalil dengan al-Quran dan hadis. Mereka berkata: " Siapa mengguna al-Quran dan hadis akan menjadi sesat." Kamipun berasa bingung. Kerana sabda Rasulullah s.a.w. :

> "Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara di mana kamu tidak akan sesat selagi kamu berpegang dengan keduanya iaitu Kitab Allah (al-Quran) dan Sunnahku (Diriwayatkan oleh Imam Malik dan al-Hakim).

Hadis ini hadis sahih yang bermaksud: "Barang siapa berpegang dengan al-Quran dan hadis tidak akan sesat selama-lamanya." Begitu Rasulullah s.a.w. terangkan kepada kita. Tetapi mereka berkata barang siapa berpegang kepada al-Quran dan hadis akan menjadi sesat. Kata-kata mereka bertentangan dengan hadis Rasulullah s.a.w. Sebab itulah kita dalam kerja-kerja dakwah, pertama kita tanya dahulu: terima atau tidak al-Quran dan hadis. Jikalau mereka

menerima al-Quran dan hadis, boleh kita beransur kepada masalah bagaimana cara memahami al-Quran dan hadis mengikut Usul Fiqh, Ilmu al-Quran dan Ilmu Hadis. Masalahnya, bagaimanakah kita dapat memahamkan mereka supaya kita boleh bersatu pendapat? Kita perlu menjelaskan cara atau manhaj as-Salaf as-Soleh satu persatu. Jika mereka tidak terima, kita berhenti dahulu. Kita bawakan hujjah lain pula sehingga mereka boleh terima. Umpamanya kita terangkan bahawa kita perlu berpegang kepada Quran dan hadis mengikut caranya begini. Daripada fahaman begini akan keluarlah natijahnya begini. Kita tanya mereka: "Bagaimanakah status 'Hadis Ahad'? Kalau mereka berhujah berkenaan akidah umpamanya, kita minta dalilnya satu persatu. Dengan cara ini kita boleh dapat pertemuan pendapat. Insya allah.

Apa yang saya hendak ingatkan ialah pada anak muda kerana mereka bersemangat kuat. Kita tidak boleh menuduh golongan al-Asyairah itu sesat. Kerana golongan al-Asya'irah adalah sebahagian daripada golongan ahli al-Sunnah. Cuma mereka ada sedikit menyeleweng dari segi aqidah berkaitan dengan sifat-sifat Allah. Kita perlu terangkan metodologi ahli al-Sunnah wal Jamaah. Manhaj atau metodologi ahli al-Sunnah wal Jamaah tidak boleh dijual beli. Tetapi caranya, mestilah ada tolak ansur. Kalau timbul kekecohan kita perlulah berdiam untuk sementara dan menanti waktu yang lebih sesuai, Insya allah.

Tajuk-tajuk lain yang disyorkan untuk dibaca ialah:

1. **Syiah Imamiyah Mazhab Ke 5?**
   Prosiding Seminar, Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia. Disember 1992.

2. **Tokoh-Tokoh Mujaddid Islam.**
   Prosiding Seminar, Badan Perkhidmatan Penerangan Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan (BPPI) dan Persatuan Ulamak Pulau Pinang & Seberang Perai. Disember 1994.

3. **Gerakan Islah Muhammad ʻAbd. Al-Wahab : Kenyataan dan Tohmahan.**
   Drs Zainal Abidin Syihab.

4. **Gerakan Antarabangsa dan Keselamatan Negara.**
   Sulaiman Noordin.

5. **Bidak-Bidak Di Papan Catur Iblis.**
   Pawns In The Games oleh William Guy Carr. Terjemahan : Ismail b. Mohd Hassan.

AKIDAH
AHLIS SUNNAH WAL JAMAAH

Buku ini membincangkan:

- *Apakah asas-asas akidah ahlis Sunnah wal Jama'ah dan al-Khalaf?*
- *Apakah akidah imam-imam al-arba'ah: Abu Hanifah, Malik, Syafi'i dan Ahmad ibn Hanbal?*
- *Siapakah al-Salaf al-Solih dan al-Khalaf menurut al-Quran dan as-Sunnah dari sudut manhaj?*
- *Betulkah akidah al-Khalaf, ahkam dan a'lam daripada akidah al-Salaf?*
- *Apakah bezanya antara akidah Imam al-Ash'ari dengan akidah pengikutnya (al-Asha'irah)?*
- *Apakah pendapat imam-imam al-arba'ah terhadap Ilmu Kalam?*

ISBN 983-9147-00-5

9 789839 147001